



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PM 18(1): - Ikat Jamin Dengan Bon RM1 Juta Kepada Tertuduh Di Bawah Hukuman Mati Mandatori - YB. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007 <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual:</u>	
Maksud B.32	(Halaman 20)
Maksud B.41	(Halaman 47)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007 <u>Jawatankuasa:</u>	
Maksud P.32	(Halaman 20)
Maksud P.41	(Halaman 47)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

14. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO

20. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tengah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO

19. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. “ Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. “ Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. “ Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. “ Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. “ Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. “ Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. “ Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS

30. Yang Berhormat Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA

65. YangBerhromat Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

100. Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat
Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Petugas-petugas
Penerbitan Penyata Rasmi (*Hansard*)

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak
Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Haji Amran
Ab. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nur Azilah binti Ahmad Ibrahim
Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Zaidazuriani binti Mohd Zamli
Azmir bin Mohd Salleh
Azanariah binti Mohd Yunan
Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 27 November 2006****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, penjelasan mengapa hanya tiga Dewan Nur sahaja yang akan dibina di bawah RMK-9 sedangkan kementerian menghebahkan akan membina Dewan Nur di setiap kawasan Parlimen sejak tahun yang lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan projek Dewan Nur telah dijadikan sebagai projek pembangunan bagi memudahkan peruntukan disalurkan. Peruntukan sebanyak RM700,000 telah pun diluluskan bagi setiap buah Dewan Nur termasuk kos pembelian perabot dan perkakasan.

Projek pembinaan Dewan Nur ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2007. Sebagai permulaan sebanyak lima buah Dewan Nur akan dibina iaitu di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang; Ipoh, Perak; Jempol, Negeri Sembilan; Muar, Johor dan di Libaran, Sabah. Sehingga kini hanya Dewan Nur Parlimen Shah Alam yang siap dibina sepenuhnya.

Kementerian sedang dalam usaha bagi memastikan urusan pembinaan pembelian atau penyewaan bagi Dewan Nur di lain-lain kawasan yang telah ditetapkan berjalan lancar dan mengikut jadual selaras dengan objektif pembinaan yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada golongan wanita dalam menjalankan sebarang aktiviti sosial atau ekonomi. Mewujudkan golongan wanita yang sentiasa produktif dengan idea dan aktiviti baru yang bermanfaat serta meningkatkan peranan wanita dalam usaha mencapai kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Sekian, terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pihak kementerian yang menjawab. Pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian ini yang memang telah banyak membantu masalah tentang keluarga dan wanita di peringkat akar umbi, khususnya. Kita menyambut baik tentang pembinaan Dewan Nur ini. Cuma persoalannya, apakah masalah utama yang menyebabkan kelewatan ataupun tidak menyeluruh pembinaan Dewan Nur ini di setiap Parlimen atau daerah? Adakah ia masalah kewangan ataupun tidak mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri di negara kita?

Dan apakah pengisian sebenar apabila terbinanya Dewan Nur ini? Adakah ianya merupakan satu *one stop agency* ataupun untuk menerima masalah-masalah daripada kaum wanita di setiap kawasan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Masalah yang dihadapi di dalam menguruskan pembinaan Dewan Nur adalah seperti berikut:

- (i) kesukaran untuk mendapatkan tapak yang sesuai di kawasan Parlimen berkenaan dengan kos yang telah ditetapkan;
- (ii) proses pengambilalihan tanah yang memakan masa yang panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebelum Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan yang telah ditetapkan untuk membeli atau membina Dewan Nur adalah hanya RM300,000. Oleh itu, apabila kadar ini terlalu rendah, kita menghadapi masalah untuk dapat tapak atau dapat bangunan yang sesuai.

Untuk makluman Yang Berhormat, Dewan Nur ini adalah berperanan sebagai tempat untuk menganjurkan program dan aktiviti pembangunan wanita dan keluarga dan disediakan secara percuma. Kementerian menggalakkan supaya dewan ini digunakan oleh Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga kawasan Parlimen berkenaan untuk melaksanakan program-program pembangunan wanita dan keluarga yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Selain daripada itu, program-program yang akan diadakan di dewan ini adalah berdasarkan permohonan daripada organisasi atau pertubuhan di kawasan Parlimen berkenaan yang dikemukakan kepada Pejabat Pembangunan Wanita Negeri. Di antara kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di Dewan Nur adalah seperti berikut iaitu kerusi dan meja untuk seratus orang kerana Dewan Nur ini hanya untuk program-program untuk lebih kurang seratus orang. Sistem pembesar suara, skrin LCD, tempat letak kereta, ruang taklimat dan lain-lainnya.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya melihat bahawa masalah tanah ini adalah merupakan satu masalah yang sangat besar di mana-mana sahaja projek ini dijalankan oleh kerajaan negeri. Jadi, ada disebut soal ada tempat di mana kadang-kadang projek telah ditender tetapi masalah tanah belum selesai. Jadi, saya hendak tahu berkaitan dengan cadangan kementerian hendak buat Dewan Nur di Negeri Sembilan. Adakah projek Dewan Nur di Negeri Sembilan ini juga menghadapi masalah-masalah, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah. Kalau mengikut senarai yang saya ada belum ada lagi rancangan untuk membina Dewan Nur di Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, kalau menghadapi masalah untuk mendapatkan tapak yang sesuai, ada lagi satu pendekatan yang boleh diguna iaitu untuk mencari satu rumah kedai yang sesuai untuk pembelian. Sekian, terima kasih.

2. Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak] Minta Menteri Luar Negeri menyatakan, bagaimanakah kedudukan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Thailand ketika ini.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak ke atas soalan yang dikemukakan. Hubungan dua hala di antara dua negara boleh kita lihat dari beberapa perspektif yang akan mempunyai kesan dan impak kepada hubungan dua hala secara keseluruhannya.

Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Thailand dipengaruhi oleh empat elemen yang terpenting iaitu:

- (i) sejarah;
- (ii) politik;
- (iii) ekonomi; dan
- (iv) sosiobudaya.

Di antara satu sama lain, ia mempunyai hubung-kait yang rapat. Kerana latar belakang sejarah, maka kita sering seolah-olah mempunyai kepentingan untuk mencampuri hal ehwal politik dalaman negara Thailand. Ia pula dikaitkan dengan hubungan sosio-budaya dari segi agama dan juga kaum. Lebih-lebih lagi interaksi rapat melalui pertalian persaudaraan di antara satu sama lain.

Ada masanya melalui pertindihan kerakyatan di antara penduduk kedua-dua negara juga mempunyai impak dan kesan terhadap sikap kedua-dua negara di antara satu sama lain. Sebab itulah Malaysia sentiasa menekankan yang kita menghormati integriti dan kedaulatan wilayah negara Thailand. Di masa yang sama, kita perlu mendekati perkembangan semasa wilayah tersebut kerana ia mempunyai kesan kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat kita sendiri.

Lagi pula apa yang berlaku terhadap umat Islam di negara Thailand, kita tidak boleh mengambil sikap berdiam diri. Namun kita tidak akan mahu campur tangan dalam soal dalaman mana-mana negara dari semasa ke semasa konflik terbuka politik negara Thailand akan melahirkan suasana politik yang boleh mengganggu hubungan dua hala di antara Malaysia dan Thailand. Justeru kerana itu, kita sentiasa mahukan hubungan ini diuruskan dengan baik supaya ia tidak akan menjejaskan hubungan kita dari segi jangka panjang.

Walau bagaimanapun, semasa pimpinan Thaksin, timbul ketegangan dari semasa ke semasa oleh kerana konflik di Selatan Thailand. Malaysia tetap menjalin hubungan berbaik-baik di antara pemimpin dan rakyat kedua-dua negara. Walaupun begitu, kerajaan sementara Thailand yang dibentuk baru-baru ini nampaknya lebih bersungguh-sungguh mahu mencari penyelesaian jangka panjang di Selatan Thailand. Mereka juga mahu bekerjasama rapat dengan Malaysia. Kita mengalu-alukan pendekatan yang diambil dan akan membantu mereka jika diminta berbuat demikian.

Dari segi hubungan rakyat bersama rakyat, ia akan terus terjalin secara berterusan. Jalinan hubungan ekonomi perdagangan dan pelaburan menunjukkan angka yang positif dan menggalakkan. Perdagangan memihak kepada Malaysia dan pelaburan Malaysia di Thailand adalah tinggi walaupun pelaburan Thailand di Malaysia adalah lebih tipis dan rendah. Kita akan terus menentukan bahawa hubungan Malaysia dan Thailand akan sentiasa akrab dan rapat. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar kerana telah hadir sendiri untuk menjawab soalan ini.

Yang Berhormat Menteri Luar, kita tahu bahawa dalam bulan September yang baru lalu berlaku peralihan kerajaan daripada Thaksin kepada kerajaan yang disokong oleh junta tentera yang sekarang ini di bawah pimpinan Perdana Menteri Surayud Chulanont tetapi yang ingin saya tanyakan Yang Berhormat Menteri Luar, walaupun kita dapati bahawa ada usaha-usaha hari lebih keras daripada Perdana Menteri sekarang terhadap permasalahan di Selatan Thailand, tetapi keadaan masih tidak berubah. Pembunuhan dan pengeboman masih berlaku hari-hari dan sehingga hari ini kita tahu bahawa boleh dikatakan hampir semua sekolah di Selatan Thailand ditutup oleh kerana keadaan yang tidak menentu.

Yang Berhormat Menteri Luar, sebagai jiran yang terdekat didapati bahawa Perdana Menteri Surayud Chulanont begitu serius dan telah beberapa kali turun ke Selatan Thailand untuk mencari penyelesaian. Tetapi penyelesaian masih lagi tidak tercapai. Apakah Yang Berhormat Menteri Luar usaha Malaysia, usaha ASEAN, usaha OIC di dalam mencari pendekatan baru di dalam membantu kerajaan pimpinan baru ini mencari penyelesaian di Selatan Thailand?

Soalan saya yang kedua Yang Berhormat Menteri Luar, saya ingin bertanya sama ada apakah ASEAN walaupun dalam dasar ASEAN, tidak mahu campur tangan dengan negara-negara jiran, adakah ASEAN membuat sebarang tekanan supaya proses pendemokrasian di Thailand dipulihkan dengan segera. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap perkembangan terkini yang berlaku di Selatan Thailand. Apa yang penting ialah kita lihat ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengatasi konflik supaya ia tidak berterusan dan pendekatan yang diambil oleh Perdana Menteri, Surayud Chulanont menunjukkan beliau mahu melahirkan suasana dan iklim kemesraan di antara rakyat dengan kerajaan pusat.

Oleh itu, kita percaya oleh kerana perkara ini telah berlaku sekian lama, dia bukan suatu pendekatan yang mudah tetapi usaha-usaha perlu diteruskan dan Malaysia menggalakkan pendekatan berdialog, berbaik-baik mencari pendekatan untuk melahirkan keyakinan di antara rakyat di Selatan Thailand dan kerajaan pusat. Oleh itu, di dalam jangka masa panjang, walaupun masa ini banyak perkara-perkara yang telah berlaku sebagaimana Yang Berhormat katakan, kita percaya bahawa dari segi jangka masa panjang ia akan dapat menyelesaikan dengan pendekatan mesra oleh kerajaan Thailand.

Berkenaan dengan soal tidak campur tangan, ini memanglah dasar ASEAN dan juga salah satu daripada piagam utama di dalam piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri. Kita tidak mahu menekan Thailand tetapi kita mahu melihat bahawa Thailand akan akhirnya pulih sebagai sebuah negara demokrasi yang diuruskan oleh rakyat mereka, yang rakyat memilih pucuk pimpinan di Thailand dan kerajaan sementara ini telah memberikan janji mereka kepada negara-negara ASEAN dan juga kepada masyarakat antarabangsa yang mereka berada di situ sementara sahaja dan akan menyerahkan semula kerajaan kepada rakyat untuk menentukannya.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri, kita ada mendengar kenyataan yang mengatakan bahawa para peniaga restoran tomyam di negara kita ini memberi sumbangan kepada para pejuang di Selatan Thailand dan beberapa

tahun yang lalu, adanya kes di mana para pejuang yang berada di Malaysia ini ditangkap oleh Kerajaan Thailand.

Dan juga sebelum ini pemimpin tertinggi majlis para pejuang ini yang kini berada di Eropah pernah bekerja sebagai pensyarah di dua buah universiti di negara kita. Tidakkah dirasakan bahawa kerajaan Thailand itu sering mempunyai syak wasangka terhadap negara atau kerajaan kita, seolah-olah kita membantu gerakan pemberontak ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana di dalam soalan asal tadi, kita sedar bahawa ada perasaan curiga dan perasaan pendekatan bahawa kita bersimpati dengan pejuang-pejuang Thailand yang mahukan sebuah negara yang terdiri daripada umat Islam yang terpisah daripada wilayah Thailand secara keseluruhan.

Namun demikian, kita punya pendirian secara sah dan kita telah memberitahu Kerajaan Thailand bahawa kita menghormati wilayah mereka dan integriti wilayah mereka serta kedaulatan mereka di Selatan Thailand dan kita tidak akan memberi sokongan terhadap apa-apa kumpulan pemisah tetapi kita tidak dapat elakkan ada perasaan kemesraan rakyat sesama rakyat. Oleh kerana persamaan agama dan kaum dan kalau seseorang bekerja di Malaysia dan mempunyai cara yang sah, maka kita tidak boleh berhentikan kerana kita adalah sebuah negara yang mempunyai pekerja-pekerja dari peringkat tertinggi sehingga ke peringkat serendah-rendahnya dari pelbagai negara. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai keantarabangsaannya dan mempunyai masyarakat dari semua pelosok rantau Asia Tenggara.

Oleh itu, kita akan sentiasa memberikan dukungan kepada usaha Kerajaan Thailand untuk mencapai penyelesaian menerusi rundingan dan dialog. Terima kasih.

3. Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang [Hulu Terengganu] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:

- (a) apakah kementerian sedar mengenai penglibatan pelajar-pelajar universiti sama ada pelajar Malaysia atau luar negara dalam kegiatan maksiat dan tidak berakhlak (termasuk menghisap dadah) dan berapakah jumlah yang telah dapat dikesan setakat ini; dan
- (b) jika ada apakah langkah-langkah yang diambil bagi membendung kegiatan yang tidak berakhlak ini dari menular di kalangan pelajar.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan memang sedar ada pelajar-pelajar universiti terlibat dalam kegiatan maksiat dan tidak berakhlak. Untuk tempoh tahun 1971 hingga 2006 iaitu dalam tempoh 35 tahun kebelakangan ini terdapat 3,818 kes kesemuanya yang dilaporkan.

Ini bermakna bahawa purata setiap tahun kira-kira 100 kes. Oleh kerana kita ada lebih 300 ribu pelajar, seratus kes setahun ini yang melibatkan semua universiti tidaklah membimbangkan. Walau bagaimanapun kita memandang serius, sepatutnya pelajar-pelajar universiti merupakan idola memberikan contoh teladan kepada pelajar-pelajar lain tidak harus terlibat dalam kegiatan maksiat dan tidak berakhlak. Bilangan kes yang rendah menunjukkan pelajar

mempunyai sahsiah yang baik dan terpuji dan kita berpuas hati dengan akhlak mereka. Walau bagaimanapun segelintir yang mencemarkan nama universiti ini kita pandang serius.

Untuk makluman Yang Berhormat, berikut ialah perangkaan kes-kes daripada 3,818 tersebut, pecahannya adalah seperti berikut. Yang paling tinggi ialah kes khalwat sebanyak 735; kes penyelewengan akademik – 672; curi – 332; bawa nota ke dalam Dewan Peperiksaan – 270; lalu lintas – 212; dan kes dadah yang ditanya oleh Yang Berhormat ialah 107 kes untuk tempoh 35 tahun yang lalu, yang dilaporkan kepada pihak universiti.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang diambil terhadap pelajar-pelajar berkenaan mengikut peraturan universiti seperti berikut:

- (i) diberikan amaran sesuai dengan konsep *corrective punishment* ataupun tindakan pembedahan;
- (ii) denda tidak lebih RM200;
- (iii) dilarang untuk menggunakan kemudahan universiti;
- (iv) digantung pelajaran yang tertentu; dan
- (v) dipecat terus dari universiti (jika terlalu serius).

Mengenai bahagian kedua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membendung perkara ini: pertama, bagi pelajar-pelajar Islam kita ada Pusat Islam di semua universiti dan di universiti kolej ada pegawai agama, dan Pusat Islam ditugaskan untuk menjalankan dakwah di kalangan pelajar, ada program-program ceramah jati diri, program minggu suai kenal, program sambutan Maal Hijrah, Israk Mikraj dan lain-lain. Apa yang ada di luar kampus juga dilaksanakan Pusat Islam di semua universiti bagi pelajar-pelajar Islam.

Kedua, kita ada beberapa persatuan khusus ditubuhkan untuk membina sahsiah pelajar dan disiplin. Umpamanya di semua universiti ada Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES). Setiap universiti ada kira-kira 500 anggota PALAPES. Bermula pada tahun 2005 diperkenalkan *force* Sukarelawan Polis Siswa (SUKSIS) di mana setiap universiti ada kira-kira seratus orang anggotanya. Ini untuk membina disiplin pelajar-pelajar.

Ketiga, kita ada program *smart partnership* dengan beberapa kementerian umpamanya dengan Kementerian Belia dan Sukan kita ada Program Benci Dadah di mana pelajar-pelajar memainkan peranan aktif untuk memastikan bahawa gejala dadah ini bukan sahaja tidak ada di kampus tetapi mereka memainkan peranan untuk mengurangkan masalah di luar kampus.

Keempat, kita juga menjalankan tindakan penguatkuasaan (*enforcement*). Di setiap universiti ada Bahagian Keselamatan dan tugas mereka ialah untuk memantau keadaan keselamatan dan melaporkan keadaan-keadaan termasuklah kegiatan maksiat di kalangan pelajar. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Semalam kita digemparkan dengan seramai 4,000 orang termasuk yang terlibat dengan menawarkan diri sebagai pelacur atau habuan seks. Soalan saya, adakah laporan ini juga termasuk dalam laporan yang telah dibuat oleh pensyarah Universiti Kebangsaan melibatkan pelajar di IPTA dan IPTS berkaitan pelacuran dan juga yang melibatkan ajaran sesat. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Laporan media semalam merujuk kepada satu kajian oleh pihak UKM yang mengkaji insiden *child prostitution* ataupun pelacuran kanak-kanak di negara kita iaitu kanak-kanak di mana yang kurang daripada 18 tahun.

Oleh itu kes-kes tersebut tidak merujuk kepada pelajar-pelajar di IPTA ataupun IPTS. Ia cuma berkaitan dengan kajian yang menyatakan bahawa terdapat kes-kes ini di beberapa tempat dalam negara kita yang mana kanak-kanak terlibat dalam pelacuran.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu sama ada pihak kementerian ada mengkaji apakah punca yang menyebabkan golongan cerdik pandai ini terlibat dalam gejala-gejala maksiat dan setakat ini apakah kedudukan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti agar membolehkan golongan cerdik pandai ini melibatkan diri dalam parti politik dan juga pertubuhan NGO tanpa melalui birokrasi pihak universiti.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai punca kes-kes ini, yang pertama hendak saya tekankan sekali lagi bahawa sebanyak 3,818 dalam tempoh 35 tahun iaitu purata seratus kes setahun tidaklah membimbangkan tetapi kita memandang serius. Puncanya keruntuhan akhlak, satu masalah yang kita amat memandang serius dalam masyarakat termasuklah di universiti. Ini ada kaitan dengan kefahaman dan penghayatan agama. Kalau bagi pelajar-pelajar Muslim antara puncanya ialah kerana mereka tidak menghayati sepenuhnya ajaran agama Islam - tidak mengamalkan ajaran Islam sebenarnya. Oleh itu mereka telah terjebak dalam kegiatan-kegiatan maksiat.

Mengenai dadah, kes yang dilaporkan cuma 107 kes dalam tempoh 35 tahun. Jadi puncanya kita tahu bahawa dalam masyarakat - di luar kampus pun ini satu isu yang kita sentiasa bahaskan dan antara punca-puncanya mungkin adalah kerana berkawan dengan orang-orang tertentu yang boleh meruntuhkan akhlak mereka.

Kedua, berkaitan dengan AUKU, kita sudah pun selesai mendapat pandangan daripada semua pihak. Semuanya telah pun dikumpulkan dan cadangan ini akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan. Setelah ia diluluskan oleh Kabinet, maka ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

4. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah kesan positif hasil FTA Malaysia-Jepun sejak ia mula ditandatangani. Jumlah barangan Malaysia dan Jepun yang diperdagangkan serta jenis barangan yang diperdagangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Jepun -Malaysia, dengan izin, Japan - Malaysia Economic Partnership Agreement (JMEPA) telah ditandatangani pada 13 Disember 2005 di Kuala Lumpur. Perjanjian ini berkuat kuasa mulai 13 Julai 2006. Mulai 13 Julai 2006 sehingga 1 Oktober 2006, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah mengeluarkan sebanyak 10,136 Sijil Tempasal, dengan izin, *Certificate of Origin* kepada pengeksport-pengeksport Malaysia yang mengeksport barangan mereka di bawah perjanjian ini ke Jepun yang bernilai RM1.9 bilion.

Dengan adanya sijil ini, barangan yang dieksport ke Jepun dikenakan duti yang lebih rendah berbanding dengan barangan sama yang dieksport dari negara-negara pesaing yang tidak mempunyai Perjanjian Perdagangan Bebas dengan Jepun.

Barangan utama yang menggunakan sijil ini dan tidak dikenakan sebarang duti import ke negara-negara lain dikenakan duti pada kadar 2.5% hingga 15% ialah *asid stearic*, minyak sawit, filem kepingan dan helaian *polymers of ethylene dan polyethylene terephthalate*, papan lapis, beg plastik *polymers of ethylene, alcohol acrylic polyethylene terephthalate* dalam bentuk asas dan *fiberboard*.

Statistik dagangan menunjukkan bahawa eksport barangan Malaysia ke Jepun pada bulan Julai hingga Ogos 2006 meningkat sebanyak RM825.3 juta ke RM9.038 bilion berbanding dengan RM8.2127 bilion pada bulan Julai - Ogos pada tahun 2005. Barangan eksport utama ke Jepun ialah produk elektrikal dan elektronik, LNG, produk kayu, produk kimia dan petroleum mentah.

Dalam bidang kerjasama ekonomi di bawah JMEPA, pihak Jepun telah bersetuju melaksanakan sepuluh projek kerjasama automatif. Butir-butir antara projek yang akan dilaksanakan ialah:

Pertama, dengan izin, *Automotive Technical Expert Assistance Program*. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti pengilang komponen dan peralatan tempatan. Program pilot akan dilaksanakan ke atas tujuh syarikat yang terpilih di mana lapan orang pakar di Jepun telah mula menjalankan program pilot di Malaysia. Projek akan dilaksanakan sepenuhnya bermula pada bulan Mei 2007 selama lima tahun dan sebanyak 300 buah syarikat akan terlibat di mana secara puratanya 60 buah syarikat setahun akan menjalani program ini.

Kedua, dengan izin, *Vehicle Type Approval* Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengadakan lawatan ke Jepun pada 2 Julai 2006 bagi mempelajari kaedah pemeriksaan kenderaan bermotor yang digunakan oleh Jepun.

Ketiga, dengan izin, *Automotive Skill Training* di Malaysia. Jepun akan menempatkan enam orang pakar di Pusat Latihan Pengajian Kemahiran Lanjutan Shah Alam. Pakar-pakar ini akan melatih pekerja Malaysia selama lima tahun dan sebanyak 14 bidang latihan akan dilaksanakan yang meliputi bidang pembuatan automatif, penyelenggaraan peralatan dan pembangunan dan jaminan kualiti.

Keempat, *Automotive Skill Training* di Jepun dengan izin. Jepun akan melatih 50 orang pekerja industri automotif negara setiap tahun di syarikat-syarikat automatif di Jepun selama lima tahun. Latihan akan bermula Januari 2007 dan kos-kos latihan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Jepun.

Kelima, *Business Development Program* dengan izin. Misi Perdagangan *Malaysia-Japan Automotive Industry Cooperation* (MAJAICO) ke Tokyo dan Osaka akan diadakan pada 6 hingga 11 November 2006. Sepuluh syarikat telah dikenal pasti untuk mengikuti misi ini. Ini sudah dijalankan sebenarnya, saya belum dapat laporan tentang kejayaannya lagi. Pihak Jepun akan menanggung pembiayaan tiket kapal terbang dan penginapan sepuluh delegasi Malaysia. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu sebelum Perjanjian WTO hanya barang yang terlibat dalam

penglibatan perjanjian ekonomi ini tetapi setelah Perjanjian WTO, *services* ataupun perkhidmatan juga termasuk dalam perjanjian perdagangan bebas ini. Di dalam WTO ini juga, dilibatkan ROO iaitu *Rules of Origin*, maknanya negara yang mengeluarkan ataupun perkhidmatan yang dikeluarkan oleh negara tersebut untuk memudahkan negara-negara yang dalam perjanjian. *Free Trade Agreement* ini menghasilkan barangan mereka ke negara luar.

Soalan saya, apakah perkhidmatan (*services*) yang syarikat-syarikat Malaysia dapat menembusi pasaran Jepun selepas Julai 2006 ini? Berapakah nilai perkhidmatan yang telah kita eksport ke negara Jepun. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan perkhidmatan, buat masa ini saya belum mempunyai statistik kerana kita mula melaksanakan JMEPA pada 13 Julai dan sekarang baru berapa bulan sahaja. Yang saya ada ketika ini adalah mengenai bidang *trading*. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi pada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita tahu bahawa FTA ini memberikan banyak manfaat dan juga faedah kepada negara kita. Di sini, kita tahu juga satu kecenderungan atau satu trend di mana negara kita ini sedang dalam perundingan dengan FTA dengan Amerika Syarikat dan juga akan bermula dengan Chile tidak lama lagi. Persoalan sekarang ialah apakah kedudukan negara kita atau peranan kita dalam rundingan atau forum-forum seperti APEC dan juga *ASEAN Plus Three* yang juga melibatkan aspek-aspek perdagangan. Apakah juga negara kita kerana manfaat dan faedah yang ada sekarang ini, adakah kita ini ingin memulakan satu FTA dengan negara-negara yang membangun dari segi ekonomi seperti di China ataupun India. So, apakah pendirian kita dan kedudukan kita supaya manfaat dan kepentingan negara daripada segi perdagangan dapat dikecapi dan juga dicapai melalui FTA. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan FTA oleh kerana kita tahu bahawa sistem multilateral di bawah WTO tidak menghasilkan keputusan yang cepat. Tujuan kita mengadakan FTA ini kerana kita tahu dalam bidang ekonomi, satu bidang yang dinamik. Pada masa ini kita di hadapan, pada masa akan datang orang lain mungkin di hadapan. Jadi dari segi negara kita, *Malaysian dreams*, impian kita adalah untuk menjadi sebuah negara maju. Di bawah Pelan Induk Perindustrian yang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju, perdagangan kita akan disasarkan kepada RM2.8 trilion berbanding dengan RM1 trilion yang dijangka akan diperolehi pada tahun ini.

Bermakna akan ada *surplus* RM1.8 trilion. Yang ini memerlukan kepada *access* pasaran, di sini FTA memainkan peranan. Di samping itu, dari segi pelaburan dalam bidang *manufacturing* dan juga bidang perkhidmatan, kita memerlukan pelaburan sebanyak RM1 trilion. Jadi dengan adanya FTA, oleh kerana hubungan yang erat dan rapat serta beberapa *concession* yang kita beri, maknanya peluang untuk kita mendapat pelaburan itu akan kita peroleh. Yang Berhormat bertanya mengenai dengan bagaimana kedudukan kita dari segi ASEAN dan *ASEAN Plus Three*. Di sini tidak bercanggah. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita meletakkan salah satu asas adalah untuk memperkukuhkan integrasi ekonomi Malaysia ke dalam ekonomi dunia. Jadi kita akan terlibat dalam beberapa ASEAN dan ASEAN Plus Three itu satu. Kita

mempunyai ASEAN *Free Trade Area* dan menuju kepada satu gagasan ASEAN untuk menjadi *ASEAN Community* pada masa akan datang dan kemudian kita mempunyai FTA dan kita mempunyai juga bilateral ASEAN FTA dengan negara-negara lain seperti China, India dan sebagainya. Dari segi negara kita, kita dalam proses untuk mengadakan perjanjian. Kita masih mengadakan *negotiation FTA* dengan India. Dengan China kita sudah mempunyainya dan ia di bawah ASEAN. Jadi itu kedudukannya.

5. Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai] minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan, mengenai teknologi pengeluaran getah menggunakan konsep Sistem Torehan Intensiti Rendah (LITS) dan mampukah industri getah negara memikul tanggungjawab sebagai pembekal bahan mentah utama tanpa mengimport daripada negara luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Krai. Penggunaan Sistem Torehan Intensiti Rendah atau lebih dikenali sebagai *Low Intensity Tapping System* (LITS), dengan izin. Di kebun-kebun dan ladang getah di negara ini, adalah merupakan satu teknologi pengeluaran getah terkini yang telah diperkenalkan oleh Lembaga Getah Malaysia bagi mengurangkan keperluan tenaga buruh. Pada masa yang sama, ia meningkatkan hasil dan pendapatan pekebun kecil.

LITS diperkenalkan bagi membantu pekebun-pekebun kecil yang kebanyakannya sudah berusia dan tidak mampu untuk keluar menoreh dengan begitu kerap. Dalam masa yang sama, masa yang dijimatkan dengan penggunaan LITS ini dapat dimanfaatkan untuk kegiatan ekonomi yang lain dan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Teknologi LITS adalah merupakan satu sistem di mana pokok-pokok dirangsang atau *stimulus*, dengan izin. Dengan menggunakan satu kimia rangsangan sebagai *etefon* dan juga gas. Bagi pokok kurang daripada 15 tahun, teknik rangsangan *etefon* melalui teknik sapuan digunakan. Bagi pokok getah melebihi 15 tahun pula, sistem eksploitasi menggunakan gas sama ada REACTORRIM, RRIMFLOW dan G-FLEX akan digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, keberkesanan penggunaan LITS dapat dilihat dari segi peningkatan produktiviti dan pendapatan yang diperoleh oleh pekebun-pekebun kecil di kawasan di mana teknologi LITS di guna pakai secara betul. FELCRA di Bukit Pedoman, Johor sebagai contohnya telah berjaya meningkatkan produktiviti sehingga 2000 kilogram sehektar setahun dengan menggunakan kaedah G-FLEX.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan sama ada mampukah industri getah negara memikul tanggungjawab sebagai pembekal bahan mentah utama tanpa mengimport daripada luar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik pengeluaran getah semasa memang dapat menampung permintaan negara. Misalnya pada tahun 2005, pengeluaran getah negara adalah sebanyak 1,126,000 tan. Sedangkan penggunaan hanya sebanyak 386,000 tan atau 34.3% dari jumlah pengeluaran.

Malaysia masih mengimport getah dari negara luar disebabkan pengeluaran getah Malaysia tertumpu kepada gred SMR sedangkan penggunaan getah Malaysia lebih tertumpu pada lateks pekat. Malaysia masih menghadapi kekurangan lateks pekat yang diperlukan oleh industri barangan

lateks, terutama dalam industri pengeluaran sarung tangan. Pada tahun 2005, Malaysia mengeluarkan 190,000 tan lateks pekat. Manakala penggunaan industri barangan getah berasaskan lateks berjumlah lebih daripada 300,000 tan. Kekurangan ini ditampung dengan pengimportan dari negara jiran khususnya Thailand. Oleh itu, untuk mengatasi masalah kekurangan barangan lateks, usaha-usaha akan dilakukan untuk menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan lateks lebih banyak berbanding mengeluarkan getah beku. Sekian, terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang telah memberi laporan yang agak jelas dan ini akan memberi kesan yang baik kepada negara kita khususnya kepada pekebun-pekebun getah.

Soalan saya, dua hari lepas kebetulan saya balik ke kawasan saya Parlimen Kuala Krai empat DUN yang dimenangi rata-rata yang saya lawat ini di tepi sungai boleh dikatakan 90% penoreh getah. Mereka berada di kawasan tepi sungai. Bila melihat sahaja saya datang, mereka ini menangis menyatakan alangkah sedihnya kerana tak dapat menoreh di musim tengkujuh. Musim tengkujuh di Pantai Timur, Tuan Yang di-Pertua bukan satu atau dua bulan tapi tiga bulan. Bila saya bertanya di atas rakit dia kata dia ada anak sembilang orang. Saya kata kenapa di tepi sungai ini ramai anak, yang duduk atas sungai kadang-kadang lima enam. Dia kata kita di sini tak ada kerja jadi anak terlampau ramai. Jadi kasihan.

Soalannya, LITS yang telah diguna pakai yang diperkenalkan malang sekali kepada penduduk-penduduk luar bandar yang tinggal di merata-rata kawasan tepi sungai ini tidak dapat dipergunakan. Saya tanya kenapa benda ini tak dapat digunakan. Dia kata Yang Berhormat ini susah alat ini dia kata - gas, tiub tak dapat kita gunakan dan mereka bertanya tidak dapatkah Yang Berhormat satu alat yang mana kita boleh adakan kalis hujan ini supaya kita dapat menoreh di musim hujan. Lainlah kalau di kawasan Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita di Jeli, dia takut hendak menoreh kerana harimau. Di kawasan saya pun ada harimau. Jadi dia kata kalau hujan tak ada dia tak boleh juga sebab takut harimau. Jadi kita hendak tahu adakah pihak kementerian ini dapat mengatasi supaya dapat mereka ini menoreh di musim hujan kerana inilah satu-satunya jalan mereka mendapat habuan untuk harian mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Saya pun berasa sedihlah dengar cerita ini di mana pekebun-pekebun kecil ini tidak dapat menoreh getah pada musim hujan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kuala Krai memang betul ada peralatan untuk melindungi pokok dari air hujan, kalis hujan tetapi nampaknya ada sedikit masalah di kawasan Kuala Krai dan di tepi sungai dan juga alat-alat perangsang dan juga benda-benda ini seperti *etefon*, RRIMFLOW, G-FLEX dan sebagainya. Saya percaya boleh diguna pakai pada masa hujan, tetapi di sini saya memberi janji kepada Yang Berhormat kita akan salurkan aduan dari Yang Berhormat kepada pegawai-pegawai LGM tempatan dan kita akan melawat kawasan Kuala Krai.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya difahamkan bahawa kerajaan memperuntukkan sejumlah RM100 juta untuk program LITS ini. Jadi sehingga kini berapakah jumlah pekebun-pekebun kecil yang menerima bantuan daripada peruntukan ini dan berapakah daripada RM100 juta itu telah pun diberikan kepada pekebun-pekebun kecil untuk menggunakan LITS ini.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Bera. Untuk maklumat Yang Berhormat, skim bantuan LITS ada dua iaitu skim satu dan skim dua. Di bawah skim satu seperti Yang Berhormat kata tadi sebanyak lebih kurang RM100 juta telah diperuntukkan dan semuanya telah pun digunakan oleh lebih kurang 86 ribu pekebum-pekebum kecil. Melalui skim dua, RM80 juta telah diperuntukkan tetapi setakat ini hanya RM12 juta telah digunakan. Sekian terima kasih.

6. Tuan Raimi Unggi [Tenom] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani masalah cetak rompak dalam industri muzik, perfileman termasuk *software* dan sebagainya yang kian berleluasa di seluruh negara dan berapakah jumlah tangkapan serta tindakan undang-undang yang telah dikenakan kepada mereka yang terbabit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan terus menguatkuasakan bagi membanteras cetak rompak di semua peringkat pengeluaran (*at source*), pendedaran, penjualan dan pengeksportan.

Pada masa ini pemantauan telah dijalankan ke atas gerai, kaunter tanpa nombor, pasar malam, peniaga bergerak, kenderaan perniagaan, stor, premis tetap, kilang dan lapangan terbang. Bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 12 November 2006, sebanyak 24,999 pemeriksaan telah dijalankan yang telah melibatkan 2,571 kes di bawah Akta Hak Cipta 1987 dengan nilai sitaan RM109,862,357. Di antara barangan yang disita termasuk perisian komputer, VCD, CD, CDROM, LD, pita video dan kaset yang bernilai RM475,360,688. Manakala jumlah tangkapan bagi tempoh 1 Oktober 2003 hingga 12 November 2006 adalah seramai 2002 orang.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah lain yang telah diambil bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan dalam usaha-usaha membanteras kegiatan cetak rompak adalah meliputi:

- (i) peningkatan aktiviti risikan bagi mengesan pengilang haram cakera optik yang melibatkan kilang cakera optik berlesen dan kilang haram;
- (ii) peningkatan kerjasama antara agensi melalui tindakan bersepadu di bawah pasukan petugas khas membanteras cetak rompak;
- (iii) meletakkan pegawai secara statik di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai *hot spot*;
- (iv) mempercepatkan proses pendakwaan ke atas pihak-pihak yang disyaki terlibat dalam kegiatan cetak rompak; dan
- (v) mengadakan kempen-kempen kesedaran bagi mendidik pengguna supaya menghargai harta intelek dengan tidak melanggan bahan-bahan cetak rompak yang dijalankan dengan kerjasama pihak pemilik hak cipta.

Kementerian ini juga mewujudkan jalinan hubungan dari segi

pertukaran maklumat dengan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, England, Perancis, Australia, Hong Kong dalam menangani perkara ini dengan lebih berkesan. Di bawah Akta Hak Cipta 1987, peruntukan berkaitan hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah kerana terlibat dalam kegiatan pengedaran bahan cetak rompak ialah denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap salinan pelanggaran atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan membuat salinan langgaran pula denda yang boleh dikenakan ialah tidak kurang daripada RM4,000 dan tidak melebihi RM40,000 bagi setiap peralatan atau penjara tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali. Peruntukan hukuman berkenaan dilihat dengan izin, *deterrent* pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Trend kita pada masa kini iaitu *upload* muzik ke dalam telefon bimbit telah dikenakan setiap *upload* itu telah dikenakan caj RM20 untuk sepuluh buah lagu. Dan lebih canggih lagi sekarang ini telefon bimbit kita juga boleh memuatkan filem. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah ini sah daripada aspek undang-undang? Adakah ini juga dikategorikan sebagai cetak rompak kerana ini juga boleh menjejaskan apa ini pendapatan budayawan kita atau artis-artis negara kita dalam menyumbangkan kepada ekonomi negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tenom. Pertama apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tenom iaitu berhubung kait dengan *downloading* dengan izin menerusi penggunaan telefon itu adalah merupakan satu langkah yang kita tidak boleh diiktiraf sebagai satu langkah cetak rompak terhadap seperti yang berlaku pada hari ini iaitu menerusi CD dan VCD. Selain daripada itu kita juga telah mengambil tindakan-tindakan tegas seperti apa yang berlaku di Pulau Pinang. Saya ingat Yang Berhormat pun sedia maklum tentang bagaimana dia *download* beberapa pendekatan untuk hendak mendapat keuntungan menerusi *website*. Itu sebahagian daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bukan hanya menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tetapi daripada kementerian KTAK - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Walaupun demikian, pihak kerajaan sedang memantau keadaan ini bagaimana kita dapat memastikan supaya perkara ini juga tidak akan menjejaskan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan seperti harta intelek mereka akan turut terjamin kerana ini merupakan satu langkah yang akhirnya akan dapat mengurangkan hasil pendapatan bukan hanya pada pengarah, pencipta, penyanyi dan pihak-pihak yang semuanya terlibat dalam industri ini akan turut terjejas sekiranya tidak ada bentuk sistematik yang boleh mengawal membendung keadaan ini dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bertanya soalan, izinkan saya mengalu-alukan Pemuda MCA Tangga Batu bersama-sama kita pada pagi ini. Selamat datang.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kementerian berusaha keras dan saya berpegang ia memerlukan satu revolusi tindakan di dalam menangani isu

ataupun mempertahankan hak-hak pencipta di negara kita. Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan berasaskan kepada jalinan-jalinan antarabangsa untuk memperkenalkan hukuman yang lebih keras kepada pencetak-pencetak rompak ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Memang perkara ini kita anggap sebagai satu langkah yang tidak boleh dilakukan oleh sebuah negara seperti Malaysia sendiri. Perkara ini harus kita *globalize*, ataupun dengan izin, *internationalize*.

Usaha untuk membanteras cetak rompak bukan hanya di negara kita di rantau Asia bahkan juga di seluruh dunia. Saya masih ingat masa saya membenteng satu kertas kerja di *Geneva* di mana sambutan daripada ahli-ahli yang terbabit di persidangan itu mengakui bahawa perkara ini perlu di atasi di peringkat antarabangsa untuk membanteras kegiatan cetak rompak. Kadangkang kita dapati bahawa kita merupakan salah satu *transit point*, dengan izin. Ada juga barangan cetak rompak yang disalurkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bila kita menempatkan peralatan *scanning machine* dengan izin di Lapangan terbang seperti KLIA kita dapati bahawa ada barangan-barangan yang dikeluarkan daripada negara-negara lain dan menerusi transit.

Akan tetapi dalam pada itu kita memantau dengan rapi keadaan ini saya akui kita perlu membuat pendekatan yang dipertingkatkan untuk memastikan usaha untuk membanteras kegiatan ini dapat kita jayakan. Langkah-langkah seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tangga Batu mungkin contohnya kalau memerlukan seperti penjara secara mandatori itu sebagai satu langkah yang mungkin berkesan kerajaan atau kementerian melihat perkara ini sebagai sebahagian langkah-langkah kemungkinan yang boleh akan diambil oleh kerajaan sekiranya itu dapat membantutkan usaha langkah-langkah pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

7. Dato' Dr Wan Azmi Bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah pendekatan-pendekatan baru dalam Rangka Pelan Pembangunan Wilayah.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Laje]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua, Pelan Pembangunan Wilayah yang dilaksanakan oleh kementerian ini masih mengekalkan tiga pendekatan atau konsep pembangunan wilayah yang sedia ada:

- (i) konsep *resource the new land development*;
- (ii) konsep pembangunan setempat atau *in situ development*; dan
- (iii) konsep kombinasi antara *resource the new land development* dan *in situ development*.

Tuan Yang di-Pertua, konsep *resource the new land development* adalah pembangunan wilayah yang melibatkan pembukaan kawasan baru bagi melaksanakan pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pertanian, industri kecil dan aktiviti komersial serta kawasan penempatan baru. Contoh Lembaga Kemajuan Wilayah yang menggunakan konsep ini ialah KEJORA, KESEDAR

dan KETENGAH. Manakala konsep pembangunan setempat atau *in situ development* adalah pembangunan semula kawasan-kawasan luar bandar yang sedia ada. Pembangunan semula ini melibatkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan khidmat sokongan untuk manfaat penduduk luar bandar yang memberi tumpuan kepada pembangunan manusia, institusi sosial, dan ekonomi penduduk setempat. Contoh Lembaga Kemajuan Wilayah yang menggunakan konsep ini ialah PERDA dan KEDA.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan pembangunan wilayah yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah yang mana matlamat Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah untuk merapatkan jurang sosioekonomi antara bandar dengan luar bandar dan untuk mewujudkan keseimbangan di antara wilayah membangun dan yang kurang membangun. Walau bagaimanapun, bagi menggiatkan lagi pembangunan wilayah, pendekatan baru telah dilaksanakan oleh kementerian ini iaitu pembangunan berkonsepkan agropolitan. Pembangunan berkonsepkan *agropolitan* dilaksanakan di kawasan terpilih yang mundur, terpencil dan terbiar di beberapa negeri yang dikenal pasti memiliki kadar kemiskinan tegar tinggi di Malaysia ini. Sekian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok mendengar bahawa pendekatan Pelan Pembangunan Wilayah yang mana rata-rata kalau kita lihat di Semenanjung Malaysia ini telah berjaya dan baru-baru ini saya amat sedih yang mana dalam kita menyuarakan masalah Sabah yang masih lagi tidak dapat menerima konsep ini dan yang sedih bagi kita jawapan dari kementerian bahawa kementerian sedang memujuk kerajaan negeri Sabah untuk menerima pembangunan wilayah ini. Jadi saya ingin tahu dari kementerian sekali lagi sekiranya kerajaan negeri Sabah tidak menerima pembangunan wilayah ini dan apakah bentuk yang kementerian akan lakukan supaya rakyat negeri Sabah tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin yang begitu prihatin terhadap pembangunan di Sabah dan juga di Sarawak. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya walaupun kerajaan negeri Sabah belum lagi bersedia untuk menerima konsep pembangunan wilayah seperti yang ada di Semenanjung ini, tetapi kerajaan negeri Sabah sudah pun menandatangani satu pendekatan baru yang digunakan oleh kementerian iaitu permohonan *agropolitan* di Pulau Banggi, Sabah. Jadi ini yang menunjukkan bahawa kerajaan negeri Sabah sudah menerima tetapi dengan pendekatan yang berlainan daripada konsep yang kita guna sebelum ini.

Di sini Pulau Banggi ini akan mempunyai aktiviti ekonomi *anchor economic activity* iaitu aktiviti ladang getah. Jadi apa yang akan dilakukan oleh kementerian adalah agensi pelaksana FELCRA akan bertanggungjawab ke atas pembangunan ladang di Pulau Banggi ini dan agensi-agensi lain seperti Bahagian Ekonomi akan membina gerai, Bahagian Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial seperti biasa akan dipertanggungjawab ke atas pembangunan infrastruktur jalan raya, jalan kampung dan sebagainya dan Bahagian Teknologi Maklumat juga akan dilibatkan dalam pembangunan di Pulau Banggi ini. Sekian,

terima kasih.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik hati apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa keseimbangan di antara pembangunan wilayah. Jadi, saya nak bertanya kepada Yang Berhormat menteri, adakah kementerian mempunyai apa-apa cadangan terhadap pembangunan Johor Utara dan kalau tak ada, saya nak jemput supaya kementerian masuk untuk memberikan pembangunan dalam Johor Utara ini kerana apa yang telah kita tahu baru-baru ini bahawa Johor Selatan telah menerima pembangunan Wilayah Iskandar. Jadi, keseimbangan antara Johor Utara dengan Johor Selatan nanti tak sama. Jadi, apakah kalau perancangan daripada kementerian untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara dua wilayah ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Tiki anak Lafe: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sekijang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini, saya tidak ada maklumat ataupun kementerian belum lagi ada perancangan untuk pembangunan seperti Johor Selatan tetapi saya menyambut baik cadangan dan pelawaan Yang Berhormat itu dan saya akan bawa kepada kementerian.

8. Tuan Che Azmi bin Hj. A.Rahman [Kuala Nerus] minta Menteri Luar Negeri menyatakan, adakah Malaysia sebagai Pengerusi OIC bercadang untuk membaik pulih dan menambah nilai, peranan OIC dari satu forum yang bercorak *joint consultation* kepada forum yang bercorak *joint oriented*. Adakah kerajaan bersedia untuk mencadangkan kepada OIC supaya ditubuhkan satu pasukan atau pakatan tentera Islam yang bercorak *peace keeping*.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Nerus di atas soalan yang dikemukakan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, misi serta visi Malaysia sejak kita menerajui OIC sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak Kesepuluh mulai Oktober 2003, antaranya adalah untuk memulihkan imej OIC serta keberkesanannya dalam melaksanakan harapan dan inspirasi negara-negara anggota. Kita mahu jadikan OIC sebagai satu pertubuhan yang tampak lesu dan tidak bermaya kepada satu badan yang mempunyai peranan yang dihormati serta disegani dan proaktif bagi menyuarakan dan menangani isu berhubung dengan kepentingan negara-negara anggota.

Malaysia juga mahukan OIC dilihat sebagai pertubuhan yang tidak hanya memberikan perhatian kepada soal politik sahaja, malahan turut memberikan penekanan kepada isu ekonomi serta kebajikan negara-negara dan umat Islam secara keseluruhannya. Dalam hal ini, usaha bagi membaik pulih dan menambah nilai peranan OIC dari satu forum yang dilihat sebagai lemah dan kurang berupaya kepada satu badan yang lebih dinamik dan bertenaga, sebenarnya bukan lagi di peringkat cadangan, malahan telah pun diambil langkah-langkah yang bermakna sebagai Pengerusi OIC seperti berikut:

- (i) kita telah melalui apa yang dicadangkan oleh Malaysia, kita telah pun melakukan penstrukturan semula pejabat Sekretariat di Jeddah. Cadangan ini yang dibuat melalui penggunaan konsultan bebas dari Malaysia iaitu '*essential*' telah pun dilaksanakan. Ia nya termasuk memastikan pelantikan para pegawai di sekretariat dibuat berdasarkan merit atau pun

- berasaskan keupayaan dan kebolehan dan kepakaran pegawai dan bukan lagi faktor yang lain;
- (ii) penubuhan Jabatan Hal Ehwal Wanita di Sekretariat OIC di Jeddah bagi memberikan perhatian terhadap soal-soal dan isu berkaitan wanita Islam yang dikatakan terabai sebelum ini;
 - (iv) pelancaran Program Pembinaan Keupayaan bagi negara-negara anggota OIC bertujuan bagi membantu negara-negara anggota yang layak dan berminat. Ini dilakukan dengan kerjasama daripada *Islamic Development Bank* atau Bank Pembangunan Islam dengan izin.

Dari program ini termasuklah di peringkat pertama, kita telah melaksanakan dengan Sirilion, Bangladesh, Mali, Mauritius dan Indonesia; dan

- (v) menggalakkan perdagangan dan pelaburan melibatkan negara-negara Islam kerana *intra-trade* melibatkan negara anggota OIC masih amat rendah iaitu pada kadar 12% sahaja. Sebagai perbandingan *inter-trade* melibatkan negara anggota ASEAN adalah 21% dan Kesatuan Eropah 70%. Malaysia juga akan mengadakan sebagai usaha perintis untuk menubuhkan Tabung Zakat Antarabangsa. Penubuhan institusi tersebut bertujuan untuk membantu kebajikan umat Islam secara *holistic*. Usaha awal ke arah tersebut sedang dirancang dan kita akan mengadakan satu Persidangan Zakat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada hari esok 28 November 2006.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan yang telah dikemukakan dalam persoalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Nerus ialah berkenaan mengadakan *peace-keeping*, pasukan *peace-keeping OIC*. Ini perlu kita lihat dari segi kewajaran, keperluan serta *sustainability* nya atau sama ada kita mempunyai kemampuan untuk kelangsungannya. Dalam hal ini, supaya kita bergerak mengikut saluran Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah menubuhkan Suruhanjaya Keamanan di peringkat Bangsa-Bangsa Bersatu itu. Oleh itu, apa juga minat kita seharusnya kita menentukan sistem kepelbagaian dapat dipertahankan. Terima kasih.

Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Malaysia sebagai Pengerusi OIC, semua negara kenali kita sebagai sebuah negara pengaman kepada negara-negara yang ada masalah dan juga menghadapi konflik. Kita telah pun menghantar pasukan pengaman kita ke Bosnia, Timor Timur dan juga negara-negara lain. Dan kita beria-ia untuk menghantar pasukan pengaman kita ke Lubnan. Saya nak tanya, soalan tambahan saya kenapa kita tak menghantar tentera pengaman kita ke Selatan Thai untuk menyelesaikan masalah di Selatan Thai. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Nerus di atas soalan yang dikemukakan. Sebelum sesuatu isu itu dapat dibawa ke peringkat untuk menghantarkan tentera pengaman, ianya perlu menjadi satu isu antarabangsa

yang telah diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Di negara Thailand, perkara ini masih dianggap sebagai isu dalaman yang tidak melibatkan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebab itu tindakan untuk menghantar pasukan keamanan tidak dapat dilakukan. Dan dalam konteks Bangsa-Bangsa Bersatu sendiri, negara yang terlibat perlu bersetuju untuk ianya menjadi satu isu antarabangsa dan memerlukan pasukan pengaman antarabangsa.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut jawapan Yang Berhormat menteri tadi, tindakan yang diambil masih tidak bersifat proaktif. Kita masih duduk di tahap lama dan soalan tambahan saya adalah kenapa kita tidak mencadangkan satu tindakan yang lebih proaktif iaitu mewujudkan negara-negara untuk membina kuasa nuklear. Sebagai contoh Korea Utara, Amerika ugut banyak kali nak serang tapi tak berani serang sebab dia ada kuasa nuklear.

Kita berseminar, kita mengadakan *confrences*, kita mengadakan *symposium*, kita hanya ditertawakan oleh negara besar. Kenapa tidak OIC, Malaysia sebagai Pengerusi OIC membuat satu cadangan yang lebih proaktif iaitu angkatan membina senjata nuklear. Itu soalan tambahan saya... [Dewan riuh] [Ketawa]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya nampak Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sudah mempunyai sikap yang agak agresif untuk memulakan peperangan baru di dalam dunia yang sudah cukup dengan konfliknya. Saya fikir yang paling pentingnya ialah bukan kita nak melahirkan satu suasana di mana kita akan berbalah di antara satu sama lain. Yang pendekatan Malaysia ialah supaya kita dapat melahirkan satu iklim aman dan stabil, ada keselamatan di mana pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kalau kita nak membina tenaga nuklear, ia tidak menjadi masalah selagi kita mengikut apa yang terkandung di dalam *Nuclear Non-Proliferation Treaty*. Oleh itu, terima kasih di atas cadangan, kalau cadangan itu proaktif, ini bukan satu cadangan untuk menggunakan senjata nuklear sebagai satu cadangan yang kita mahu alu-alukan. Terima kasih.

9. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah selanjutnya yang akan diambil bagi mengatasi masalah bertambahnya jangkitan HIV/AIDS di kalangan rakyat walaupun kerajaan telah mencuba memberi penagih *methadone* dan kondom percuma.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih, soalan daripada Yang Berhormat bagi Jasin. Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung penularan HIV/AIDS yang lebih berkesan adalah antaranya memperkukuhkan pendekatan multisektoral, yang merangkumi aspek kesihatan, sosial, ekonomi, agama, budaya, perundangan dan kemasyarakatan melalui gandingan agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta, pemimpin politik, agama dan masyarakat termasuk mereka yang hidup dengan penyakit tersebut.

Kedua, kerajaan juga sudah pun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet mengenai HIV/AIDS yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dibantu oleh Jawatankuasa Penasihat Kebangsaan dan Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan mengenai HIV/AIDS untuk menangani cabaran HIV/AIDS yang lebih inovatif dan lebih berdaya maju dan

berorientasikan keputusan. Ketiga, meluluskan satu pelan strategik kebangsaan bagi HIV/AIDS bagi tempoh 2006/2010 selain menekankan terhadap pelaksanaan program pengurangan kemudaratan atau dalam bahasa Inggeris dengan izin *Harm Reduction* yang meliputi program penukaran jarum dan rawatan gantian *methadone* pelan strategik ini juga merangkumi aspek-aspek berikut:

- (i) pengukuhan kepimpinan dan komitmen serta kesepakatan dalam memerangi HIV/AIDS di peringkat akar umbi;
- (ii) meningkatkan peruntukan HIV/AIDS daripada 200 juta kepada 500 juta bagi tempoh 2006 hingga 2010; dan
- (iii) meningkatkan kebolehcapaian terhadap maklumat tentang HIV/ AIDS Program pencegahan, rawatan, penjagaan khidmat sokongan dan bantuan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Kita tidak dimaklumi bahawa pesakit-pesakit HIV/AIDS di Malaysia ini sudah meningkat lebih daripada 60 ribu orang. Bagi sebuah negara yang mempunyai 25 juta penduduk, 60 ribu orang yang kita sudah kenal pasti, yang belum dikenal pasti ini belum tahu lagi, yang dikenal pasti sudah melebihi 60 ribu orang Tuan Yang di-Pertua. Di Australia yang mempunyai penduduk 23 juta, 24 juta hanya mempunyai 18 ribu sahaja kes HIV dan apakah pengalaman di Australia ini boleh kita jadikan model untuk menangani masalah negara kita, mohon penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan yang bijak daripada Yang Berhormat bagi Jasin, sahabat saya. Saya pun tidak dapat *figure-figure* tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kita semua sudah maklum, Yang Berhormat Menteri pernah menyatakan dalam akhbar bahawa memang terdapat 19 kes baru HIV setiap hari. Sementara tiga kematian AIDS setiap hari. Ekoran daripada keadaan yang sangat membimbangkan dan kita di Malaysia kejadian HIV/AIDS 70% sumbernya adalah daripada penyalahgunaan dadah. Sementara di Australia, sumber HIV/AIDS adalah daripada *style* hidup, sex yang rambang dan bebas.

Ekoran daripada itu, kita tidak boleh ambil semua sekali sistem yang ada di Australia, malah kita sudah pun menghantar *team* ke beberapa negara termasuk kita hendak hantar *team* ke Iran. Bagi memastikan yang pendekatan *harm reduction* atau mengurangkan kemudaratan ini bersesuaian dengan cita rasa budaya, agama yang ada di Malaysia. Sebagai contoh di Malaysia kita sudah mulakan program bukan sahaja *methadone*, kita sudah mulakan program penukaran jarum dan pemberian kondom tetapi, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini kita buat secara perkongsian bijak dengan badan-badan bukan kerajaan. Kita *start* dengan empat *pilot project*.

Sudah pasti rakan-rakan dalam Dewan ini akan tanya sama ada mereka yang membuat program *outreach*, dengan izin, ini bagi jarum atau kondom secara rambang atau duduk dekat tepi jalan, siapa hendak kondom atau jarum *free*. Ia tidak semudah itu Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah juga *join outreach*, tetapi tidak ada media ikut. Kalau saya bawa kondom dan jarum, jumpa dengan mereka yang tergolong dalam HIV/AIDS ini, saya ingat saya punya jarum dan kondom yang saya bawa tidak akan dapat sambutan kerana *outreach* yang dijalankan oleh NGO ini dia *ukhuwah* dia, *bond* dia sangat baik dan dia hanya jumpa dengan orang-orang yang tertentu sahaja, di tempat-tempat yang

tertentu di masa-masa yang tertentu. Terima kasih.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu hendak ucapkan selamat datang kepada pegawai kakitangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan kakitangan pemimpin penduduk kawasan Parlimen saya Maran... [Tepuk]

Soalan tambahan saya, hari Sabtu baru ini saya berjumpa dengan seorang penyakit HIV *confirm positive* dan kalau ikut keterangan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi, bahawa HIV/AIDS memang serius di negara kita dan nampaknya mereka yang positif HIV/AIDS ini bebas merata-rata, di kampung-kampung, di tempat-tempat yang dahulunya aman dihantar sebagainya dan saya hendak tanya kementerian sejauh mana seriusnya saya jawapan kementerian Alhamdulillah, memang cantik tentang *on the ground*, dengan izin, di kampung-kampung masalahnya cukup serius. Saya bimbang dia akan menular bukan sahaja kepada kawasan-kawasan pinggir bandar bahkan di kampung-kampung tradisional.

Jadi, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, daripada 60 ribu hampir lebih kurang 60 ribu orang berpenyakit AIDS ini, berapa orang daripada mereka ini yang betul-betul dikawal oleh kerajaan? Maknanya di *monitor* betul-betul. Sebab di hadapan kampung saya boleh jumpa begitu saja, makna saya, pada saya mereka ini cukup bebas. Berapa orang yang dikawal sepenuhnya oleh kerajaan lepas itu ada yang dicadangkan supaya hantar ke pulau dan sebagainya dan di samping itu berapa pula yang bebas daripada 60 ribu orang, berapa yang bebas merayau merata-rata di mana-mana kampung dan sebagainya, mohon penjelasan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, melihat daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Maran, jelas Yang Berhormat tidak berapa faham tentang penyakit HIV ini. Penyakit HIV ini kalau kita pegang, kita sentuh, kita makan bersama macam iklan "Aiman tak kesah" Tuan Yang di-Pertua. Dia sebenarnya dia tidak bahaya, sebab itu pemimpin-pemimpin politik perlu faham tentang penyakit tersebut kena faham virus tersebut dan bagaimana ia boleh menular sebab kita di Kementerian Kesihatan walaupun isu awalnya bukanlah masalah kesihatan, isu dia pelbagai faktor tetapi, oleh kerana akhirnya ia akan pergi balik ke Kementerian Kesihatan kerana mereka akan terlantar di hospital selepas semua anggota masyarakat mengasingkan mereka kerana masyarakat tidak faham tentang penyakit tersebut.

Oleh yang demikian, kita ada rekod dan kita *trace* mereka. Mereka bebas. Tidak semua HIV ini di dalam fasa boleh menjangkiti orang dan tidak semua HIV akhirnya... Memang betul HIV ia sampai ke AIDS, tetapi tidak semua mereka ini mendatangkan bahaya selagi kita boleh kawal mereka dan mereka boleh hidup secara normal. Boleh pergi toreh getah, boleh kerja. Cuma oleh sebab masyarakat tidak faham tentang penyakit tersebut, sebab itu stigma ini berlaku.

Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun rekayasa (*reengineering*) mengenai pendekatan tersebut dan *insya-Allah*, walaupun perkara tersebut dalam *pilot*, statistik-statistik mutakhir telah pun menunjukkan bahawa pendekatan yang Kerajaan Barisan Nasional buat adalah pendekatan yang praktikal, yang hadhari dan yang menunjukkan keputusan. Terima kasih.

10. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, kadar *recidivism* atau perlakuan berulang penagih dadah yang telah dibenarkan keluar dari pusat-pusat serenti seluruh negara, serta menyatakan apakah langkah-langkah kementerian untuk mengurangkan kadar tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, rawatan dan pemulihan ke atas penagih dadah merupakan satu proses yang kompleks dan sukar kerana setiap penagih adalah berbeza dan bergantung kepada pelbagai faktor persekitaran termasuklah tahap keparahan, latar belakang keluarga, sokongan sosial dan masyarakat serta pelbagai faktor lain. Penagihan dadah adalah sejenis penyakit kronik yang mudah berulang. Proses rawatan dan pemulihannya memerlukan masa yang panjang kerana pemulihan merupakan proses sepanjang hayat.

Justeru itu, keberkesanan pemulihan sukar dicapai dalam jangka masa yang pendek dan ia hanya dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada rekod Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), peratus pencapaian kejayaan pemulihan ialah 20% hingga 25%. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan pemulihan sekali gus mengurangkan kadar ulang seperti berikut:

- (i) memberi latihan kemahiran kepada bekas penagih-penagih dengan kerjasama Giat Mara dan dalam bidang-bidang seperti sektor pertanian, motor mekanik, kraf tangan, jahitan dan pelbagai lagi industri-industri yang kecil yang merupakan *cottage industry*;
- (ii) mewujudkan kelompok sokongan bantuan untuk membantu bekas-bekas penagih dadah mengekalkan kepuliharaan dan mencegah ulang. Contohnya Bimbingan Rakan Sebaya, PENGASIH, PENDAMAI, ALUMNI dan lain-lain lagi;
- (iii) dapatan kerja;
- (iv) penubuhan *family association*;
- (v) menubuhkan Jawatankuasa Pemulihan Dadah di peringkat daerah untuk memberi sokongan sosial kepada bekas-bekas penagih dadah;
- (vi) meningkatkan kemahiran daya tindakan melalui program pencegahan bagi mencegah kes-kes berulang; dan
- (vii) memperkenalkan *drug substitution therapy* iaitu penggunaan *methadone* kepada bekas-bekas penagih dadah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu penagihan dadah ini selalunya bermula di sekolah dan di sini kita dapati ada dua *trend* lah iaitu penglibatan ibu bapa dalam pendidikan. Kita perhatikan di peringkat tadika, ramai ibu dan bapa memang berpusu-pusu ke sekolah tadika untuk

menyaksikan anak mereka tetapi apabila sampai ke peringkat sekolah menengah, bapa dah mula hilang dan kalau kita perhatikan dari Mesyuarat PIBG, ketiadaan bapa itu memang ketara sekali. Bapa memang tak ada melibatkan masa dan tidak boleh melapangkan masa sekali setahun pun untuk mengambil *report card*.

Kedua, tenaga pengajar pula sekarang ini hampir kesemuanya wanita. Cikgu lelaki ini di separuh sekolah itu hampir pupus. Jadi, jelas sekali nampaknya tokoh bapa ini sudah kehilangan di rumah dan di sekolah. Saya juga difahamkan oleh AADK bahawa ada satu senarai iaitu senarai penagih dadah. Mungkin ini satu senarai yang kita tak harus bangga. Yang hampir 300,000, yang 98% merupakan kaum lelaki. Soalannya, adakah kementerian sedar kehilangan tokoh bapa ini di rumah dan di sekolah menyumbang kepada mengapa 98% penagih dadah ini adalah lelaki?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, soalan Yang Berhormat itu terlalu khusus kepada lelaki. Sebenarnya penagih dadah ini dia tak kira kepada lelaki atau perempuan lah. Sebenarnya kita menghadapi masalah ialah kerana penglibatan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat adalah daripada keluarga sendiri.

Kerana daripada apa yang saya dapati bahawa mereka-mereka sekarang ini, contoh yang dihantar ke pusat-pusat serenti. Kebanyakannya apabila dihantar ke pusat serenti, ibu bapa atau penjaga yang datang untuk berjumpa dengan mereka adalah terlalu kecil bilangannya. Hanya lebih kurang 10% sahaja yang datang kerana kita ada kita punya kaunseling kepada ibu bapa yang terlibat dengan penagih dadah. Hanya 10%. Begitu juga apabila seorang pelatih daripada pusat serenti hendak keluar, tamat atau habis daripada pemulihan.

Hanya 5% sahaja di kalangan ibu bapa yang datang mengambil mereka ini. Sebahagian besarnya, mereka akan pulang balik ke pangkuan masyarakat, mereka sendiri-sendiri sahaja. Apabila mereka sampai kepada pangkuan masyarakat, masyarakat tidak dapat terima, mereka susah mendapat pekerjaan dan sebagainya. Inilah menyebabkan kerja-kerja pemulihan dan juga kerja-kerja ini bertambah sukar. Jadi maka itu, penglibatan untuk pemulihan dadah ini adalah melibatkan semua pihak. Daripada NGO, wakil-wakil rakyat sendiri dan semua orang. Kalau tanpa sokongan daripada semua pihak, saya rasa susah untuk kita memulihkan mereka ini kerana mereka ini terlalu besar bilangannya.

Untuk pengetahuan tuan-tuan, di daerah-daerah yang di bawah pengawasan polis, kita ada 37,000 di seluruh negara. Polis di daerah-daerah itu mempunyai tanggungjawab yang pelbagai. Umpamanya sebuah balai. Di kawasan saya, sebuah balai itu kita hanya ada lebih kurang sepuluh orang polis. Sepuluh orang polis dan selain daripada itu, kerja-kerja mereka ialah untuk menjaga keselamatan dan tugas-tugas yang lain di samping juga pengawasan kepada penagih dadah. Yang di daerah-daerah boleh dikatakan sampai 300 orang hingga ke 400 orang. Ini memanglah kerja yang cukup sukar dan kita akan lihatlah bagaimana kerja-kerja ini patut melibatkan semua pihak.

Baru-baru ini, saya telah dilantik sebagai Pengerusi PEMADAM. Selepas ini, saya mengambil keputusan untuk melantik pengerusi-pengerusi PEMADAM daerah kepada semua Ahli-ahli Parlimen ini. Jadi saya harap, Ahli-ahli parlimen selepas ini akan memberikan kerjasama dengan usaha-usaha untuk memerangi dadah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Batu Pahat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan kes berulang ataupun *relapse*, bagi sesetengah orang mengatakan ini satu benda penyakit tetapi kita boleh katakan bahawa ini *chronic disease* ataupun satu penyakit yang kronik. Soalan saya, kebanyakan kes-kes ini melibatkan mereka yang tidak ada kerja. Mereka telah diberikan latihan melalui Giat MARA. Apa yang berlaku selepas mereka mendapat latihan, mereka tidak mempunyai tempat untuk berusaha atau untuk berniaga. Mereka tidak mempunyai modal dan mereka juga tidak disediakan satu *follow-up*. Jadi, apakah langkah pihak kementerian untuk memastikan bekas-bekas penagih ataupun penagih-penagih yang berulang ini mendapat pekerjaan?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita di daerah-daerah kita sekarang ini menubuhkan pusat khidmat. Kalau boleh, setiap daerah kita hendak buat dan di semua daerah-daerah yang ada tetapi malangnya kita mempunyai masalah untuk mendapatkan tempat dan sebagainya. Setakat ini, kita hanya mempunyai 18 tempat atau 18 pusat khidmat di seluruh negara dan pusat-pusat khidmat ini kita sedang memperbesarkan untuk dapatkan lebih banyak lagi.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekarang ini daripada jumlah yang saya dapat iaitu dalam tahun, antara dalam masa empat tahun ini jumlah penagih dadah yang keluar daripada 70,000 di bawah pengawasan yang keluar daripada pusat serenti setakat ini sudah 36,672 orang yang telah mendapat pekerjaan. Namun demikian mereka ini masih ramai lagi yang tidak dapat pekerjaan. Jadi saya berharaplah kepada - terutama sekali Yang Berhormat kebanyakannya adalah ahli majlis dan sebagainya, kita juga mestilah mengambil kira supaya tempat-tempat tertentu dalam majlis-majlis daerah ini atau gerai-gerai yang dibina dikhaskan kepada mereka iaitu bekas-bekas penagih dadah. Supaya mereka ini diberi peluang untuk kembali kepada masyarakat dan mereka dapat menjalankan aktiviti mereka dengan lebih sesuai untuk mereka pulih sepenuhnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja sesi jawapan lisan pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Ikat Jamin Dengan Bon RM1 Juta Kepada Tertuduh Di Bawah Hukum Mati Mandatori

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

11.31 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini diberi notis bahawa saya Salahuddin bin Ayub, Kubang Kerian mencadangkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan isu ikat jamin yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ke atas seorang penganalisis politik yang dituduh di bawah seksyen 109 *Penal Code*, dan dibaca bersekali dengan seksyen 302 yang jika sabit kesalahan hukumannya mati mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembunuhan warga Mongolia Altantuya @ Aminah binti Abdullah yang begitu kejam dan penuh tragik telah mencatatkan satu lagi sejarah hitam kes jenayah dalam tanah air kita. Kes ini telah menarik perhatian bukan sahaja di peringkat nasional bahkan telah mendapat perhatian masyarakat antarabangsa.

Kes ini juga melibatkan tertuduh dua orang anggota daripada Pasukan Polis Diraja Malaysia dan seorang penganalisis politik yang mengundang spekulasi dan polemik yang semakin menarik. Keadaan ini semakin menarik perhatian masyarakat Malaysia dan antarabangsa bila Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada Khamis lalu telah membenarkan tertuduh dan dua orang anggota polis diikat jamin dengan bon RM1 juta dan hari ini juga dibebaskan dengan ikat jamin.

Apabila kita membuat semakan dan kajian terhadap kes-kes bunuh dalam sejarah negara kita, perundangan dan mahkamah dalam negara kita sejak merdeka, kita dapat memberikan suatu kata putus bahawa kes yang seperti ini adalah amat jarang-jarang berlaku, *very rare cases*. Sebagai contoh kes Balwan Singh yang diberikan ikat jamin kerana faktor usia dan kesihatan.

Saya merasakan bahawa kita sebagai Ahli Dewan Rakyat yang juga sebagai *law maker* ini perlu untuk diberikan penjelasan, kenapakah mereka diberikan begitu tinggi keistimewaan yang boleh diikat jamin dan dibebaskan sedangkan mereka telah dituduh di bawah seksyen yang tidak memungkinkan mereka diikat jamin. Adalah menjadi satu tanggungjawab yang besar untuk kita semua diberikan jawapan yang meyakinkan terhadap isu ini agar keadilan dapat ditegakkan dalam negara kita. Sekian, saya mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Kubang Kerian pada hari Jumaat 24 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa ia adalah satu perkara yang tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) perkara tertentu - perkara ini adalah satu perkara yang tertentu;

- (ii) kepentingan orang ramai - ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan - perkara ini tidak perlu disegerakan.

Tugas mahkamah apabila mengeluarkan perintah ikatan jamin adalah untuk memastikan subjek berkenaan dapat berada di mahkamah pada tarikh yang ditentukan untuk perbicaraan. Di sini mahkamah nampaknya telah berbuat demikian mengikut lunas undang-undang. Oleh itu pada pendapat saya tiada persoalan lagi harus dibangkitkan mengenai perkara ini. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [*Hari Ketigabelas*]

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.32 [Jadual] -

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2007] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Wilayah Persekutuan. Kepala Bekalan 32 dan Kepala Pembangunan 32, di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Serdang.

11.36 pagi

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010000 - Pengurusan.

Tuan Pengerusi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah wujud lebih 30 tahun, pembangunan dan infrastruktur di sempadan Kuala Lumpur dan Selangor masih belum sempurna lagi kerana terdapat bahawa koordinasi antara

Kuala Lumpur dan Selangor masih merupakan kecacatan dan kelemahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya difahamkan bahawa sebuah Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pembangunan sempadan Kuala Lumpur dan Selangor telah diwujudkan untuk mengatasi masalah sempadan Wilayah Persekutuan dan Selangor terlibat juga dengan infrastruktur, jalan raya dan sungai.

Tuan Pengerusi, sepanjang masa ini terdapat juga di kawasan saya yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan seperti di kawasan Balakong di mana terdapat sebuah sungai, Sungai Balak. Sungai Balak ia dari hulu Kuala Lumpur di mana terdapat bahawa sekitar kawasan Sungai Balak yang terletak di Kuala Lumpur sedang pesat dibangunkan. Misalnya projek Kampung Sungai Midah seluas 500 ekar telah dibangunkan dan di sekitarnya di mana terdapat bahawa sampah-sampah sarap, pokok-pokok atau sisa-sisa pembinaan telah dicampak dan masuk Sungai Balak dan terus curah masuk ke hilir Sungai Balak dekat Kampung Balakong. Dengan adanya sekatan bahan-bahan tersebut dalam sungai itu yang menjadikan pengaliran sungai tidak lancar dan melimpah semasa hujan tenggelamlah Kampung Balakong. Puncanya daripada atas hulu Sungai Balak Kuala Lumpur dan oleh kerana itu menjadikan mangsa di kawasan Balakong di mana letaknya kawasan Parlimen Serdang.

Saya dan JPS Hulu Langat pernah menghantar surat kepada Jabatan Saliran dan juga Jabatan Kerja Awam, DBKL untuk memaklumkan masalah yang berlaku di atas hulu Sungai Balak Kuala Lumpur, tetapi sehingga kini masalah masih tidak berubah, kerana pembuangan sisa-sisa buangan pokok-pokok ke dalam Sungai Balak sehingga Kampung Balakong.

Jadi ialah satu masalah kerana koordinasi antara dua pihak ini masih belum dapat berkesan. Satu lagi perkara seperti satu komitmen daripada DBKL dan Dewan ini memaklumkan bahawa satu jejambat atau *flyover* akan dibina di lebuh raya Bukit Jalil yang kini diletakkan sebagai Jalan Persekutuan, laluan 217 untuk membelok ke Kelab Golf Bukit Jalil dan sekitar kawasan perumahan untuk menggantikan lampu isyarat yang diletakkan di persimpangan itu tetapi projek ini yang di komited masih belum dikotakan. Dengan demikian, sepanjang laluan Bukit Jalil itu sesak dan merbahaya kerana lampu isyarat yang dipasang di atas kawasan ceruk, *slope area* yang mudah berisiko tinggi dan mudah bahaya dan juga kemalangan berlaku di situ kerana cadangan untuk membina *flyover* tidak dijalankan.

Inilah satu koordinasi sempadan antara kawasan wilayah dan Kuala Lumpur dan Selangor ini tidak begitu selaras menjadikan masalah di kawasan kita ini, kawasan Parlimen Serdang yang terletak di kawasan Selangor. Seperti mana juga yang berlaku di Petaling Jaya, Bukit Gasing Height di mana sebahagian kawasannya diletakkan di bawah DBKL dengan adanya rancangan untuk membuka atau membuat satu projek di atas kawasan lapang. Bantahan daripada penduduk di Petaling Jaya telah disuarakan terhadap rancangan yang dijalankan oleh DBKL.

Tuan Pengerusi, dengan contoh-contoh yang dikatakan tadi, ini merupakan bahawa masalah antara sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan Selangor masih belum dibuat dengan sebaiknya. Dengan demikian saya harap Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pembangunan sempadan Kuala Lumpur dan Selangor masih wujud atau tidak kini. Sama ada,

ada padang untuk digantikan untuk menjalankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Okey. Itu sebab dengan adanya masalah yang berlaku di sempadan Kuala Lumpur dan Selangor seperti di Parlimen Serdang ini perlu juga ditangani dengan baik. Saya harap dengan penjelasan daripada kementerian untuk memberi satu gambaran yang nyata cara mana untuk atasi masalah yang berlaku di sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor. Sekian, terima kasih.

11.43 pagi

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan peruntukan 2007 Kementerian Wilayah Persekutuan peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 020000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang menerima peruntukan sebanyak RM9,700,000 dan juga Butiran 040000 - Projek Sosial Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur peruntukan RM43,750,000. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang bersangkutan dengan peranan dan tugas DBKL.

Tuan Pengerusi, mengenai permohonan untuk menyewa rumah pangsa atau PPR, saya mendapati masih banyak permohonan biasa, bukan kes penempatan setinggian yang berada dalam senarai menunggu. Ini termasuk ibu tunggal yang susah yang terpaksa menunggu dan menyara anak-anaknya kerana Jabatan Pengurusan kurang memberi perhatian terhadap permohonan ibu tunggal walaupun diproses mengikut merit kelayakan permohonan. Tetapi dalam kes ibu tunggal, kita tidak perlu tunggu lama sehingga menyebabkan mereka susah. Jika mereka mampu, tidak mungkin mereka memohon untuk menyewa rumah pangsa malah kes-kes yang direkomen kuat oleh wakil rakyat pun sangat sukar dipertimbangkan dan terpaksa menunggu lama. Saya minta DBKL mewujudkan satu mekanisme untuk memproses permohonan ibu tunggal dan mereka yang kurang bernasib baik dengan lebih cepat dan bukan menunggu hasil keputusan komputer.

Tuan Pengerusi, kerajaan pernah berjanji untuk menjual unit-unit rumah pangsa yang sudah lama disewa oleh para penyewa sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah yang menyewa lebih 20 hingga 30 tahun dari masa muda hingga tua. Mereka mendiami rumah pangsa kini terdapat PPR yang pembangunan baru dan pihak DBKL mengenakan syarat menyewa bagi tempoh tiga tahun dan boleh diperbaharui jika belum membeli rumah sendiri. Kebanyakan penyewa tidak mampu membeli rumah baru di luar dan harga mahal dan sukar mendapat rumah kos rendah atau sederhana rendah. Maka jalan terbaik ialah menjual unit-unit rumah yang mereka atau mana-mana unit kepada penyewa-penyewa yang berhajat membeli atau menjadikan sebahagian bayaran sewa mereka sebagai sebahagian bayaran harga rumah dan bakinya mereka membayar secara ansuran bulanan.

Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, berapa unit rumah pangsa sewa yang telah dijual kepada penyewa? Dan berapa unit rumah pangsa PPR yang disewa? Dalam satu akhbar wawancara bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan

dan Kerajaan Tempatan ada menyatakan bahawa PPR boleh dijual kepada penyewa unit atas beberapa syarat yang ditetapkan seperti dalam tempoh sepuluh tahun tidak boleh ditukar milik dan hanya memberi kepada mereka yang layak. Saya mengalu-alukan bahawa kementerian ini membuat satu keputusan yang boleh mewujudkan satu masyarakat penyayang bahawa semua keluarga boleh mendapat rumah sendiri. Ini adalah satu cara yang baik. Saya berharap DBKL akan melaksanakan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh akaun operasi pengurusan perumahan awam DBKL yang termuat dalam buku Bajet 2006 mengurus dan membangunkan halaman 119 bahawa terdapat defisit yang besar iaitu pendapatan 2006 ialah RM44,100,000 dari kutipan sewa rumah pangsa. Bayaran air sewa gerai tertutup dan sebagainya tetapi belanjanya adalah sebanyak RM98,590,510 yang mana jumlah defisitnya ialah RM54,490,520. Dan bila dicampur dengan jumlah defisit terkumpul sebanyak RM365,704,928, ini berjumlah sebanyak RM417,195,448. Soalan saya apakah sebenarnya yang berlaku bahawa akaun operasi perumahan awam menjadikan defisit? Itulah sebab banyak kerosakan rumah pangsa sangat lambat diperbaiki seperti peti surat, lampu koridor, lif. Untuk apakah sebenarnya yang telah dibelanjakan kerana ia melebihi pendapatan. Ini kebanyakan perumahan awam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ada banyak isu sebab hanya ada tiga, empat Ahli sahaja. Saya harap sebab banyak perkara yang saya bangkitkan ialah untuk orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya lah, Yang Berhormat Seputeh pun nak ucap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya minta lebih masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak, di peringkat Jawatankuasa saya seperti biasa, saya kena kawal.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sebab banyak perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan ucapan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya cepatkanlah, ada beberapa perkara. Saya berharaplah pejabat DBKL haruslah mengambil tindakan untuk mempercepatkan masalah yang timbul di rumah pangsa atau PPR di Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu masalah yang sangat penting untuk keselamatan ibu kota Kuala Lumpur. Kejadian jenayah yang melibatkan banyak seperti ragut kerap berlaku dalam pusat bandar raya dan saya difahamkan bahawa DBKL akan memasang CCTV di sekitar bandar raya. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, berapakah CCTV yang dipasang di pusat bandar raya dan khususnya di kawasan Bukit Bintang dan di manakah tempat-tempat tersebut dan sejauh mana CCTV ini sudah membantu dalam mengurangkan kadar jenayah di Kuala Lumpur selama ini.

Tuan Pengerusi apa yang kita haruslah diingat bahawa untuk menarik

lebih pelancong dari luar negeri, kita haruslah memberi keyakinan bahawa keselamatan di Kuala Lumpur satu bandar raya yang selamat. Saya mencadangkan bahawa lebih polis pelancong di destinasi tertentu untuk menjaga keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semasa Kementerian Pelancongan, Yang Berhormat telah pun bangkit hal ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Walaupun ini satu cadangan sebab dalam DBKL ada satu Majlis Tindakan Pelancongan DBKL, ini haruslah mengambil perhatian bahawa keselamatan ini patutlah dipertingkatkan dan saya tidak bersetuju bahawa Yang Berhormat bagi Jasin telah menyatakan bahawa Kuala Lumpur sebagai Pat Pong di Bangkok, ini adalah tidak benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Kita tidaklah memperbandingkan Patpong dengan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat Kepong pun hendak berucap, Yang Berhormat Kepong sudah masuk.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sebab ini kita mesti bagi tahu Yang Berhormat bagi Jasin, kawan saya tahu bahawa Kuala Lumpur sudah ada dalam kawalan polis, dalam kawalan DBKL ini haruslah tidak semacam apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat Kepong tentu akan berucap jugalah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Boleh, boleh kasi Yang Berhormat Jasin dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih kawan saya Yang Berhormat Bukit Bintang, dia sebut nama saya Tuan Pengerusi. Apa yang saya ucapkan saya minta hari itu Kementerian Pelancongan berhati-hati supaya Bukit Bintang jangan jadi macam Pat Pong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan jadilah, cukuplah. Belum jadi lagi jangan jadilah. Baik, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Akan tetapi Tuan Pengerusi, polis sudah keluarkan kenyataan, 178...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: ...Bapa ayam ditangkap, itu baru bapa ayam, reban ayam berapa isi belum tahu lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang penting sekali Yang Berhormat Jasin hendak kata belum jadi, takut jadi, jaga supaya tidak jadi. Okey, cukup.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Apa yang dikatakan pada hari Khamis itu saya rasa tidak baik untuk imej kerajaan khususnya Kuala Lumpur bahawa Kuala Lumpur sebagai satu bandar

raya yang boleh menarik banyak pelancong-pelancong dari seluruh dunia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ramai yang hendak berucap, ramai cukup.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Lagi ada satu perkara. Tuan Pengerusi, akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah bacalah cakap terus senang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Akhirnya saya suka memberi teguran kepada DBKL bahawa satu tugas apa yang diagihkan kepada mereka khususnya kakitangan. Apa yang difahamkan bahawa sewaan bulanan Jalan Petaling yang dipersetujui oleh Datuk Bandar bahawa sewaan bulanan yang dimulai dari 1 November 2006 haruslah dilaksanakan dengan secepat mungkin, sebab kita tidak mahu berlaku bahawa kutipan wang untuk kerajaan ini akan dilewat-lewatkan bahawa apa yang disetujui antara Kementerian Wilayah Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan DBKL dan juga Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur, ketiga-tiga pihak telah bersetuju bahawa sewa bulanan dilaksanakan pada 1 November. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bilakah ini akan dilaksanakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat, sudah lepas 12 minit.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Apakah tindakan yang diambil oleh kementerian tentang perkara ini? Baik, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Ramai bukan dua, tiga orang. Sebenarnya saya cuba membenarkan semua, itu sebab saya kena kawal masa. Ini Yang Berhormat Kepong sudah lama tidak ada, baru balik daripada cuti sila beri keutamaan. Itu sebab saya kata ramai hendak berucap.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, 15 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, lima minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Lima minit macam mana hendak bercakap?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak mahu cakap tidak apa Yang Berhormat bagi Cheras sudah tunggu lama.

11.55 pagi

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Butiran 010000, Butiran 020000. Yang pertama itu Tuan Pengerusi di sini kita di dalam Dewan Bandaraya sudah meletakkan satu dasarsetingan sifar. Pada dulunya dia kata 2000 kemudian 2005 dan sekarang dipinda kepada 2007, ini memang dasar mesti dilaksanakan. Masalahnya misalnya di kawasan Jinjang, Kepong sekarang masih ada lebih 400 setinggan di situ dan mereka mesti pindah. Walau bagaimanapun, sekarang kita nampak Projek Perumahan Rakyat (PPR) di kawasan Kepong tidak cukup kerana menampung setinggan daripada kawasan lain.

Saya berharap pihak Dewan Bandaraya boleh meletakkan satu dasar. Kalau di kawasan Kepong, orang-orang di kawasan Kepong, setinggan di kawasan Kepong mesti pindah kepada blok-blok di kawasan Kepong juga. Apa

pasalnya kita hendak pindahkan orang dari Cheras, dari Bukit Bintang ke Kepong. Ini masalah kerana kita dapati sekarang PPR itu tidak ada kosong sekarang. Bagi mereka lebih 400 orang ini tidak tahu mana hendak pergi sudah. Mungkin dipindah ke Puchong dan sebagainya ini memang saya berharap pihak Dewan Bandaraya dapat mengkaji semula. Sama ada melalui PPR kita boleh membina lebih blok di kawasan Kepong untuk menampung setinggan-setinggan ini dan saya pun tidak tahu sebab apa kita tetapkan 2007.

Adakah bermakna pihak Dewan Bandaraya mampu untuk menyelesaikan masalah ini pada tahun 2007. Seterusnya Tuan Pengerusi mengenai kawasan-kawasan lapang, kawasan-kawasan hijau, kebanyakan kawasan-kawasan masih dicerobohi oleh pihak-pihak yang tertentu termasuk di Jalan Jambu Jertih. Taman Jambu Jertih itu, memang banyak kawasan ini satu contoh sahaja. Saya berharap pihak Dewan Bandaraya dapat mengambil tindakan untuk membersihkan semua pencerobohan di dalam Wilayah Persekutuan.

Misalnya di dalam Jambu Jertih ini, satu kawasan yang cantik yang ditanam pokok-pokok oleh Dewan Bandaraya sendiri tetapi tiba-tiba ada orang yang mencerobohi dalam tempoh empat, lima tahun ini pihak Dewan Bandaraya tidak dapat mengambil tindakan kerana pihak-pihak yang menceroboh ini mungkin ada pertalian dengan orang-orang yang tertentu. Masalah ini mesti diatasi. Masalah kawasan-kawasan hijau yang dicerobohi ini memang cerita lama dan kita di sini akan terus membangkitkan masalah ini. Masalah mengenai baik pulih sungai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akhir Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Banyak masalah di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh simpan untuk tahun depan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Simpan, tetapi tidak ada masa sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, Yang Berhormat akan memperjuangkan balik.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Baik pulih sungai, yang terakhirlah. Pihak itu mempunyai peruntukan RM38.5 juta untuk membaik pulih sungai ini. Saya setuju, memang setuju salah satu sungai yang tercemarnya Sungai Klang. Ini termasuk Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Batu dan semua itu tercemar. Di Sungai Jinjang itu, ini memang perkara baik kerana DBKL ada buat loji dan sebagainya untuk memulihkan bekas tapak pelupusan sampah sarap itu. Dia ada buat sedikit kali yang pertama, baik, ini langkah betul.

Walau bagaimanapun, di situ masih ada pencemaran. Masih ada pencemaran di situ termasuklah pihak Dewan Bandaraya mesti sentiasa berhati-hati. Di hulu Sungai Jinjang itu ia ada projek perumahan, projek untuk menjual dan membeli bahan batuan - dia ambil pasir daripada hulu sungai itu dan sebagainya. Ini mesti kita berwaspada kerana di kawasan-kawasan terdekat itu ada kawasan perumahan dan pihak para penduduk, misalnya di Taman Beringin di situ ada dekat dengan hulu Sungai Jinjang itu ada orang yang mengadu bahawa dinding-dinding retak. Dia salahkan DBKL kerana DBKL benarkan orang mengorek pasir, *course* di situ dan ini mesti kita sentiasa memantau keadaan - ada projek perumahan di situ, ada pelbagai aktiviti sama ada ini akan menjejaskan kawasan berhampirannya dan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu sungai tercemar, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sungai tercemar ini memang mesti kita mengatasilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baru balik dari Thailand, rehatlah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, terima kasih. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat Pasir Puteh, apa ada dengan wilayah? Bagi Yang Berhormat Cheras dulu.

12.02 tgh.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua, tiga perkara sahaja. Saya ingin menyentuh butiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga. Saya berpendapat sama dengan Yang Berhormat bagi Kepong mengenai setinggan sifar. Tidak seorang pun, Tuan Pengerusi, percaya bahawa DBKL akan mencapai matlamat setinggan sifar pada akhir tahun depan kerana masih melebihi sepuluh ribu warga setinggan di seluruh Kuala Lumpur ini yang belum ditempatkan semula.

Saya ingin memberitahu timbalan menteri atau menasihatkan beliau dan DBKL supaya matlamat ini ditangguhkan sementara dan tindakan pemindahan setinggan dihentikan di mana-mana kawasan yang penduduk-penduduk mereka enggan menerima tawaran PPR yang diperuntukkan kepada mereka. Saya ingin memberikan misal di sini, kawasan Cheras misalnya, ada beberapa kawasan setinggan dipindahkan ke tempat-tempat atau kawasan-kawasan terpencil, misalnya di Raya Permai di Puchong yang jauh daripada tempat asal mereka.

Ini adalah tidak berpatutan dan tidak wajar sekali dan bukan mereka tidak mahu pindah jauh sedikit daripada tempat kediaman asal mereka tetapi ada masalah-masalah yang tertentu seperti ada ramai orang berusia tua yang masih bekerja atau menjaja di tempat yang dekat dengan tempat asal mereka. Kalau dipindah jauh, mereka akan hilang peluang untuk mencari nafkah. Bagi murid-murid sekolah pula yang berketurunan Cina atau India, kawasan-kawasan seperti Puchong ataupun Raya Permai itu tidak ada sekolah Cina. Kalau mereka terpaksa pindah ke situ, ada kemungkinan mereka terpaksa juga hilang hak mereka untuk mempelajari bahasa ibunda mereka. Ini adalah satu perkara yang sungguh serius dan memerlukan perhatian yang serius juga. Saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang kedua, Yang Berhormat. Perkara yang kedua.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Okey, saya harap sebelum lebih banyak lagi PPR yang baru dirancang dan dibina di kawasan-kawasan di mana masih ada setinggan-setinggan yang belum dirobuhkan, maka tindakan perobohan setinggan itu dihentikan. Tidak ada makna untuk mencapai matlamat setinggan sifar kalau kebajikan dan hak asasi penduduk-penduduk itu terkorban. Maka ini adalah satu perkara yang cukup serius untuk dipertimbangkan oleh pihak

kerajaan.

Yang kedua, mengenai pencerobohan tanah-tanah hijau, padang awam, jalan awam ataupun termasuklah kawasan perumahan DBKL di mana bangunan-bangunan di panggil dewan orang ramai itu dibina dengan dana awam tetapi dicerobohi dan diduduki parti-parti komponen Barisan Nasional, khususnya UMNO dan MCA dan dijadikan cawangan mereka. Ini adalah kisah benar.

Pada sesi Parlimen yang lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menafikan bahawa beliau tahu. Saya tidak menyalahkan beliau pada waktu begitu kerana dia anak Melaka tetapi sekarang selepas menjawat jawatan itu begitu lama dan ekor cabaran saya pada sesi yang lepas, adakah Yang Berhormat telah pun membuat satu kajian menyeluruh dengan melawat sendiri ke tapak-tapak di seluruh Kuala Lumpur untuk memberitahu Dewan ini dan saya berapakah dewan orang ramai itu disalahgunakan oleh parti-parti komponen Barisan Nasional yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang ketiga.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:Dibina dengan wang rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang ketiga, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya harap satu jawapan yang tegas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang ketiga.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: ...Dan jelas daripada Yang Berhormat. Macam mana kementerian dan Dewan Bandaraya dapat menyelesaikan masalah ini. Mereka yang menceroboh dan menduduki bangunan-bangunan ini secara haram tanpa izin harus diusir keluar. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan?

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya ingin menyeru DBKL mengenai satu projek tanah tinggi yang akan dijalankan dalam sempadan Selangor di bawah pentadbiran Ampang Jaya tetapi pihak pemaju telah memohon kebenaran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menggunakan jalan dalam Kampung Cheras Baru dan Taman Cheras Utama yang bersempadan dengan Ampang Jaya kerana pemaju itu tidak dapat tempat atau tanah yang sesuai untuk mengangkut bahan-bahan pembinaan ke tapak pembinaannya.

Kawasan tanah tinggi itu dipanggil Bukit Sungai Putih. Memandangkan pembinaan rumah di atas tanah tinggi akan membawa banyak masalah yang tidak diingini termasuk hakisan tanah, banjir kilat dan sebagainya, pemusnahan alam sekeliling, alam semula jadi dan memandangkan sejarah telah membuktikan di kawasan yang sama, banjir kilat dan banjir lumpur telah berlaku melebihi sepuluh tahun sejak satu dekad yang lalu dan ini DBKL memang mengetahuinya kerana pada masa yang lepas DBKL telah membelanjakan banyak wang untuk menyelesaikan masalah banjir kilat dan hakisan tanah yang disebabkan bukan oleh kawasan sendiri tetapi dari sempadan negeri Selangor kerana tanpa kawalan yang baik.

Tambahan pula untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, satu jumlah wang berjumlah RM3.7 juta telah dibelanjakan untuk membina satu kolam tebatan

banjir di Kampung Cheras Baru adalah untuk tujuan akibat banjir disebabkan oleh projek perumahan yang lain di kawasan yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Maka saya menyeru DBKL, sungguhpun ada permintaan daripada pemaju untuk menggunakan jalan-jalan dalam sempadan Wilayah Persekutuan dan dalam soal ini di Kampung Cheras Baru dan Cheras Utama, saya harap pihak DBKL tidak akan membenarkan atau tidak meluluskan permintaan ini kerana masalah-masalah yang akan berlaku adalah serius dan boleh dijangkakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Seorang Ahli: Satu sahaja akhirnya.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Yang akhirnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab Yang Berhormat nanti ada masa luar dugaan akan digunakan...

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Saya mendapati...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Cadangan Yang Berhormat potong gaji, dan kes-kes lain.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, saya mendapati di Kuala Lumpur ini banyak pusat perniagaan dan pusat penjaja yang telah menelan belanja yang begitu besar untuk membina pusat-pusat penjaja dan medan-medan selera di merata tempat termasuklah di kawasan saya, misalnya Medan Selera Desa Aman yang membelanjakan wang dana RM6.6 juta dan Pusat Berniaga Bandar Tun Razak, itu lebih mahal iaitu RM20 juta tetapi kesemua pusat-pusat penjaja atau pusat peniaga ini dibina dengan cita-cita tinggi tetapi tidak ada *business*, kurang pelanggan datang dan kebanyakan atau majoriti gerai-gerainya tidak disewa. DBKL mengalami kerugian yang paling tinggi dan kos penyelenggaraan yang begitu besar. Ini membuktikan DBKL tidak buat kajian menyeluruh dan ini merugikan rakyat dan juga pembayar cukai. Saya berharap kesilapan ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup. Dua minit sahaja Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

12.05 tgh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ambil dalam seminit setengah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Dalam 020000 - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, 2007 ini ialah Tahun Melawat

Malaysia. Kita hendak menepati hadharinya ialah... [*Menyebut sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud kebersihan itu setengah daripada Iman. Jadi kita hendak supaya rumah-rumah urut, Bahagian Pelesenan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur perlu buat *spot-check*, apakah menepati peraturan ataupun dia menepati garis panduan atau lokasi bagi permohonan lesen-lesen rumah urut ini?

Kalau kita tengok dalam garis panduan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ia tidak diluluskan sekiranya lokasi perniagaan itu di rumah kedai, kompleks bangunan pejabat dan juga kompleks perdagangan tetapi kalau kita tengok di celah-celah kedai, ada rumah urut. Akan tetapi kalau urut ikut sistematik dan ikut peraturan, itu kita tidak timbullah tetapi di sebaliknya ini Tuan Pengerusi, dia buat pakej RM200. Apa yang mengejutkan antara pakej ini, dia selit khidmat seks dengan urut batin. Ini sudah menyalahi dan saya minta Bahagian Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tolong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang kedua...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Sedikit, saya hendak tambah Yang Berhormat Pasir Puteh, saya tambah sedikit...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Satu lagi ini, satu lagi...

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...Sebab sesama Kelantan. Tidak ada kena-mengena dengan Wilayah Persekutuan tetapi ada kaitan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini Wilayah Persekutuan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Bolehlah.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Ya, ya, terima kasih. Saya sebenarnya hendak sentuh Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang tadi. Walaupun kita dari Tuan Lim Kit Siang, tetapi memandangkan Tahun Melawat Malaysia ini, kita tengok rata-rata Yang Berhormat, di rumah-rumah pangsa ini begitu sekali menjolok mata kerana kain-kain semua dipaparkan. Rata-rata ia memburukkan keadaan. Ini Tahun Melawat Malaysia dan kita pun hari ini menerima beg kempen Tahun Melawat Malaysia dan sebagainya. Ini di hadapan mata. Apabila negara-negara luar datang, tentulah Tuan Lim Kit Siang menjadi tumpuan pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Setuju atau tidak Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang supaya penguatkuasaan ini dapat dijalankan supaya perkara ini dapat diperhatikan dengan lebih teratur dan lebih kemas lagi. Yang kedua mengenai dengan pengurusan. Saya ada membuat pinjaman perumahan dan telah lulus lama iaitu dua bulan tetapi sekarang masih belum dapat diduduki rumah ini. Ini masalah pengurusan, jadi kita pun berbincang tentang *administrator* ini, macam mana pendapat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, beliau hanya ada dua minit.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...Supaya

benda ini dapat dilaksanakan dengan cepat supaya kita tidak dapat duduk di hotel-hotel kerana rumah ini sudah siap dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat sudah cukup.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: ...Bagaimana pendapat Yang terhormat Pasir Puteh supaya benda ini dapat dilaksanakan dengan lebih cepat?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Kuala Krai, kita minta menteri ambil perhatian dan saya setuju pandangan tadi. Yang akhirnya sekali Tuan Pengerusi, saya tengok lokasi premis restoran terutamanya restoran mamak. Minta maaf saya sentuh restoran mamak itu. Kalau selepas pukul 6, dia terus mengatur kerusi di tempat *car park*. Ini banyak yang mengadu kepada saya. Walaupun saya Parlimen Pasir Puteh, tidak bermakna Parlimen di Kuala Lumpur saya tidak ganggu Tuan Pengerusi, sebab harap kepada pembangkang (DAP) dia bangkit benda lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi dia tidak bangkit perkara ini. Bagi saya minta tengok balik...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak beri laluan dahulu. Saya hendak menghabiskan satu lagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi sudah memberi masa yang cukup!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Nanti dahulu!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk, duduk!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Duduk, duduk! Jadi tempat caj letak kereta ini, kenapa RM7 hingga RM12, sampai satu hari RM50? Di hotel, okeylah. Saya pun pernah kena sampai RM15. Jadi saya minta pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Tuan Pengerusi, check betul-betul jangan menyusahkan rakyat Kelantan, rakyat Kedah. Seluruh negeri datang, mereka ini tidak tahu keadaan dan suasana di Kuala Lumpur, menyusahkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Cukup. Tidak ada orang? Sila.

12.08 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 010000 - Pengurusan dan Butiran 020000 - DBKL. Tuan Pengerusi, saya ada 13 perkara yang ingin saya bangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hanya hadkan masa 10 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beberapa perkara itu terpulang kepada Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini menunjukkan saya amat prihatin terhadap apa yang berlaku di kawasan saya dan juga Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, isu pertama ialah tentang Megamall di Mid Valley...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata prihatin terhadap kawasan Wilayah Persekutuan, ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak masalahlah?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak. Itu sebab kita mahu pilihan raya kerajaan tempatan bagi kita untuk pilih Datuk Bandar dan juga Ahli Majlis Perbandaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, nampaknya Yang Berhormat ada masa untuk membangkitkan Sandakan, Tawau dan mungkin melupakan masalah yang sangat baik. Baik, teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Ketawa] Terima kasih, ini menunjukkan saya prihatin terhadap urusan di banyak tempat. Tuan Pengerusi, pertama kali ialah tentang Megamall di Mid Valley. Selalunya apabila Megamall, Mid Valley ada jualan murah, kita dapati bahawa ia telah menyebabkan *bad flow traffic* dan telah menyebabkan kesesakan jalan raya di Jalan Klang Lama dan juga Lebuhraya Persekutuan (*Federal Highway*). Jadi saya ingin minta DBKL ataupun pihak kementerian untuk membina LRT di sana dan juga bila ada jualan murah di kawasan itu, saya cadangkan bahawa DBKL haruslah memberitahu kepada pihak polis supaya kita ada polis trafik untuk memberi arahan trafik dan untuk mengedarkan trafik supaya trafik lebih lancar di situ.

Isu kedua, Pelan Induk 2020 telah menetapkan tentang tempat pembinaan LRT di banyak kawasan termasuk kawasan saya. Jadi saya ingin minta DBKL supaya sekarang haruslah membuat rizab kawasan tanah-tanah berkenaan yang terlibat supaya isu seperti Lebuhraya KL-Putrajaya yang begitu dekat dengan kawasan kediaman dan juga rumah itu tidak akan berlaku dan tidak akan diulangi lagi. Ini kerana ramai orang telah tanya saya sama ada di kawasan saya itu, kerajaan akan bina LRT dan saya pun tidak pasti dan tidak dapat memberi satu jawapan yang pasti. Jadi saya ingin minta perkara ini diambil perhatian.

Isu ketiga tentang *pot holes* dan juga masalah lampu trafik. Beberapa bulan yang lepas, seorang yang agak tua mati kerana dia menunggang motosikalnya dan juga dia jatuh kerana adanya **pot holes** dekat kawasan Puchong. Sebenarnya saya diberitahu oleh pemberita bahawa penduduk di sekitar kemalangan yang berlaku itu, mereka sebenarnya telah pun memberitahu kepada Pejabat DBKL di kawasan berkenaan tetapi tidak ada tindakan yang diambil oleh DBKL selepas beberapa minggu. Jadi saya ingin cadangkan supaya DBKL harus adakan lebih paparan macam mana orang ramai boleh mengadukan aduan mereka tentang masalah **pot holes** dan juga kerosakan lampu trafik kerana ini adalah apa yang selalu menyebabkan kesesakan jalan raya.

Saya cadangkan mungkin DBKL boleh mengadakan dan memaparkan semua nombor *hotline* pada papan iklan *billboard* yang besar untuk memudahkan

orang ramai untuk membuat aduan. Selain itu, Pejabat Cawangan DBKL di kawasan Parlimen masing-masing juga harus diberi tanggungjawab yang lebih berat. Mereka haruslah mengambil tindakan yang cepat apabila ada orang awam memberitahu mereka jika ada **pot holes**, ada kerosakan lampu trafik di mana-mana tempat, masalah sampah sarap yang tidak dikutip, parit tersumbat dan sebagainya. Sekarang orang ramai tidak tahu di mana mereka harus membuat aduan dan sehingga kesemua masalah ini ditujukan kepada Ahli Parlimen.

Saya selalu terima panggilan daripada orang ramai tentang kerosakan lampu trafik, adanya *pot holes*, sampah sarap tidak dikutip, ada banjir di sana sini. Saya minta DBKL haruslah memperkasakan peranan pejabat cawangan mereka.

Isu keempat, rumah gantian bagi setinggan Kuala Lumpur Linear City. Dalam jawapan yang diberi oleh Jabatan Perdana Menteri pada 7 November, kalau kita lihat *Hansard*, kita dapati bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyatakan, bahawa setinggan bagi Projek Kuala Lumpur Linear City yang terbengkalai itu. Pada bulan Julai pihak EPU telah pun mengarah DBKL untuk menangani masalah ini tetapi sehingga sekarang, sekarang telah akhir bulan November, para setinggan dan saya tidak diberitahu langsung oleh DBKL bahawa mereka telah mengambil alih tanggungjawab ini supaya saya tidak perlu sebut berulang-ulang kali semasa perbahasan Jabatan Perdana Menteri.

Saya ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil? Ini kerana apa yang termaktub dalam kontrak adalah rumah akan dijual kepada mereka dan bukannya disewa kepada mereka. Jadi, saya hendak minta pihak kementerian boleh memberi satu jawapan kepada saya supaya bola itu tidak ditendang kepada Jabatan Perdana Menteri lagi, kerana pada 7 November Jabatan Perdana Menteri telah berkata, bahawa ini adalah tanggungjawab DBKL.

Isu kelima ialah tentang setinggan. Saya tahu DBKL hendak melancarkan Projek Setinggan Sifar dan juga menghapuskan setinggan di merata-rata tempat. Saya amat bersimpati kepada mereka yang mengusahakan kilang dan juga bengkel.

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian, harus memberi mereka tapak alternatif, macam bengkel membaiki kereta dan juga bengkel-bengkel lain yang besar. Sekarang apabila DBKL menyuruh mereka berpindah, macam di kawasan Salak Selatan, mereka memang tidak ada tempat hendak pergi. Jadi, ini sebenarnya telah pun merosakkan ekonomi mereka dan sekarang ekonomi sebenarnya tidak begitu baik seperti apa yang dilayangkan oleh kerajaan. Saya minta DBKL supaya menetapkan tapak alternatif kepada mereka sama seperti mereka melayan penduduk setinggan.

Isu keenam, DBKL haruslah juga berhati-hati apabila meluluskan projek perumahan kondominium, khususnya di kawasan yang pernah berlaku tanah runtuh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hanya ingin mencadangkan supaya projek kondominium yang akan dibina di Taman Gembira di Jalan Klang Lama itu dipertimbangkan semula kerana kawasan itu sebenarnya pernah berlaku tanah runtuh.

Isu ketujuh ialah lebih rumah kos rendah harus dibina untuk menampung keperluan orang miskin. Dasar DBKL orang yang bujang,

setinggalan yang bujang, yang tidak berkahwin ataupun yang sudah bercerai mereka tidak akan diberi rumah kos rendah. Ini amat tidak adil kerana apabila kerajaan melancarkan Kempen Setinggalan Sifar, ramai yang bertanya saya, dia sudah umur 50, dia akan bersara tetapi dia bujang, manakah tempat dia hendak pergi.

Saya ingin minta, memandangkan orang yang tidak berkahwin seperti saya ini semakin bertambah, DBKL haruslah lebih adil kepada semua orang. Mereka yang tidak berkahwin dan kalau mereka setinggalan, mereka layak untuk dapat rumah kos rendah, mereka haruslah diberi rumah kos rendah. Saya rasa apabila DBKL membina rumah kos rendah di setengah-setengah tempat macam PPR Kampung Muhibah di Jalan Puchong itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...la tidak ada perkhidmatan bas, tidak ada orang hendak pindah masuk ke sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Awak dengarkah, Yang Berhormat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya dengar, saya akan gulung. Jadi, saya ingin meminta DBKL mengambil perhatian dalam isu ini. Dari segi bajet DBKL, dalam sidang yang lepas Yang Berhormat bagi Segambut telah mencadangkan bahawa Ahli Parlimen harus dirunding, jadi saya sokong cadangannya dan saya minta apabila DBKL mengumumkan bajetnya, Ahli Parlimen di kawasan Kuala Lumpur haruslah dijemput untuk menghadiri sekurang-kurangnya sidang akhbar.

Selalunya selepas sidang akhbar Datuk Bandar diadakan, kami menerima telefon daripada pemberita untuk komen. Komen apa? Kita tidak dapat satu buku pun. Selalu kami terpaksa tunggu buku itu dihantar ke pejabat saya, mungkin dua hari, tiga hari yang lepas, baru saya dapat tahu apakah yang sebenarnya termaktub dalam bajet DBKL. Jadi, saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat supaya ambil perhatian tentang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhir sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa kali akhir?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Beberapa isu tidak dimasukkan. Akhir sekali ialah tentang Jalan Klang Lama. Jalan Klang Lama di bahagian Batu Lima dan juga Batu Enam. Saya ingin minta, empat *lane* di Jalan Klang Lama, kerana di tempat itu tiba-tiba menjadi dua *lane* sahaja, di bawahnya Pantai *Expressway*. Saya tahu yang kawasan itu masih di bawah jagaan DBKL, saya minta pihak DBKL boleh membesarkan tapak berkenaan supaya - *flow traffic* yang selalu berlaku pada waktu sibuk itu tidak akan berulang lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, duduk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya, akhirnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akhirnya, saya meminta....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Lebih pegawai yang fasih dalam bahasa selain daripada bahasa Malaysia dilantik oleh DBKL, khususnya mereka yang fasih bahasa Tionghoa dan juga bahasa Tamil. Ini kerana ramai pembayar cukai yang tidak begitu fasih dalam bahasa Malaysia....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, semua faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Mereka menghadapi masalah untuk berhubung dengan pegawai DBKL.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, setiap seorang dua minit. Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada dua lagi. Dua minit, dua minit dan Timbalan Menteri boleh jawab.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam hendak menyentuh secara khusus dua isu sahaja, iaitu isu modal insan. Kita ingin merayu, sebab perkara ini telah kita bangkitkan dalam Butiran 04000, supaya identiti negatif kepada beberapa kawasan di Kuala Lumpur itu diatasi segera iaitu Lorong Haji Taib ataupun 'Lorong Belakang Mati'. Saya tidak mahu mengembangkannya, tadi saya hendak mencelah Yang Berhormat Pasir Puteh tetapi nampaknya dia tidak nampak ini.

Hotel-hotel murah ini - saya harap pihak DBKL akan memberikan perhatian tentang keperluan rumah-rumah tumpangan murah ini yang sering kali dijadikan tempat untuk perkara-perkara yang negatif. Ini ada kaitan dengan isu pelacuran dan isu masalah penagihan dadah dan ramai yang terlibat dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, masalah yang kedua, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Perkara yang kedua ialah khusus kepada mengenai Butiran 020000 - Pembangunan Kampung Baru. Kita berpendapat bahawa Kampung Baru ini sebagai satu tempat di pusat perniagaan, wajar segera dibangunkan untuk dijadikan contoh sebagai satu kawasan yang boleh menjadi tumpuan usahawan bumiputera di situ, sama ada secara bersendirian ataupun secara pintar permuafakatan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, selepas itu, Timbalan Menteri menjawab.

12.28 tgh.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, saya ingin tarik perhatian Butiran 010000 - Bahagian Pengurusan. Saya tengok objektif pengurusan kementerian ini adalah begitu luas sekali iaitu melaksanakan dasar-dasar pembangunan fizikal dan insan berteraskan nilai dan budaya Malaysia. Saya tidak tahu setakat manakah pelaksanaan di atas objektif

yang penting, yang telah dinyatakan ini sebab bagi saya ia terlalu umum dan berdasarkan kepada realiti sebenarnya, ia tidak terlaksana dalam usaha hendak membangunkan fizikal dan insan yang berteraskan kepada nilai dan budaya Malaysia. Persoalan saya adalah dari segi penguatkuasaan dan undang-undang. Kita dapat perhatikan banyak rumah yang dibuat dengan segera tanpa cegahan dan tindakan segera yang diambil selain daripada label atau papan-papan tanda yang dibuat tanpa kawalan. Jadi, saya kira apakah strategi dan tindakan untuk merealisasikan objektif yang pertama.

Perkara yang kedua, yang saya lihat, saya sering kali menggunakan kemudahan ERL dalam perjalanan saya ke *airport*, saya lihat banyak projekterbengkalai, jambatannya tergantung begitu rupa, jalannya tidak bersambung, saya tidak tahu apa telah jadi dalam proses pembangunan, terutama di kawasan Putrajaya ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan berbagai-bagai isu di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa ini. Saya cuba menjawab sedaya upaya yang boleh berasaskan maklumat-maklumat yang saya peroleh yang mana saya tidak dapat menjawab dalam Dewan ini, saya akan bertindak melalui secara bertulis.

Pertamanya, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Serdang. Yang Berhormat Serdang membangkitkan berkaitan pencemaran Sungai Balak. Sungai Balak bermula daripada Taman Leng Seng, Cheras dan melalui pembangunan Alam Damai, Cheras sebelum ia bersambung ke Sungai Langat di Selangor. Masalah pencemaran Sungai Balak ini berpunca dari kerja-kerja tanah pembangunan di Alam Damai. DBKL sentiasa memantau kerja-kerja tanah mengikut Undang-undang Kecil Kerja Tanah di mana pemaju perlu mengambil kerja-kerja tanah dengan membina perangkap dan menyelenggarakan segala bahan-bahan yang boleh mencemar sungai tersebut.

Yang kedua berkaitan dengan isu Bukit Gasing. Sebenarnya sebelum Wilayah Persekutuan diwujudkan, Bukit Gasing adalah di dalam kawasan negeri Selangor.

Apabila Wilayah Persekutuan diwujudkan, sebahagian daripada Bukit Gasing ini termasuk dalam Wilayah Persekutuan dan semasa di bawah pemerintahan negeri Selangor, sebahagian daripada kawasan yang masuk Wilayah Persekutuan itu terdapat sebahagian daripada kawasan tersebut yang mana Kerajaan Negeri Selangor, dahulunya telah meluluskan Pelan Susur Atur berkaitan dengan pembangunan projek rumah banglo.

Baru-baru ini terdapat pemaju yang ingin membangunkan kawasan yang telah diluluskan itu dan telah membuat untuk penyesuaian semula berkaitan dengan Pelan Susur Atur ini. Pada ketika ini, pihak DBKL di bawah jawatankuasanya telah pun mengemukakan permohonan untuk meminda Pelan Susur Atur ini kepada pihak Jawatankuasa Alam Sekitar. Jadi belum ada apa-apa tindakan yang telah diambil oleh pihak DBKL. Setakat ini tidak adalah meneruskan dalam berkaitan dengan pembangunan di Bukit Gasing ini.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya, bagi saya.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Siapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang. Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangun dahulu.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa pada 19 November tahun ini, ada NGO membuat bantahan tentang pemaju Gasing Century Sdn. Bhd. yang memiliki tanah ini untuk memajukan dan membina rumah-rumah banglo.

Apakah teguran dan juga NGO ini haruslah diambil kira bahawa mereka bimbang jika rancangan ini dilakukan bahawa kita tidak mahu kes seperti *Highland Tower* akan berulang sebab bukit ini dibuat banglo dan harus mengambil kira bahawa tindakan DBKL di tempat yang tidak sesuai untuk membuat banglo oleh kerana tempat ini ialah tempat taman hijau untuk sekitar sempadan negeri Selangor dan Bandaraya Kuala Lumpur ini. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Berkaitan dengan *concern* dengan izin Yang Berhormat bagi Bukit Bintang itu, memang kita sentiasa mengambil perhatian tetapi apa yang kita laksanakan pada peringkat ini, ia ada proses tertentu yang perlu dibuat dahulu. Jadi sebab itu sekarang ini ia dikemukakan kepada pihak Jawatankuasa Alam Sekitar. Selepas daripada komen dan apa jua yang diperakukan oleh jawatankuasa nanti, barulah pihak DBKL akan membuat sesuatu keputusan. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang itu kita akan lihat yang sewajarnya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hanya untuk penjelasan. Saya telah membangkitkan semasa wujudnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah terbentuk Jawatankuasa Kerja Penyelarasan Pembangunan Sempadan Kuala Lumpur dan negeri Selangor untuk mengatasi masalah yang timbul semasa pembangunan di kedua-dua sempadan itu.

Adakah jawatankuasa ini masih berfungsi atau ada badan-badan yang lain yang telah digantikan supaya dapat berbincang di antara Kuala Lumpur dan Selangor untuk mengatasi masalah yang berlaku di kawasan sempadan itu?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Serdang. Kita di Kementerian Wilayah Persekutuan, kita baru menghidupkan kembali dalam 2004. Jadi ada proses-proses yang kita lihat yang mana kita perlu memperbaiki. Jadi sekarang ini kita masih dalam mengemas kini dari segi pentadbiran kita supaya kalau kita dapat, masalah-masalah yang kita hadapi dahulu, kita akan melihat supaya kita dapat balik mengemaskinikan terutamanya dalam masalah-masalah di kawasan Selangor dan Wilayah Persekutuan ini terutama berkaitan dengan pengurusan sungai ini. Ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan daripada DAP tadi menimbulkan berkaitan dengan masalah pencemaran sungai ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong, masalah apa?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Untuk mendapatkan sedikit penjelasan, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi orang berucap, Yang Berhormat tidak ada.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Mengenai Bukit Gasing. Terima kasih atas penjelasan yang telah diberikan tadi mengenai Bukit Gasing. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak DBKL kerana sekarang diserahkan kepada suatu Jawatankuasa Alam Sekitar untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, terus kepada soalanlah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, soalan saya ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tahniah atau apa itu tidak perlulah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Soalan saya ialah mengenai Jawatankuasa Alam Sekitar ini. Adakah DBKL mencadangkan bahawa satu kajian mengenai pembangunan cerun kerana ramai penduduk sekarang ini bimbang akan pembangunan di atas cerun-cerun yang tertentu seperti Bukit Gasing. Seperti di Selangor, kita ada satu Unit Cerun di peringkat negeri dan juga IKRAM di peringkat sektor tertentu. Adakah jawatankuasa ini melibatkan kajian ataupun analisis mengenai pembangunan di atas cerun yang amat sensitif pada masa ini? Saya mahu tahu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya tengok Tuan Pengerusi terlampau terburu-burulah Tuan Pengerusi, kementerian ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa hendak tanya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kementerian ini di antaranya ialah ibu kota negara iaitu Kuala Lumpur...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Jadi, banyak juga pandangan-pandangan yang perlu diatasi oleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat langsung tidak berminat mengambil bahagian dalam perbahasan, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak mengambil bahagian, tetapi Tuan Pengerusi hendak lekas sahaja suruh kementerian menjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat,

lekas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita pun hendak menyumbangkan fikiran bagaimana Kuala Lumpur menjadi bandar raya, ibu negeri...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak semestinya berucap di sini. Bila-bila masa boleh berjumpa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Ini secara rasmi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi jangan marah saya. Fasal saya memang minat sangat dengan Kuala Lumpur ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak, tidak marah. Saya memang hormat Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya lagi hormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oleh sebab hormat ikutlah peraturan dan ikutlah nasihat saya, bantu dan kita selesaikan dengan secepat mungkin. Baik, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana membantu Kementerian Wilayah Persekutuan. Perkara yang remeh-temeh kadang-kadang kita boleh dapat selesaikan. Jumpa Timbalan Menteri pun boleh. Saya tidak ada masalah terutamanya daripada sahabat saya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh dihubungi pada bila-bila masa, ya?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, berkaitan dengan trafik ataupun *flyover* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang tadi di mana pihak pemaju akan membina persimpangan bertingkat dan selepas siap lampu isyarat boleh ditanggalkan dan *U-turn* akan dibina di bawah persimpangan bertingkat tersebut.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang iaitu pertamanya, penyewa beli rumah PPR. Dasar kerajaan berkaitan dengan pembeli rumah PPR ini baru sahaja dilaksanakan dan kementerian pada ketika ini masih lagi dalam mengkaji syarat-syarat dan perkara-perkara yang wajar untuk kita mengenakan bagi membolehkan penghuni-penghuni untuk membeli rumah-rumah PPR ini.

Sebenarnya pada hari ini Kementerian Wilayah Persekutuan ada membuat *retreat* dengan memanggil pihak-pihak yang tertentu yang ada hubung kait dengan PPR ini untuk kita mendapatkan input dan juga membuat kajian secara terperinci bagi membolehkan kita melaksanakan dasar kerajaan ini dengan begitu baik dan licin. Yang ini kita hendak minta supaya sabarsikitlah dan kita akan laksanakan dengan cara yang terbaik.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, terima kasih

Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalahnya ialah ibu tunggal yang masih ramai di Kuala Lumpur. Saya rasa permohonan mereka haruslah diambil kira dengan satu tindakan yang cepat untuk menempatkan mereka di rumah-rumah pangsa, rumah PPR atau rumah awam. Ini adalah hasrat kerajaan untuk membangunkan satu masyarakat penyayang. Saya rasa Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun bersetuju bahawa perhatian haruslah diberi kepada ibu tunggal ketika mereka memohon rumah pangsa atau rumah PPR dan memberi satu pertimbangan yang lebih serius mempercepatkan permohonan untuk menempatkan mereka. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi penjelasan tentang permohonan ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebenarnya DBKL memang sentiasa mengambil perhatian dan memberi keutamaan kepada ibu tunggal ini untuk mendapatkan rumah-rumah PPR. Yang Berhormat, jangan risaulah.

Seterusnya berkaitan dengan isu penjualan rumah PPR ini yang mana pada masa ini penjualan rumah PPR belum dilaksanakan. DBKL sedang mengkaji dasar seperti mana yang saya nyatakan tadi dan diminta untuk menunggu sementara kita membuat kajian.

Mengenai isu yang lain, apakah Jabatan Perumahan berkaitan dengan isu defisit perbelanjaan...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang, banyak penjelasan ya..., masalah rumah PPR?

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam satu wawancara yang diadakan dalam satu akhbar tentang penjualan rumah PPR, Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah Presiden MCA ada mengatakan bahawa rumah PPR boleh dijual kepada penyewa-penyewa tetapi ada beberapa syarat yang tertentu seperti sepuluh tahun hak milik tidak boleh dipindah dan juga pemohon yang layak. Adakah ini diambil kira bahawa satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden MCA dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini, bolehkah DBKL mengambil kira bahawa unit-unit PPR ini haruslah dijual kepada penyewa-penyewa selaras dengan mewujudkan satu masyarakat penyayang dan juga setiap keluarga ada rumah, satu matlamat yang diagungkan oleh semua rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, kita memang mempunyai keputusan untuk menjual kepada penyewa-penyewa rumah PPR ini tetapi dari segi syarat-syarat sebagaimana yang saya nyatakan tadi bahawa hari ini bermula di mana Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan *retreat* untuk mengkaji secara terperinci berkaitan dengan syarat-syarat yang harus dikenakan dalam penjualan rumah-rumah PPR ini. Itu yang saya minta supaya kita bersabar buat sementara dan cadangan-cadangan yang dibuat itu kita ambil kira dalam perbincangan kita semasa *retreat* ini.

Berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan perbelanjaan dengan pendapatan dalam operasi rumah PPR ini. Kalau kita lihat daripada segi penyewaan yang kita terima daripada penyewa-penyewa, hanya sebanyak RM124 sebulan, berbanding dengan kos

penyelenggaraan yang melibatkan terlalu tinggi seperti menyelenggarakan lif, sampah, vandalisme dan lain-lain lagi. Jadi, kos-kos ini kalau kita lihat perbelanjaannya amat tinggi berbanding dengan pulangan yang kita dapat daripada kos-kos yang kita kenakan sewa kepada penghuni-penghuni PPR ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang besardan macam-macam jenis. Maknanya kerajaan mengambil berat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalnya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Soalnya ialah apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, tetapi kenapa orang di bandar raya Kuala Lumpur ini - Tuan Pengerusi, kadang-kadang saya hendak tanya juga, kenapa dia suka parti pembangkang berbanding dengan parti kerajaan, sedangkan kerajaan berbudi dengannya. Apakah agaknya..., adakah analisa dibuat?...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apakah Yang Berhormat Seputeh! Ini saya tanya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, saya ingat kita harus tanya kepada pembangkang ini, mengapa kita kerajaan banyak beri kemudahan yang baik-baik dia tidak boleh menyokong kerajaan. Ini kena tanya dengan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tanya siapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak. Saya bukan tanya pembangkang. Rakyat di Kuala Lumpur ini kenapa dia suka parti pembangkang sedangkan budi baik, perbelanjaan, peruntukan semuanya datang dari kerajaan. Apa sebabnya?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Fasal pembangkang suka menyelewengkan pemikiran rakyat kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya fikir tidak payah jawab. Saya boleh jawab tapi bila jawapan saya keluarkan orang kata saya tidak adil. Tidak payah jawab, teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Fasal ia pelik, Tuan Pengerusi.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tuan Pengerusi, tadi ada soalan dituju kepada kami di sini oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka saya rela beri jawapan kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, tidak perlu. Saya pun boleh berikan jawapan, tetapi nanti ada sesetengah rakan kata jawapan saya tidak adil. Jadi lebih baik tidak mahu jawab. Saya boleh jawab, tapi Yang Berhormat Sri Gading kata saya tidak adil. Tidak apalah teruskan jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak apalah Tuan Pengerusi, kira Tuan Pengerusi jawapan pada Sri Gading tidak apalah Tuan Pengerusi, tapi kita mahu tanya berapa banyak beratus juta, beribu juta Kuala

Lumpur dapat peruntukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini keluar daripada tajuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, itu satu kehairanan kepada kita, kenapa rakyat di Kuala Lumpur tidak boleh menyokong kerajaan sedangkan kerajaan berbudi besar. Ini jadi pelik Tuan Pengerusi, berbanding di kampung perbelanjaan sikit oleh kerajaan tapi dia menyokong 100% kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bawah mana satu Butiran?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu satu pertanyaan. Jadi kalau Yang Berhormat Cheras hendak jawab tidak payahlah. Kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Sri Gading sudah lupa yang wang kerajaan itu daripada rakyat, daripada cukai yang dibayar oleh rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah semua rakyat satu negara, orang kampung pun banyak bayar, tapi dia dapat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya banyak urusan lagi hendak saya jalankan cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, okey Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi, minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Baik.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu jumlah CCTV yang dipasang di bandaraya di Kuala Lumpur khususnya di kawasan Bukit Bintang sebanyak 58 buah CCTV sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 26 telah beroperasi. Semua bilangan CCTV ini dipasang dalam IPD, Ibu Pejabat Daerah Polis dan di bawah kawalan pihak polis. Di dalam kawasan Bukit Bintang sahaja terdapat sekurang-kurangnya 16 buah CCTV yang sedang dan telah dipasang. Di antara 58 itu, 9 buah CCTV dipasang di mana dikelolai oleh IPK Kuala Lumpur.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai, apa hendak tanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan, sedikit sahaja. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tidak sihat kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana tidak sihat, kuat. Cukup sihat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya banyak bersabar terhadap Yang Berhormatlah, tiba-tiba masuk, tanya, tidak ikut ucapan, tidak

ikut jawapan, masuk sahaja hendak tanya, apa hendak tanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: CCTV.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah saya tengok soalan itu tepat atau tidak. Kalau tidak tepat, tidak payah jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, CCTV. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Bandar Raya kerana mengadakan CCTV di merata tempat dengan kos yang meningkat untuk menjaga keselamatan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar Bandar Raya juga meluluskan banyak pusat-pusat hiburan di ibu kota yang akhirnya menjadi pusat dadah dan juga budak-budak muda ini *happy-happy*.

Jadi, apakah matlamatnya, kadang-kadang saya hendak, pelancong hendak juga sedikit hiburan, melawat Malaysia dan sebagainya tetapi ibu kota ini, terlalu banyak sangat pusat-pusat yang diluluskan oleh pihak Bandar Raya dan pusat-pusat ini menjadi tempat anak-anak muda kita melibatkan diri dalam dadah, *ecstasy* dan sebagainya. Jadi, saya tidak berapa faham dalam satu masa kita berbelanja untuk *raid* untuk menangkap guna pihak kuasa dan satu pihak pula yang bahagian lesen ini melepaskan lesen-lesen yang begitu banyak. Dan saya hendak tahu Yang Berhormat berapa banyak pusat-pusat hiburan yang ada di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berkaitan dengan jumlah lesen yang dikeluarkan itu, saya rasa maklumat dia begitu spesifik. Jadi saya boleh pastikan saya hantar jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, tanya sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa Yang Berhormat Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Siapa Tuan Pengerusi bagi? Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada apa Yang Berhormat Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia minta saya tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia benarkan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya dia benarkan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang duduk dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukit Bintang bagi saya bercakap sedikit. Yang Berhormat Speaker, kita tahu CCTV ini telah membantu menyelesaikan masalah keselamatan. Apakah pihak Bandar Raya telah mengenal pasti kawasan-kawasan yang perlu diberikan keutamaan pemasangan CCTV ini dan apakah ianya akan dibuat satu dengan izin, *compulsory* ke atas semua bangunan-bangunan yang dikira boleh terdedah kepada berlakunya sesuatu insiden jenayah yang boleh dikenal pasti. Apakah

arahan yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya ini telah pun dipatuhi oleh mereka yang dikenal pasti untuk menggunakan pemasangan CCTV ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pemasangan CCTV ini adalah atas arahan daripada kerajaan 'Kementerian Tempatan' yang mana PBT dikehendaki memasang CCTV dan matlamatnya adalah untuk mencegah jenayah. Oleh kerana itu dalam pemasangan CCTV ini, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa berhubung rapat dengan pihak jabatan polis dan merekalah yang lebih arif dan merekalah yang akan memaklumkan ataupun memberi nasihat tempat-tempat yang patutnya dibekalkan CCTV ini. Dan dari segi operasinya juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Dilaksanakan oleh pihak polis.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang CCTV, saya ingin tahu sejauh manakah CCTV ini sudah membantu dalam mengurangkan jenayah di Kuala Lumpur. Oleh kerana pada tahun ini saya rasa indeks jenayah sudah naik walaupun ada beberapa tempat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Bolehkah Yang Berhormat memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa adakah salah satu punca ialah kekurangan anggota polis di Kuala Lumpur ini? Sebab hanya di Kuala Lumpur hanya mempunyai 5000 anggota polis sahaja. Adakah Kementerian Wilayah Persekutuan mencadangkan kepada polis bahawa menambah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mahu ikut aturan ini saya akan memberhentikan sesiapa yang meminta penjelasan. Kalau beri kerjasama, saya harap Yang Berhormat beri kerjasama kepada saya. Cukuplah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkaitan sama ada maksud Yang Berhormat Bukit Bintang, sama ada pemasangan CCTV ini telah dapat mengurangkan jenayah ataupun tidak. Saya rasa ini bukan dalam bidang kuasa ataupun dalam pengetahuan Kementerian Wilayah Persekutuan kerana kita tidak melaksanakan berkaitan dengan mengambil tindakan berkaitan dengan masalah jenayah ini. Oleh kerana itulah saya ingat wajar kalau Yang Berhormat Bukit Bintang ini dapatkan maklumat, sama ada jenayah ini turun ataupun kurang. Termasuklah kes ragut yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang tadi. Jadi saya rasa apa Kementerian Wilayah Persekutuan tidak arif dalam menjawab soalan ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tuan Pengerusi, tadi soalan saya yang keduanya tidak menjawab tentang kriteria memberikan lesen untuk membuka pusat-pusat hiburan. Atas kriteria macam mana pihak Wilayah Persekutuan ataupun Bandaraya meluluskan lesen-lesen ini? Kadang-kadang saya lihat ada satu jalan ada empat, lima pusat-pusat hiburan. Jadi atas kriteria macam mana dan pengawalan macam mana yang dilakukan oleh pihak kementerian.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Jerai hendak tahu,

mungkin hendak pusat hiburan bolehlah datang jumpa saya nanti saya bagi syarat-syarat yang terperinci.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat masalah CCTV telah selesai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan saya hendak buka, saya hendak tanya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya tidak ada maklumat dia, jadi saya akan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi anggap perkara CCTV selesai. Masuk kepada tajuk yang lain.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi serius sangat hari ini, kenapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mesyuarat kena serius.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan permohonan, rayuan, tangguh kuat kuasa caj sewa gerai penjaja di Jalan Petaling dari Ogos hingga November 2006. Rayuan awal oleh para penjaja yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah ditolak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi Yang Berhormat. Timbalan Menteri Yang Berhormat banyak lagi?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit lagi?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya ingat setengah jam tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setengah jam, baiklah bolehkah Yang Berhormat sambung nanti. Yang Berhormat sambung semula. Boleh duduk Yang Berhormat. Masa cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sila sambung semula.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan. Saya ingin menyentuh kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong berkaitan dengan Program Setingan Sifar 2007 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Bagi menjawab...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, jadi jawapan sekali

gus. Perkara ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras dan Yang Berhormat yang lain. Jadi saya cadangkan jawab...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya mengikut susunan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Sekali gus kalau perkara yang sama.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan isu setingan sifar 2007, sehingga Oktober 2006 jumlah keluarga setingan di Wilayah Persekutuan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Bintang hendak cakap apa? CCTV sudah selesai.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Bukan. Tadi ada tanya mengenai sewa bulanan Jalan Petaling. Bilakah akan dilaksanakan. 1 November 2006 atau tahun yang akan datang. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab. Bilakah sewaan bulanan di Jalan Petaling akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat Bukit Bintang. Kalau tak ada apa-apa maklumat terkini, boleh jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa Yang Berhormat? Hendak jawabkah Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan. Tuan Pengerusi punya saranan itu kalau semua jawab bertulis kita tak dapat faham Tuan Pengerusi. Ahli Parlimen ini hendak juga tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Bintang bersetuju. Duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Nanti dia sahaja yang tahu maklumat itu. Kalau cara....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi Yang Berhormat, soalan bukan dikeluarkan oleh Yang Berhormat, dikeluarkan oleh dia. Dia hendak jawapan itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi kalau jawapan lisan kita dapat dengar sama. Macam saya kata Tuan Pengerusi Kuala Lumpur ini ibu negara di mana jadi pusat segala-galanya. Orang dari Sri Gading pun ramai di Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya tadi tak nampak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi kalau jawab bertulis kita tak ada maklumat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Yang Berhormat ambil bahagian dalam perbahasan. Jadi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak semestinya kita tak ambil bahagian dalam perbahasan kita tak tahu Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat jangan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita ada maklumat kalau kita duduk di *coffee room* pun Tuan Pengerusi kita dapat dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi kalau sudah mustahak hendak jawapan bertulis kerana maklumat hari ini tak ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau masalah Sri Gading kalau tak mahu bertulis boleh jawab lisan. Sekarang Yang Berhormat Bukit Bintang bersetuju, duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bukit Bintang bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Macam ini Yang Berhormat Bukit Bintang untung sendirilah Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingat saya sudah jawab tapi saya boleh jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh jawab bolehlah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan permohonan rayuan tangguh kuatkuasa caj sewa gerai penjaja di Jalan Petaling dari Ogos hingga November 2006. Rayuan awal para penjaja yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang telah ditolak oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Rayuan semula yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan di mana sedang diteliti dan akan dikaji semula oleh Datuk Bandar. Jadi apa tempoh, bila laksana itu belum ditetapkan lagi.

Seterusnya, isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong Program Setinggalan Sifar 2007. Sehingga Oktober 2006 jumlah keluarga setinggalan di Wilayah Persekutuan dianggarkan 11,900 keluarga berbanding jumlah PPR yang akan diserahkan secara berperingkat kepada DBKL sehingga Julai 2007 adalah 16,000 unit. Oleh yang demikian, dengan sokongan daripada Yang Berhormat, jumlah PPR yang disediakan adalah mencukupi untuk menampung baki setinggalan yang ada. Jadi minta jangan ada halangan kalau kita buat pemindahan setinggalan ini.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Soalan yang ditimbulkan oleh saya ialah atas perikemanusiaan dan keprihatinan sebuah kerajaan yang membela rakyat dan penyayang dan apa yang saya minta iaitu hentikan dan tangguhkan dahulu pemindahan setinggalan adalah cadangan saya bahawa mana-mana kawasan ada setinggalan yang banyak seperti Cheras harus ada lebih lagi PPR dibina untuk menempatkan semula mereka di situ supaya tidak akan membawa kesengsaraan hidup kepada mereka yang terlibat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Cheras timbulkan

perkara itu saya akan jawab nanti. Ini saya jawab soalan Yang Berhormat bagi Kepong. Jadi sabarlah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sekali lagi hendak ingatkan masa sebab ada juga kita sepatutnya saya merancang dapat selesai sebelum tengah hari ini supaya dapat membolehkan Yang Berhormat Menteri telah jalan sendiri datang...

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...Untuk membentangkan Kementerian Pelajaran.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya cuba menyelesaikan secepat mungkin dan harap pihak-pihak yang berkaitan jangan mengganggu. Berkaitan dengan perubahan rancangan untuk Kempen Setinggalan Sifar ini daripada 2005 kepada 2007. Yang Berhormat bagi Kepong tanya mengapa. Ini adalah kerana proses pembinaan PPR tidak mengikut rancangan. Jadi kalau perumahan tak ada jadi kita kena tangguhkan sedikit. Berkaitan dengan pencerobohan tanah hijau di Jambu Jerneh Jinjang. DBKL telah mengeluarkan notis bagi setinggalan yang menggunakan tanah ini untuk mengosongkan tapak dan sekarang dalam proses tindakan penguatkuasaan dalam masa yang terdekat.

Seterusnya Yang Berhormat Kepong juga menimbulkan berkaitan dengan pencemaran Sungai Jinjang. DBKL sentiasa memastikan kapasiti hidraulik sungai-sungai terjaga untuk mencegah banjir dengan mengeluarkan keladak-keladak yang telah mengecilkan kapasiti hidraulik sungai termasuk kerja mengeluarkan keladak di Sungai Jinjang. Pengorekan keladak selalunya terkawal dan kurang dari satu meter dalamnya. Dengan itu, masalah stabiliti rumah-rumah berdekatan tidak timbul.

Seterusnya saya menyentuh berkaitan isu-isu yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh berkaitan dengan kedudukan masalah rumah urut dan pantau aktiviti penawaran khidmat seks dan juga urut batin. Aktiviti-aktiviti rumah urut diluluskan berasaskan di atas permit seperti syarat-syarat berikut iaitu seperti:

- (i) premis hotel;
- (ii) kompleks perdagangan; dan
- (iii) bangunan rumah kedai di tingkat satu dan di tingkat bawah sahaja.

Aktiviti perkhidmatan yang ditawarkan adalah khidmat urut sahaja. Penawaran khidmat seks dan urut batin tidak dibenarkan. Jika didapati ia dibuat oleh pelesen, maka lesen akan dibatalkan. Bagaimanapun pihak DBKL sentiasa bekerjasama dengan pihak polis untuk melaksanakan operasi pencegahan dan juga membanteras masalah ini. Berkaitan dengan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan daripada Timbalan Menteri itu saya tidak berapa faham, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat yang tanya itu cukup faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang tidak dibenarkan urut batin. Urut batin macam mana itu? Istilah urut batin itu apa? Urut batin ini apa maksudnya? Maksudnya urut selain tidak urut batin dan seks dan sebagainya dibenarkan. Kita faham. Kalau ada mengandungi seks itu kita faham, itu jelaslah tetapi urut batin itu pun tidak dibenarkan, urut batin yang macam mana? Apa maksud urut batin itu? Kalau ada penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh, Tuan Pengerusi. Mungkin daripada pemahaman saya apabila ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh ini, ia ada *synonymous* dengan seks, dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, ramai lelaki yang urut berkaitan untuk menguatkan... Apa hendak sebut? Saya bimbang hendak sebut di Parlimen ini kerana Parlimen ini mulia tetapi bagaimana saya nak cakap, tidak tahu. Urut benda itulah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, nanti bincang dengan Timbalan Menteri selepas ini. Keluar pergi bincang sama dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita hendak kefahaman itu sahaja. Kalau... [*Bunyi guruh yang kuat*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Guruh pun sudah marah.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan restoran mamak meletakkan meja dan kerusi di atas petak letak kereta. Tindakan meletakkan kerusi dan meja di atas tempat letak kereta merupakan satu kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Jika sesebuah restoran didapati melakukan kesalahan tersebut sebanyak tiga kali, maka lesen restoran mereka akan dibatalkan dan barang-barang yang terlibat dalam kesalahan tersebut akan disita. Berkaitan dengan isu caj tempat letak kereta mahal di DBKL. DBKL telah menyediakan cadangan kadar tempat letak kereta persendirian dengan cajnya RM2 satu jam yang pertama dan tambahan RM2 untuk jam berikutnya. Maksimum adalah RM10. Walau bagaimanapun kadar yang dicadangkan masih ditahap perbincangan.

Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam, identiti negatif seperti Lorong Haji Taib dan hotel-hotel murah dapat diberi perhatian oleh DBKL. Mana-mana hotel murah yang beroperasi di kawasan Lorong Haji Taib, Brickfields, Lorong Pudu dan di Jalan Petaling yang didapati menjalankan aktiviti pelacuran, lesen-lesen mereka telah dibatalkan dan tindakan ke atas mereka yang terlibat telah diambil. Setakat ini, DBKL telah menutup lebih daripada 40 buah rumah tumpangan yang menjalankan aktiviti negatif ini.

Berkaitan dengan pembangunan Kampung Baru, di sini ingin saya menyatakan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL memang mempunyai cadangan untuk membantu dalam membangunkan kawasan Kampung Baru, Kuala Lumpur. Dan buat pada masa ini, pihak kementerian sedang menunggu pihak berkuasa tempatan DBKL yang dijangka siap pada Julai 2007. Daripada segi konsep pembangunan yang ingin dibangunkan adalah merupakan pusat perniagaan yang mengandungi

komponen seperti Pusat Komponen Perdagangan Bercampur dan bagi pusat perkhidmatan dan kebudayaan mengandungi Pusat Wawasan Sejarah, Pusat Authentic Dining, Pusat Galeri Kraf Tangan dan Fesyen dan juga Pusat Kediaman Dalam Bandar ataupun *urban living* dan termasuk rumah *modern living* dan kediaman pangsapuri.

Dan seterusnya Yang Berhormat bagi Seputeh, beliau banyak memberi saranan untuk DBKL mengambil tindakan. Di atas saranan-saranan yang baik yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Seputeh itu, pihak kementerian akan mengambil perhatian yang mana wajar. Dan berkaitan dengan isu Projek Linear City, DBKL sedia maklum terhadap permasalahan 200 keluarga setinggan Projek Linear City ini yang pernah dijanjikan untuk membeli rumah kos rendah. 200 keluarga setinggan ini pernah ditawarkan untuk mendiami rumah sewa PPR dan 77 keluarga berkenaan pada masa ini sedang mendiami rumah PPR. Sekiranya dasar penjualan PPR dilaksanakan, DBKL akan memberi keutamaan kepada 200 keluarga setinggan ini untuk membeli rumah tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Bila ini akan dilakukan oleh DBKL? Bilakah dasar itu untuk menjual rumah kos rendah yang diluluskan oleh Kabinet ini akan dilaksanakan oleh DBKL?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih. Saya rasa saya sudah jawab tadi bahawa hari ini kita dalam buat perbincangan di *retreat* untuk menetapkan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh bakal-bakal pembeli. Selepas ini kita secepat mungkin akan melaksanakan dasar kerajaan itu.

Berkaitan dengan Yang Berhormat Kuala Terengganu. Beliau telah membangkitkan berkaitan dengan projek terbengkalai jambatan, jalan yang tidak bersambung di Putrajaya. Jambatan dan jalan-jalan yang dimaksudkan adalah di bawah pakej monorail Malaysia. Dan pembangunan tersebut adalah di bawah Kementerian Pengangkutan. Bagi pembangunan infrastruktur di Putrajaya, di bawah kementerian hampir 90% kemudahan infrastruktur telah disiapkan. Dan akhirnya daripada Yang Berhormat bagi Cheras.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa satu projek usaha sama dengan satu syarikat swasta ialah Plaza Rakyat di pusat Kuala Lumpur ini yang sudah terbengkalai selama sepuluh tahun. Apakah tindakan yang selanjutnya akan diambil oleh DBKL memastikan bahawa usaha sama projek ini dilaksanakan dan juga disiapkan. Sebab ini satu *eyesore* di Kuala Lumpur, di pusat Kuala Lumpur di Plaza Rakyat di pusat Kuala Lumpur yang dekat itu Stesen Pudu. Bilakah projek ini akan dilaksanakan dan memastikan bahawa pembeli-pembeli ini dapat unit-unit yang mereka beli. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan Plaza Rakyat. Sebenarnya projek Plaza Rakyat ini dilaksanakan secara *build, lease and transfers*.

Dan oleh kerana sesuatu yang tidak dapat dielakkan, oleh kerana ekonomi yang tidak mengizinkan pada ketika itu, bahawa konsep telah ditukar kepada '*outrate sale*'. Dan dalam penukaran konsep, ada beberapa syarat telah dikenakan dan syarat-syarat ini telah dikemukakan kepada pihak pemaju dan sehingga kini kita masih belum dapat maklum balas daripada pihak pemaju dan projek ini mengikut perjanjian, kalau tidak ada apa-apa tindakan dilaksanakan

oleh pihak pemaju, maka perjanjiannya akan tamat pada Mei 2007. Jadi oleh itu, proses undang-undang akan kita laksanakanlah.

Dan berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Cheras, pertamanya perpindahan di kawasan PPR berdekatan dengan kawasan setinggan sedia ada dan juga menanggukkan perpindahan setinggan jika jauh daripada penempatan asal kerana tiada kemudahan seperti sekolah Cina di tempat asal, seperti tempat kerja dan lain-lain lagilah. DBKL sentiasa mengambil perhatian terhadap permasalahan mereka dalam membuat pemindahan penduduk setinggan ke PPR. Biasanya pihak DBKL akan menempatkan mereka ke PPR yang berhampiran dengan tempat asal. Bagaimanapun, ada kalanya tidak terdapat rumah PPR berhampiran dengan kawasan asal. Oleh kerana itu, mereka perlulah ditempatkan ke rumah PPR yang terdekat sekali. Jadi tak mesti berhampiran. Proses ini perlu dibuat dan tindakan juga perlu diteruskan oleh kerana kita nak mencapai matlamat wawasan setinggan sifar menjelang tahun 2007 itu.

Yang keduanya, Yang Berhormat Cheras juga meminta supaya DBKL jangan membenarkan kenderaan-kenderaan pembinaan membawa muatan pembinaan melalui jalan-jalan di Kampung Cheras Baru, Taman Cheras Utama, ke Bukit Sungai Putih, Ampang Jaya. Jalan-jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Cheras itu seperti mana yang saya telah jelaskan tadi adalah merupakan jalan awam.

Oleh itu, DBKL tidak ada halangan mana-mana pihak untuk menggunakan jalan tersebut tetapi jika pengguna mengotorkan jalan dan membawa sisa binaan dan tanah tanpa kebenaran, DBKL akan mengambil tindakan undang-undang dengan sewajarnya. Setakat ini, DBKL tidak ada menerima permohonan daripada mana-mana pihak untuk membawa barang binaan dan sebagainya untuk melalui kawasan-kawasan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Cheras bangun.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Penjelasan. Pemaju tersebut telah memohon kepada DBKL untuk menggunakan jalan-jalan awam itu. Soal yang membimbangkan bukan soal kesesakan ataupun pencemaran akibat sisa-sisa yang mungkin dibawa oleh kenderaan-kenderaan berat tetapi masalah yang lebih serius lagi iaitu hakisan tanah, banjir kilat, pemusnahan alam sekeliling semula jadi dan sebagainya, kerana pembinaan rumah di tanah tinggi, cerun yang curam adalah sangat bahaya kepada penduduk-penduduk persekitaran khususnya kawasan-kawasan yang saya tunjuk itu adalah kawasan-kawasan dengan kepadatan penduduk yang tinggi. Macam mana perkara ini dapat diselesaikan kalau jalan-jalan itu dibenarkan diguna oleh pemaju. Bukan untuk pembinaan rumah di kawasan sempadan Wilayah Persekutuan, tetapi di sempadan negeri Selangor.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, isu di sini adalah berkaitan dengan laluan yang dilalui oleh kenderaan.

Jadi, oleh kerana ini merupakan jalan awam, bahawa DBKL tidak boleh menghalang seseorang bagi mereka menggunakan jalan awam ini. Kalau mereka membuat sesuatu kesalahan umpama membawa barang-barang seperti yang saya telah nyatakan tadi tanpa minta kelulusan daripada pihak DBKL, jadi baru boleh kita mengambil tindakan. Berkaitan dengan Medan Selera Desa Aman dan Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak.

Beberapa langkah telah diambil untuk menarik para pengunjung ke pusat-pusat penjaja seperti pemasangan papan tanda tunjuk arah dan pemasangan lampu-lampu hiasan dan juga mewujudkan *anchor tenant*, dengan izin untuk berniaga di situ sebagaimana yang hari ini kita telah dapat Kelana Jaya *Seafood*. Jadi, dengan adanya *anchor tenant* ini, bahawa ianya akan menarik lagi untuk pengunjung-pengunjung untuk hadir datang ke medan selera ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cheras.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Dan isu berkaitan dengan kawasan hijau. Saya rasa saya telah memberi penjelasan dalam menggulung pada tempoh hari, jadi saya rasa saya tidak perlu mengulas di sini. Jika ada, Yang Berhormat Cheras boleh datang berjumpalah.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Bukan, saya bukan merujuk kawasan hijau. Ini berbeza dengan apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat Kepong. Masalahnya ialah pencerobohan tapak-tapak awam baik pun di jalan awam, direserve jalan awam atau pun kawasan dalaman perumahan rumah pangsa, di mana rumah-rumah dewan orang ramai dibina dengan dana awam, tetapi dicerobohi dan diduduki oleh parti-parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO dan MCA. Macam mana masalah ini dapat diselesaikan? Bilakah mereka dihalau daripada dewan-dewan milik rakyat bukan milik parti politik itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukup Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Pengerusi, saya rasa saya tak perlu jawab. Saya dah jawab dalam sesi yang lepas. Jadi, kalau dia tak puas hati boleh buat surat.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata di sesi lepas, dia kata dia tak tahu. Dia kata tidak ada dewan dicerobohi, tidak diduduki oleh parti-parti politik tetapi saya rela membawa dia melawat ke setiap dewan-dewan yang telah saya sebut itu untuk membuktikan apa yang saya kata ini benar. Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah jawab dia tidak tahu. Saya menganggap dia, beliau seolah-olahnya tidak tahu ataupun benar-benar tidak tahu pada sesi yang lepas tetapi sekarang, hari ini saya timbul semula perkara ini, beliau kata sudah dijawab. Jangan mengelirukan Dewan ini, memesong. Ini bukan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu dewan kegunaan rakyatlah. Apa salah rakyat guna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, saya tak nak yang tidak berkaitan. Sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, okey.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Sila jawab!

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya rasa saya dah jawab. Kalau tidak boleh jumpa saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selesai ya?

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM195,681,800 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Wang sebanyak RM195,681,800 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM556,008,000 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM556,008,000 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

**Maksud B.41 [Jadual] -
Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan 2007] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk di bahas.

3.01 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya bercadang Usul bahawa perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 10000 - Emolument iaitu dengan memotong gaji Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri Pelajaran I, Timbalan Menteri Pelajaran II dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kerja lain tidak adakah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Masing-masing sebanyak RM10 di bawah Maksud Bekalan B.41 Butiran 10000 Emolument.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, empat oranglah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, empat orang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jumlah RM40 ribu?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, RM10 ribu seorang. Ya. Sebab ialah bahawa mereka kelalaian dan sikap tidak bertanggungjawab kolektif mereka apabila mereka gagal untuk memperuntukkan pembinaan SJK(C) dan SJK(T) baru di bawah Bajet 2007 dan Rancangan Malaysia Kesembilan memenuhi keperluan rakyat Malaysia terhadap keperluan pendidikan yang semakin meningkat misalnya pembinaan 30 buah SJK(C) baru dan lima buah SJK(T) baru pada tahun hadapan ataupun 300 buah SJK(C) dan 30 buah SJK(T) baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Adalah menjadi dasar tidak tertulis, Kementerian Pendidikan untuk tidak membina sebarang SJK(C) dan SJK(T) yang baru di bawah setiap rancangan pembangunan lima tahun demi memenuhi *enrolment* dan keperluan pendidikan murid-murid yang mana ibu bapa-ibu bapa mereka ingin menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah yang mana ini adalah dikecualikan apabila isu ini diperlukan untuk memancing undi semasa pilihan raya umum.

Ini di mana janji-janji akan ditabur untuk membina beberapa SJK(C) baru. Biar pun begitu, untuk beberapa dekad yang lepas, tidak ada satu pun yang mana Yang Berhormat Menteri Pelajaran atau Timbalan Menteri Pelajaran yang menyatakan secara terbuka sehingga pada 20 September apabila Ahli Parlimen Ipoh Barat berjaya memaksa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Yang

Berhormat Tanjong Karang untuk mengakui secara terbuka di Parlimen bahawa tidak ada satu pun SJK(C) dan SJK(T) yang akan dibina pada tahun hadapan atau untuk lima tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan semasa membuat penggulungan untuk Kementerian Pelajaran perbincangan Bajet 2007.

Biarapun kebingungan yang timbul selepas pengakuan Yang Berhormat Timbalan Menteri di seluruh negara berkesudahan dengan pengumuman Yang Berhormat Menteri bahawa dua buah SJK(C) bar universiti akan dibina, ianya sebenarnya adalah mengecewakan kerana Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebab yang berikut:

- (i) daripada dua buah kononnya SJK(C) baru yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri, SJK(C) yang pertama iaitu SJK(C) Kulai II merupakan sebuah sekolah berpindah yang dijanjikan semasa Pilihan Raya Umum 1999, manakala SJK(C) yang satu lagi merupakan sebuah sekolah wawasan;
- (ii) tidak ada satu SJK(T) baru yang dibina; dan
- (iii) apa yang diperlukan serta-merta ialah untuk meminda Bajet 2007 untuk membina 30 buah SJK(C) baru dan lima buah SJK(T) baru pada tahun hadapan atau 300 buah SJK(C) baru dan 30 buah SJK(T) baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Semasa kemerdekaan pada 1957, terdapat 1,333 buah SJK(C) dengan jumlah 310,000 orang murid. Hampir 50 tahun kemudian, iaitu pada hari ini, jumlah bilangan murid SJK(C) telah berlipat ganda ke 636,124. Ini sepatutnya diikuti dengan bilangan SJK(C) yang bertambah dua kali ganda, tetapi bilangan ini telah merosot sebanyak 45 buah sekolah daripada 1,333 ke 1,288 untuk separuh abad yang lalu. Pada masa sekarang terdapat fenomena baru di mana terdapat banyak sekolah rendah dengan bilik darjah kosong dan bilangan kerusi meja yang berlebihan. Sementara SJK(C) dan SJK(T) di kawasan penduduk kepadatan tinggi menjadi sesak dengan nisbah murid kepada kelas adalah lebih daripada dua kali ganda nisbah ideal Kementerian Pelajaran iaitu 25 orang setiap kelas dengan 55 orang murid atau lebih dalam satu kelas yang mana ini membuktikan lebih banyak kelas dan sekolah baru perlu dibina.

SJK(C) Bercham iaitu SJK(C) yang paling besar di Ipoh mempunyai 3,284 murid dan 72 kelas yang dibahagikan kepada dua sesi. Dewan Negara lebih daripada 15 kelas melebihi 50 orang murid setiap satu apabila seharusnya terdapat sekurang-kurangnya empat sekolah diperlukan berdasarkan nisbah ideal 25 orang per kelas dan 30 kelas bersekolah oleh Kementerian Pelajaran. Pada bulan yang lepas, saya telah mencabar ucapan Yang Berhormat bagi Sungai Siput untuk mengesahkan kenyataannya bahawa 21 buah SJK(T) baru telah dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dan saya mengetahui bahawa Yang Berhormat telah silap kerana bilangan SJK(T) telah merosot daripada 526 buah pada tahun 2001 ke 523 pada tahun 2006.

Walau bagaimanapun terdapat kenaikan sebanyak 12.7% dari segi *enrolment* bilangan murid di SJK(T) iaitu daripada 88,810 orang tahun 2001 ke 142 pada tahun 2006. Saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat bagi Sungai Siput dengan caranya sebagai Presiden MIC selama 27 tahun dan Menteri

Kabinet boleh melakukan kesilapan yang begitu melampau di mana beliau tidak tahu membezakan di antara SJK(T) baru dengan SJK(T) dalam keadaan amat teruk dan perlu dibina semula di mana di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini tidak ada satu pun SJK(T) baru akan dibina. Bagaimanapun saya masih menunggu jawapan sama ada daripadanya atau Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri di atas dua perkara di bawah:

- (i) mengapakah tidak ada peruntukan pembinaan SJK(T)-SJK(T) baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan apabila bilangan murid-murid semakin bertambah; dan
- (ii) sebab untuk kekurangan RM36.72 juta di dalam peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan yang asal untuk membina semula SJK(T) bantuan penuh kerajaan sepertinya yang diumumkan oleh Yang Berhormat bagi Sungai Siput bulan lepas.

Apabila terdapat satu pengumuman yang lebih awal oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran berkenaan dengan peruntukan RM64.84 juta untuk tujuan ini. Oleh kerana bajet untuk Kementerian Pelajaran ialah RM22.2 billion pada tahun hadapan adalah amat tidak munasabah jikalau tidak ada sebarang peruntukan untuk membina bilangan SJK(C) dan SJK(T) yang mencukupi. Adakah masalah terletak pada kekurangan wang untuk membina 30 buah SJK(C) dan lima SJK(T) pada tahun hadapan atau 300 SJK(C) dan 30 buah SJK(T) di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Sudah pasti masalah ini bukanlah wang tetapi ialah pertimbangan politik.

Yang Berhormat Menteri berkata selepas mesyuarat Jawatankuasa Kebangsaan Pemuda Barisan Nasional pada Oktober bahawa beliau tidak boleh mengatakan secara konkrit berapa banyak sekolah SJK(C) dan SJK(T) yang akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerana ia bergantung kepada keputusan yang diambil selepas perbincangan peringkat tinggi. Beliau secara tidak sengaja telah membongkar masalah akar umbi tentang kelalaian, diskriminasi dan pemikiran sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) oleh Barisan Nasional iaitu isu pendidikan bahasa ibunda di negara ini sentiasa dipolitikkan.

Mengapakah isu-isu berkaitan dengan SJK(C) dan SJK(T) termasuk pembinaan sekolah-sekolah baru dilihat sebagai "*hot political potatoes*", dengan izin yang mesti diurus oleh barisan pimpinan tertinggi Barisan Nasional yang melibatkan Menteri Pelajaran iaitu Ketua Pemuda UMNO dan dengan Presiden MCA, dengan Presiden MIC dengan Presiden Gerakan. Mengapakah segala isu pelajaran ini tidak boleh dilihat *depoliticized* kan supaya soalan-soalan sebegini dilihat sebagai isu pendidikan tulen sahaja yang boleh ditangani dengan profesional dan objektif di peringkat pentadbiran oleh pegawai-pegawai pelajaran tanpa perlu melibatkan Menteri Pelajaran.

Menteri-menteri Kabinet harus menetapkan satu dasar supaya semua sekolah baru, sama ada ia sekolah kebangsaan SJK(C) atau SJK(T) harus dibina mengikut keperluan *enrolment* yang harus dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran.

Dan ini bukannya ditangani seperti cara sekarang di mana pemimpin-pemimpin parti-parti politik Barisan Nasional bukan UMNO perlu berbincang malahan perlu meminta sedikit daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk mendapat belas kasihan demi meluluskan pembinaan sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) baru.

Isu pembinaan sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) tidak harus terus dilihat sebagai *player football* di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional kerana ianya mesti ditangani dengan profesional sebagai satu isu pendidikan berdasarkan dengan tegas terhadap keperluan enrolment murid dan bukan berdasarkan keperluan politik dan pilihan raya parti-parti BN. Jikalau terdapat permintaan semakin meningkat terhadap SJK(C) dan SJK(T), maka SJK(C) dan SJK(T) yang baru harus dibina untuk memenuhi keperluan enrolment murid yang semakin meningkat terhadap sekolah-sekolah ini. Ini harus menjadi kriteria tunggal untuk menentukan sama ada sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) yang baru perlu dibina atau tidak, dan bukannya seperti sekarang. Di mana pertimbangan utama ialah sama ada ianya dapat memberi manfaat politik kepada parti-parti komponen BN atau tidak, khususnya memenuhi keperluan pilihan raya mereka.

Jawapan yang selalu diterima oleh Ahli-ahli Parlimen DAP di Parlimen sama ada daripada Menteri Pelajaran atau Perdana Menteri sendiri. Apabila kita bertanya pembinaan SJK(C) dan SJK(T) baru ialah bahawa sekolah-sekolah ini akan dibina mengikut keperluan. Betul, kita bersetuju. Agar SJK(C) dan SJK(T) baru dibina mengikut keperluan tetapi ianya mesti berdasarkan keperluan enrolment dan keperluan pendidikan yang semakin meningkat daripada murid-murid terhadap sekolah-sekolah ini dan bukannya berdasarkan keperluan politik dan pilihan raya parti-parti Barisan Nasional di mana ianya merupakan dasar BN pada masa sekarang. Yang Berhormat Menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP, tak main politikkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kementerian berkata bahawa pembinaan SJK(C) dan SJK(T) ialah satu masalah yang kompleks melibatkan penyelesaian isu yang panjang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini pun DAP main politik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Perlukan tanah, peruntukan kewangan di mana sekolah-sekolah dengan bilangan murid yang rendah harus ditutup, digabung atau dipindah. Selepas hampir setengah abad pembinaan negara, sekolah-sekolah SJK(C) dan SJK(T) harus dilayan seperti sekolah-sekolah kebangsaan. Mengapakah pembinaan SJK(C) dan SJK(T) baru harus melibatkan penyelesaian masalah-masalah yang kompleks, yang tidak berkaitan dengan kenaikan enrolmen dan keperluan murid-murid untuk sekolah-sekolah ini dalam *locality* tertentu apabila pembinaan sekolah-sekolah kebangsaan baru tidak pernah menghadapi masalah-masalah ini.

Sebagai Yang Berhormat Menteri, beliau harus memfokuskan seluruh tenaganya untuk memantau kemerosotan sistem pendidikan kebangsaan agar kita dapat memberi pendidikan rendah dan menengah yang berkualiti dan dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan sistem yang terbaik di dunia. Demi melengkapkan generasi-generasi baru rakyat Malaysia, dengan *mindset* kemahiran-kemahiran dan bakat-bakat untuk menghadapi masa hadapan yang semakin kompetitif di dalam ekonomi global. Ini adalah satu petanda buruk terhadap sistem pendidikan kebangsaan kita menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang ke-50 apabila terdapat 994 buah sekolah tanpa bekalan elektrik dan 1,550 buah tiada bekalan air.

Inilah isu-isu yang mana Yang Berhormat mesti mengambil tindakan sebagai perkara keutamaan tertinggi untuknya dan bukanlah memainkan, *play god* untuk menentukan sama ada untuk meluluskan satu atau dua sekolah SJK(C) atau SJK(T) baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang mana sekolah-sekolah ini harus dibina. Ataupun masalah ini berpunca daripada kekurangan wang? Berapa banyak wang diperlukan untuk membina 30 buah SJK(C) baru dan lima buah SJK(T) baru setiap tahun di bawah Rancangan Malaysia Kelima? RM50 juta, RM70 juta atau RM100 juta? Adakah tabung kerajaan sudah menjadi kering kontang dan tidak mempunyai wang untuk memperbetulkan kesilapan-kesilapan dan ketidakadilan untuk empat dekad yang lalu untuk membina SJK(C) dan SJK(T) demi memenuhi keperluan *enrolment* dan pelajaran yang semakin meningkat? Ini memang tidak benar.

Hanya dua minggu yang lalu, dalam satu taklimat Perhimpunan Agung UMNO, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan bonanza RM600 juta kepada perwakilan-perwakilan UMNO dan ketua-ketua bahagian iaitu sebanyak RM3 juta untuk setiap kawasan Parlimen yang diuruskan oleh pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat bahagian, demi memberikan sokongan dan kesetiaan daripada mereka. Yang mana ini merupakan satu tambahan *instant*, serta-merta terhadap peruntukan RM1.5 bilion yang diluluskan untuk menjalankan projek-projek kecil di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan tanpa mendapat kebenaran daripada Parlimen. Pada hari yang sama, iaitu dalam satu surat kepada Ketua Pengarah Kerja Raya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...yang bertarikh 13 November, Timbalan Menteri Kerja Raya menggunakan *letterhead*..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita sekarang bincangkan Kementerian Pelajaran.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya. Ini ada bersangkutan-paut. Ada *letterhead*, Timbalan Menteri Kerja Raya telah mengarahkan Ketua Pengarah Kerja Raya di bawah tajuk Pelaksanaan Projek Kecil Kawasan Parlimen di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan bahawa projek ini, duit ini patut dibelanjakan dalam dua bulan. Sejurus selepas itu, *Unit Contract dan Quantity Surveying* JKR, mengeluarkan kertas konsep Tatacara Pelaksanaan Program Projek Luar Bandar Tahun 2006 kepada semua bahagian UMNO di negara ini Semenanjung Malaysia dan Sabah tentang bagaimana untuk membelanjakan bonanza...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tidak berkaitan dengan potong gaji RM10.00 ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Saya akan *collect* sekarang... [Disampuk] Saya tunjuk *collection* ini. Relevan. Supaya peruntukan sebanyak RM600 juta atau RM3 juta setiap kawasan Parlimen ini dibelanjakan oleh setiap bahagian UMNO pada tahun ini. Bermakna wang ini perlu dihabiskan dalam masa kurang daripada enam minggu pada maksimum atau dalam masa beberapa minggu seperti dalam kebanyakan kes. Mesej yang disampaikan kepada pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat bahagian ialah belanjakan RM600 juta dalam beberapa minggu yang akan berakhir pada 31 Disember 2006 ini. Tak payahlah kira projek apa, sebab apa dan cara apa? *Spend, spend, spend!*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, tak betullah itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, kenapa tidak...?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Untuk rakyatlah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau begitu, kenapa tidak ada dengan kesediaan kerajaan untuk memberi RM600 juta hanya untuk membeli kesetiaan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Adakah perkara ini, Menteri Pelajaran bertanggungjawab?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya! Sekarang saya kata, dia bertanggungjawab dengan kesediaan kerajaan untuk memberi RM600 juta...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jumlah itu pun tak tepat! Tak betul!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...hanya untuk memberi kesetiaan 200 bahagian UMNO. Bagaimana Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi sebab bahawa wang tidak mencukupi untuk memperbetulkan ketidakadilan dari segi sejarah dengan membina SJK(C) dan SJK(T) yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pendidikan dan penambahan *enrolment*? Kalau boleh membazirkan RM600 juta, tidak ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tak bazir, itu untuk orang!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Ada wang untuk SJK(C) dan SJK(T)? Betulkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Untuk rakyat, bazir apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini membawa saya satu sebab yang kedua untuk usul ini. Institut Integriti Malaysia dan Badan Pencegah Rasuah telah meluluskan bahawa anti rasuah harus dijadikan sebagai sebahagian daripada sukatan pelajaran sekolah tetapi apakah kegunaan cadangan ini kalau Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri Pelajaran dan Setiausaha Parlimennya telah gagal menetapkan satu modal dalam kempen menjunjung integriti dan menghapuskan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Tadi itu satu contoh RM600 juta, tetapi kes yang paling menghairankan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Contoh itu tak betul tu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Yang ada kait secara dengan Kementerian Pelajaran ialah skandal RM30,000 SJK(C) Kong Yu, yang mana projek pembaik pulih hanya diberi kerja menilai RM3,000 sahaja. Di mana ia ada dibongkarkan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Yang Berhormat bagi Ampang. Apa yang dibongkarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, ketirisan atau 90% peruntukan pembangunan hanya ialah sebahagian kecil sahaja. *Tips of the iceberg* sehingga sekarang tiada apa-apa yang telah dilakukan untuk menyiasat ketirisan penyalahgunaan wang dan pecah amanah yang sebegini dalam peruntukan RM10 juta untuk 114 SJK(C), 71 SJK(T) dan 25 sekolah kebangsaan yang diluluskan pada bulan Oktober tahun lepas.

Selepas peristiwa tragik tetapi langsung tidak diperlukan iaitu kematian Cikgu Chan Boon Heng. Beliau meninggal dunia di SJK(C) Keat Hwa di Alor Star di mana beliau mengalami kecederaan akibat jatuh melepasi siling yang termakan oleh anai-anai pada bulan September yang lepas. Yang Berhormat Menteri sepatutnya berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan menggalakkan lebih banyak kebongkaran kes-kes sebegini dan atas kepentingan orang ramai. Bukannya membidas Yang Berhormat Timbalan Menteri MCA itu sebagai penderhaka kepada kerajaan dan negara di mana membangkitkan persoalan tentang komitmen Yang Berhormat Menteri di dalam memerangi rasuah yang mana ayahandanya Tun Hussein Onn merupakan Perdana Menteri yang ketiga yang bertekad tanpa kompromi untuk menyekat rasuah dan segala bentuk penyalahgunaan kuasa.

Baru sahaja tadi saya telah dimaklumkan tentang bagaimana peruntukan sebanyak RM100,000 untuk membina sebuah tadika yang hanya menghasilkan kerja-kerja yang bernilai RM12,000 daripada peruntukan untuk setiap kawasan DUN di Selangor. Ini berlaku di kawasan Kota Damansara, kawasan yang diwakili oleh Dato' Mokhtar Dahlan yang juga merupakan Exco Kerajaan Selangor, tetapi mengenai tadika. Yang Berhormat Menteri masih belum meminta maaf dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan negara kerana membidas beliau sebagai politik *opportunist* dan memerangi amaran beliau dalam Perhimpunan Agong Pemuda UMNO baru-baru ini bahawa beliau tidak akan lupa dan memaafkan beliau.

Ini merupakan sebab ketiga kegagalan Kementerian Pelajaran untuk membina satu generasi Malaysia yang lebih bersatu padu melalui sistem pendidikan. Selepas Perhimpunan Agung UMNO dan Pemuda UMNO baru-baru ini, rakyat Malaysia lebih berpecah belah dan lebih *polarize*. Inilah masanya dalam sejarah negara apabila rakyat tanpa menghiraukan kaum, agama...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, usul ini sudah jawablah Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Eh, UMNO punya pasallah. Apa *you* mahu kacau ini kita punya *family*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang Asli sama ada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tidak...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebagai rakyat Malaysia kita akan menjadi lebih bersatu padu *motivated* dan yakin...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau kita pun dibenarkan bercakap panjang, kita boleh cakap panjang juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: DAP mesyuarat kita ada kacau kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Malaysia untuk menjadi Malaysia sebuah masyarakat yang berdaya saing tinggi, moden, berinformasi dan sebuah ekonomi yang berdasarkan pengetahuan untuk menjadi negara kelas pertama. Ini adalah kerana dalam masa sembilan bulan, kita akan merayakan pembinaan negara yang ke-50.

Di mana ini merupakan peluang keemasan untuk seluruh rakyat Malaysia untuk merayakan dan mengukuhkan perpaduan kepelbagaian kewarganegaraan bersama serta harapan tunggal untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berkualiti, cemerlang, gemilang dan bertoleransi di dunia. Adakah rakyat Malaysia sekarang berada dalam kedudukan yang kelihatan gembira untuk menyambut perayaan kemerdekaan yang 50 dalam masa sembilan bulan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh cukup gembira, cukup gembira.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dengan perayaan-perayaan ini mungkin akan bermula...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukup puas hati.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Apabila tahun 2007 akan dimulakan pada masa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak ada kenamengena Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Oleh kerana kegagalan sistem pelajaran. Itulah, itulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa yang dibangkitkan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Semua rakyat *happy*. Apa fasal mahu bising?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat di Perhimpunan UMNO ini sekarang gaji RM10 ini dibayar kerana Menteri Pelajaran, bukan kerana Ketua Pemuda UMNO.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan apa yang berlaku kita boleh lihat satu gambaran di mana rakyat lebih buruk, rasa teruk dan *gloomy* bagi masa depan oleh sebab kegagalan sistem pelajaran. Sebab itu apa yang berlaku telah membunuh...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Oh rakyat *happy*, rakyat *happy*, semua orang *happy*, *you* sahaja tidak *happy*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai sila, sila, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dan mereka tidak pernah berasa begitu sedih sebagai rakyat Malaysia disebabkan oleh...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Semua seronok...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai hendak cakap, nanti boleh bahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Negatif, progresif, *divisive* baru-baru ini yang mana ini membangkitkan persoalan serius sama ada negara telah mengecapi kemajuan yang konkrit dan *irreversible* dalam masa setengah abad yang lampau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat minta gulunglah, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Gulunglah, boleh gulunglah. Saya bagi sepuluh minit lagilah, sepuluh minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Yang bersatu padu, progresif dan moden.

Seorang Ahli: ...RM10 potong, lapan jam cakap kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara kelas pertama yang lain di dunia. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Perdana Menteri dan Parlimen haruslah diberi amaran awal faham bahawa satu arus imigrasi golongan profesional Malaysia sama ada Melayu atau bukan Melayu mungkin akan berlaku memandangkan kebangkitan ekstremis perkauman dan tidak toleransi terhadap agama seperti yang ditunjukkan oleh kejadian-kejadian negatif, *retrogressive* dan *divisive* baru-baru ini. Khususnya *fire and brainstorm* yang ditunjukkan dalam Perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO dan penghunusan keris.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Eh! Perhimpunan Agung DAP lagi teruk, tahu tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kegagalan Dasar Pelajaran Kebangsaan boleh ditunjukkan oleh kenyataan Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah dalam satu pengumuman yang mengatakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Bahawa beliau mempunyai seorang kawan, anaknya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat. Sekarang kita berada dalam Jawatankuasa, contoh-contoh itu sudah banyak sangatlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Bukan kegagalan sistem pelajaran yang diberitahu gurunya supaya jangan mengunjungi rumah-rumah bukan Melayu, ini sekolah. Seperti yang dinyatakan oleh Raja Nazrin sekolah-sekolah kita harus menanggung sebahagian besar daripada masalah polarisasi kaum di negara ini. Beliau berkata dengan izin, "*More needs to be done. Schools need to be inclusive rather than exclusive. Students should not be made to feel isolated or segregated by race or belief. Instead there should be integration and a spirit of belonging. There should be a more balanced racial composition of school leaders, teachers and students that reflect national mix.*" Seperti yang dinyatakan dalam satu maklum balas dalam temu ramah hari ini, dengan izin, "*The ultimate antidote to cure polarization and this disunity was to completely overhaul the country's education system by making it more dynamic.*" Prof. Amaratus Datuk Khoo Kay Kim telah memberi amaran yang tepat bahawa jikalau sistem pendidikan Malaysia tidak dibaik pulih *overhaul* negara ini akan ketinggalan di belakang sepuluh tahun berbanding dengan negara-negara jiran seperti Thailand dan Indonesia.

Malangnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran merupakan Kementerian Pelajaran...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di Thailand dan Indonesia berapa ramai pelajar tidak sekolah, *you* cakap apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malangnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran merupakan Menteri Pelajaran yang paling *divisive* dan *polarize* dalam sejarah negara ini dengan penghunusan keris dan ancaman untuk menghunus keris sekali lagi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Itu keris budaya orang Melayu, Yang Berhormat bising apa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Di mana ini merupakan contoh paling teruk untuk model bangsa Malaysia yang langsung tidak sensitif terhadap polarisasi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang Melayu amalkan budaya Melayu teruk kah, apalah *you!*?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Kaum yang memuncak disebabkan oleh ucapan-ucapan perkauman ekstrem bersifat mengapi-apikan dan menghasut dikeluarkan semasa Perhimpunan Agung UMNO yang juga menakutkan para pelabur asing. Bagaimanakah sistem pendidikan kebangsaan kita dapat memupuk perpaduan nasional yang lebih besar di kalangan generasi muda di Malaysia apabila Menteri Pelajaran sendiri telah menjadi Menteri yang paling bersifat polarisasi dan *divisive* dalam Kabinet sekarang. Yang Berhormat Menteri seharusnya memilih satu atau yang lain meletakkan jawatan sebagai Menteri Pelajaran ataupun...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *No way, no way, no way. You* letak jawatanlah Ketua Pembangkang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bagilah Pengerusi DAP dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Melaksanakan kedua-dua tugas ini dengan baik khususnya apabila...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* kena letak jawatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Untuk menghunus keris setiap tahun di dalam setiap Perhimpunan Agung UMNO dan Pemuda UMNO. Dengan itu, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa sokong?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya sokong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pertama sekali Tuan Pengerusi...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kepong berapa lama, cuti ini hari mahu cakap kah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Macam mana boleh dua orang bercakap dalam satu masa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Beri Keponglah, dia lembut sedikit.

3.26 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya sokong usul ini kerana selepas kemerdekaan kita 49 tahun dan tahun hadapan ialah 50 tahun. Kita masih ada Menteri Pelajaran yang tidak berperangai dengan baik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Lemah-lembut, bukan macam Yang Berhormat lembut... *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dan kalau kita hendak jadi Menteri Pelajaran, janganlah sentiasa tunjukkan keris itu macam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order, point of order* Tuan Pengerusi. Keris itu adalah lambang budaya Melayu. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Dipertuan Agong pun usung keris, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak apa, tidak apa peraturan mesyuarat mana satu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu peraturan mesyuarat? Cukuplah, cukup, cukup! Kepong teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sangkaan buruk bagi bangsa Melayu Tuan Pengerusi. Duli Yang Maha Mulia Tuanku keris yang panjang itu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini menghina Agong Tuan Pengerusi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Bukan hendak tikam orang. Itu tanda budaya Melayu, adat istiadat Melayu, janganlah sentuh. Ini DAP sudah melampau Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak dengar Kepong, saya hendak dengar Jerai atau Sri Gading, siapa yang cakap sekarang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sekarang Kepong cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ada istiadat Melayu pun sudah tidak boleh hendak pakai, macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading pun...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan Tuan Pengerusi. Ini sudah melampau Tuan Pengerusi. Kita urus budaya Melayu pun salah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, siapa sekarang mahu dengar siapa bercakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Duli Yang Maha Mulia Sultan pun pakai keris Tuan Pengerusi. Ini budaya Melayu jangan sentuhlah. Itu menyentuh kemuliaan Raja. Jangan lebihlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat nanti boleh jawab. Yang Berhormat boleh berucap, berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia punya keris lembut, mahu bikin apa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jangan lebihlah, jangan lebihlah Tuan Pengerusi. Kita berbahas berbahas pun biar ada sempadanlah, Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi. Minta Kepong duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Kepong duduk. Apa peraturan mesyuarat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat 36, duduklah Kepong. Orang lama pun tidak faham peraturan mesyuarat kah, Kepong?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, sila duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah. 36(10) (c), perkataan yang boleh menyakiti hati di antara satu kaum dengan kaum yang lain...., apa ini Kepong?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha! Cukup Yang Berhormat, cukup!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Adakah dengan menggunakan keris menampakkan bahawa orang Melayu itu jahat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukup, cukup, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak, tidak ini Kepong ini orang lama.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini mempertahankan negara Tuan Pengerusi...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Terlindung sama Cina, Melayu, India dan seluruh penduduk Tuan Pengerusi, bukan soal perkauman.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta satu *ruling*, pembangkang sudah terlampau sangat membangkit-bangkitkan perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Mr. Bean* duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk saya buat keputusan. Larut sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Peraturan Mesyuarat 36(7) Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik saya buat keputusan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini bukan masalah tolong, ini Peraturan Mesyuarat. Yang Berhormat Kepong, kalau tidak hendak bercakap, tidak hendak berbahas tolong bagi peluang pada orang lain yang boleh mengemukakan idea yang bernas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak gunakan peraturan mesyuarat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi peraturan potong gaji ini pun patut dipindah Tuan Pengerusi. Ini bukan soal hendak potong gaji, ini soal lain yang hendak dibangkitkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading duduk, duduk. Yang Berhormat jangan buang masa lah. Masa tidak cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau kita pula esok hendak cadangkan supaya potong gaji Ahli Parlimen DAP.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, keputusan saya buat Yang Berhormat Kepong teruskan perbahasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kerana mencero bohi masa saya, saya diberi setengah jam ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya lah, tapi ikutlah peraturan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lima minit.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Kepong, ikutlah peraturan Kepong, jangan mencemarkan Dewan yang mulia ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ikut arahan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Pemangku Pengerusi *Backbencher* ini patutlah dapat teladan dan pelajaran daripada Yang Berhormat Sembrong kerana tidak dapat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, saya hendak kemukakan 36(6), sangkaan jahat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah. Kalau Yang Berhormat nak minta Larut mengikut teladan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, dia kena tunjuk satu contoh yang baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sembrong tak perlu potong gaji RM10.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, fasal Sembrong sudah baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Janganlah buat kenyataan yang jahat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepong apa cakap?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau tidak ada modal hendak bercakap, jangan bercakap. Jangan ambil hati dengan rakan-rakan yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut!

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini berlarutanlah, itu masalahnya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Peraturan Mesyuarat 36(7), Kepong cuti satu minggu, balik mai kacau, fasal apa?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Suka berlarutan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia tidak ada yang hendak dicakapkan Tuan Pengerusi. Dia tidak ada idea, fikiran dia terkepong, sempit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau sudah habis, bagi kami, kami yang hendak bahas.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya hendak ucap. Tuan Pengerusi, patut Menteri Pelajaran menunjukkan teladan kepada semua pihak kerana kita mempunyai berjuta pelajar di negara kita. Kan baik kalau kita tidak boleh mengamalkan sikap sopan santun dan sebagainya, jadi tidak payahlah jadi menteri...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Potong gaji sopan-santun kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu yang pertama. Yang kedua, patut Yang Berhormat Menteri memantau keadaan di semua negara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Keadaan apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah kerana kita mempunyai lebih 8,000. Saya nampak ada sesetengah itu standard sudah turun, ada sesetengah guru besar dan guru-guru itu mungkin kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk gaji mungkin terlalu rendah.

Mereka ada bukan begitu dedikasi, ada kerja sampingan dan sebagainya. Dan yang demikian, saya nampak dedikasi itu kurang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat sendiri pun ada kerja sampingan. Jadi wakil rakyat, buka klinik, ini bukan kerja sampingan kah?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya... [*Dewan riuh*] Patut Arau ini, kacau saja ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kepong, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh cukup... [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kerana standard di sekolah rendah dan sekolah menengah, ada sesetengah sudah turun. Dan Yang Berhormat Menteri mestilah sentiasa berhati-hati mengenai standard di semua sekolah termasuklah bekalan elektrik, bekalan air di kawasan-kawasan pedalaman dan sebagainya masih tidak mencukupi. Inilah faktor-faktor yang tertentu yang menyebabkan kita mengadakan usul yang sedemikian. Saya berharaplah dengan usul yang dibentangkan hari ini, Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji apa yang dibuat oleh Yang Berhormat itu ada sesetengahnya betul juga, tapi ada sesetengah itu kurang dari segi menteri kita menunjukkan teladan yang baik untuk memastikan pelajaran, pendidikan di negara ini mencapai tahap yang tinggi terutamanya pada 2020, kita hendak mencapai satu tahap negara maju dan sekarang saya nampak ada kurang lagi dan kalau kekurangan dan kelemahan ini mestilah diperbaiki. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul sebagaimana yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Ipoh Timor tadi dibuka untuk dibahas. Yang Berhormat Larut, sila.

3.34 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya hendak menarik kepada Peraturan Mesyuarat 36(10)(a) dan (b) ini. Ketua Pembangkang yang langsung tidak ada semangat patriotik. Tahu hanya hendak memotong gaji orang, mencari politik murahan. Saya hendak merujuk kepada Penyata Rasmi Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order* mengenai perkataan tidak patriotik. Saya mahu satu *ruling* sama ada ini benar atau dibenarkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tunggu dulu, ini *floor* saya, saya bawa peraturan mesyuarat. Dengar dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, biar dia bahas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar dulu peraturan mesyuarat saya! Ketua Pembangkang, dengar dulu peraturan mesyuarat saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak merujuk kepada...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan

mesyuarat, dengar dulu habis-habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa? Dengar dululah, saya hendak bawa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini 10 apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat 36(10)(a) dan (b).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya meminta satu *ruling*, saya akan berdiri atas *point of order*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar, saya bawa peraturan mesyuarat dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor, duduk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *You* dengar dulu, saya bawa peraturan mesyuarat, dengar dulu peraturan mesyuarat saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak patriotik, sama ada *Parliamentary*, tidak *Parliamentary*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengar! Macam mana Ketua Pembangkang buat usul ini Tuan Pengerusi? Dalam peraturan mesyuarat ini beliau berkata, dalam Penyata Rasmi pada 21 November beliau menyebut..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang saya menganggap Yang Berhormat dalam masa perbahasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, dan saya sebut peraturan mesyuarat dulu. Bila menyebut, bila kita kata "Malaysia boleh", apa Ketua Pembangkang sebut, "Malaysia bodoh". Patutkah seorang Ketua Pembangkang boleh menyebut "Malaysia bodoh"?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak dengar apa dia hendak cakap. Tidak apa, duduk-duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, tidak perlulah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Duduklah, kita bawa peraturan mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Hei, tidak reti peraturan, duduklah!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Peraturan mesyuarat, *it's not in the speech*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang dia hendak gunakan peraturan mesyuarat dengan alasan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dengarlah peraturan mesyuarat, saya bawa peraturan mesyuarat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masuk *ruling* lah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia kata, perkataan tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia sudah kata.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya buat keputusan, saya akan buat, saya akan buat... [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Keputusan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *You* ingat *you* sahaja pandai kah, saya bawa peraturan mesyuarat di sini di mana pada *Penyata Rasmi* Parlimen bertarikh 21 November, sanggupkah seorang Ketua Pembangkang boleh menyebut "Malaysia bodoh"?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Kurang sopan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Rujuk ini.... [*Menunjukkan Penyata Rasmi*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *You* bodoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...*Satu ruling*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang ini Ketua Pembangkang boleh sebut "Malaysia bodoh".

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu sudah lama, cerita lama punya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak puas hati dengan kenyataan itu, ada cara lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Memang, saya cuba bangkitkan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Akan tetapi sekarang Yang Berhormat bangkitkan peraturan mesyuarat yang saya fikir tidak pakai untuk masa kita ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekurang-kurangnya inilah dia, Ketua Pembangkang habiskan masa kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu peraturan mesyuarat yang dikemukakan, jadi saya kira ...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Baik, saya bahas sekarang, saya masuk bahas. Menghabiskan masa kita, buang masa kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada satu *ruling* dibuat sama ada boleh kata tidak patriotik oleh kerana "Malaysia bodoh". Apa Yang Berhormat buat? Tunjuk Malaysia bodoh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat kata "Malaysia bodoh".

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Membetulkan Malaysia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah kata... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak patriotik boleh digunakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya kata kalau dia tidak puas hati, ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa Yang Berhormat Jerai mahu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat kata "Malaysia bodoh", kita marahlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini *lesson for you!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini bukan *UMNO General Assembly* tau, ini Dewan Rakyat Malaysia!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya tahu tapi orang macam Yang Berhormat tak layak duduk di Dewan Rakyat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, ya, cakap sahaja. Gila punya orang, ini gila punya orang... [*Dewan riuh*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketua Pembangkang hendak jadikan Parlimen...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: akan tetapi itulah sikap beliau. Saya sedih apabila Ketua Pembangkang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...boleh menyebut Malaysia bodoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang Yang Berhormat merujuk kepada *Hansard*, jadi apakah berkaitan dengan usul yang dibangkitkan pada hari ini?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Betul, saya sedih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat boleh kata sedih, okey, boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah seorang Ketua Pembangkang yang tidak patriotik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia berucap atau *point of order*?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia berucap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia hanya pandai bercakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tak boleh gunakan *unpatriotic*, boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia ucap, dia...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jadi saya minta satu *ruling* bolehkah kata tidak patriotik boleh digunakan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia gunakan alasan menyatakan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan alasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia gunakan perkataan tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak terima, kalau dia tidak puas hati, dia guna balik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dalam *Hansard* bertarikh 21 November.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bacalah dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau orang kata, "Malaysia bodoh" oleh kerana kelakuan Yang Berhormat...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketua Pembangkang yang sebut "Malaysia bodoh".

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia gunakan perkataan *unpatriotic*, adakah itu *parliamentary or unparliamentary*?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini peraturan yang saya bawa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang tidak boleh pakai di Dewan yang mulia ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Suruh tarik balik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Suruh tarik balik.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Apa? Saya tidak cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak guna..., dalam *Hansard* itu?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya minta satu *ruling* dibuat kalau boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya sudah menyatakan Yang Berhormat, pada masa sekarang hendak kemukakan perkara ini, saya tidak boleh terima.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi Ketua Pembangkang ini hanya buang masa kita saja dengan usul hendak memotong gaji menteri.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat buang masa kita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, kita bahaslah, lebih baik kita bahas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa buang masa?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Larut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Berlarutan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tengok!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tengok apa?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bila kita rujuk kepada *Penyata Rasmi*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah sampailah. Boleh gulung.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, saya hendak bahas.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya rasa sedih Tuan Pengerusi, kerana buang masa kita di Parlimen ini kerana kita tahu dasar pelajaran kita tidak menyekat mana-mana bangsa. Yang kita tahu bahawa DAP lah yang cuba menyempitkan pemikiran rakyat di negara kita ini. Saya bagi contoh kalau kita bersikap perkauman, ini siapa yang hendak membantu ini? Pelajar Tahun 1, Chong Bai Teng ini yang kita turut hendak membantu pada hari ini kerana sakit buah pinggang...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, publisitilah, publisitilah!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Membuktikan bahawa kita tidak kira apa bangsa, yang penting ialah kita membantu antara satu kaum dengan kaum yang lain...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini di bawah Butiran mana?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Dia tidak faham punya, *he don't have asset*. Dia *acting* Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi contoh bahawa kita bukan perkauman, sebagaimana pemikiran daripada pihak pembangkang yang hanya tahu membuang masa di Parlimen ini. Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahajalah yang saya hendak sebut merujuk kepada *Hansard* yang saya rasa Ketua Pembangkang tidak seharusnya bersikap tidak patriotik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai.

3.41 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangun dengan penuh sopan-santun Tuan Pengerusi untuk mempertahankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, saya harap cara ini dikekalkan dan jangan diubah-ubah nanti. Cara ini sopan-santun, teruskan dan jangan tiba-tiba diubah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya ingin mempertahankan Menteri Pelajaran Malaysia Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah sebut nama.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...kerana beliau adalah... Yang Berhormat bagi Sembrong kerana beliau telah banyak menolong rakyat terutama sekali rakyat yang miskin yang berada di kawasan luar bandar dengan memberi biasiswa, tidak ada lagi *resign* peperiksaan, makanan dan seluruh rakyat Malaysia mendapat sama ada miskin dan kaya. Apa pembangkang sudah buat? Tidak pernah buat tapi menyalak, menyalak, menyalak, seperti menyalak bukit! Bukit tidak akan runtuh, Barisan Nasional akan terus memerintah, insya-Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang menyalak itu siapa?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, kita tidak mahu publisiti murah Tuan Pengerusi. Kita mahu rakyat belajar di kampung dan di bandar mendapat nikmat daripada pendidikan dan Malaysia adalah salah sebuah negara di antara dunia ini yang mempunyai dasar pendidikan yang terbaik di dunia dan diakui oleh dunia. Kalau kita hendak banding dengan negara jiran, mana ada sebuah kerajaan yang akan menghukum emak bapa kalau tidak hantar anak ke sekolah, tetapi Malaysia ada. akan tetapi kalau kita lihat negara-negara jiran, 40% daripada anak-anak yang sepatutnya bersekolah berada di jalanan untuk mencari makan dan menjadi buruh paksaan.

Ini dia perbezaan yang kita lihat. Kita tidak boleh melihat sudut perkauman kerana DAP, pembangkang selalu-lalunya dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, membangkitkan isu-isu perkauman tetapi akhirnya memutar-belit seolah-olah kami yang menggunakan isu perkauman di dalam negara ini. Sedangkan daripada kemerdekaan sampai ke hari ini, insya-Allah ke hadapan ini rakyat masih memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan telah menolak DAP.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, saya meminta Yang Berhormat bagi Kepong memohon maaf kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila mengatakan bahawa Ketua Pemuda menghulur keris, mencium keris, itu adalah budaya bangsa Melayu dan itu adalah kuasa yang dijuang oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda apabila ditabalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kena menghormati kalau tidak, bermakna Yang Berhormat bagi Kepong menghina Agong dan saya berharap kalau Yang Berhormat tidak tarik, kita akan membawa usul memotong gaji Ketua Pembangkang dan juga Yang Berhormat Kepong...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan saya berharap isu hulur keris ini jangan lagi dibangkitkan oleh DAP kerana ini adalah budaya Malaysia, budaya turun-temurun datuk nenek dan ini adalah melambangkan kuasa yang digunakan oleh kerajaan pada hari ini. Jadi saya berharap Tuan Pengerusi supaya pihak pembangkang berhati-hati kerana kami adalah Wakil Rakyat Barisan Nasional. Apabila kami bertindak melakukan sesuatu, kami tidak kira bangsa atau kaum kerana ini adalah amanah kami apabila bersumpah di depan Yang di-Pertua Dewan Rakyat memegang jawatan sebagai wakil rakyat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi Tuan Pengerusi, saya menentang sepenuh-penuhnya cubaan pihak pembangkang untuk memotong gaji Menteri Pelajaran kami, Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen. Kalau Yang Berhormat mengganggu Dewan Rakyat pada masa-masa akan datang, percayalah kami akan membawa usul memotong gaji Yang Berhormat sebagai Ketua Pembangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, masa cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kerana Yang Berhormat tidak layak duduk di situ. Sepatutnya Yang Berhormat Bukit Gelugor patut duduk di situ sebagai Pengerusi DAP dan Ketua Pembangkang, bukannya Yang Berhormat Ipoh Timor. Saya cabar Yang Berhormat Bukit Gelugor duduk di situ, hantar dia, kasi Yang Berhormat duduk di situ.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini apa..., *debate* fasal kah ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya menentang usul ini habis-habisan. Terima kasih RM10 kita potong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

3.46 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, sebelum saya mulakan ucapan, saya memberi amaran kepada khususnya Yang Berhormat Jerai dan kawan-kawannya untuk jangan kacau. Jangan kacau apabila saya menyuarakan apa yang harus disuarakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jerai dengar, jangan kacau.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak melanggar peraturan mesyuarat dan menyentuh perasaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau kacau pun langgar peraturan mesyuarat, sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Akan tetapi saya percaya Yang Berhormat Bukit Gelugor orang yang profesional...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang penting sekali jangan amuk ya, jangan amuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: ...Tidak semacam Yang Berhormat Ipoh Timor. Sila Yang Berhormat, Yang Berhormat bagus. Yang Berhormat banyak berubah.

Tuan R.Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, Menteri Pelajaran adalah orang yang mengetuai kementerian itu. Adakah Menteri Pelajaran layak untuk memegang jawatannya?

Berdasarkan apa yang terjadi dalam Perhimpunan UMNO baru-baru ini Tuan Pengerusi, beliau ada memberi amaran bahawa Perkara 11 dan Perkara 21 (A) tidak boleh dicabar. Dia menyatakan bahawa Mahkamah Syariah adalah mahkamah yang harus mendengar kes-kes yang berkaitan dengan Artikel 11 dan Artikel 21 (A). Sebagai seorang *lawyer*, walaupun saya tidak pernah berjumpa dia dalam mahkamah, bolehkah dia menyentuh kepada Artikel 11 dan Artikel 21 (A) apabila kes Lina Joy, satu rayuan yang dihadapkan ke Mahkamah Persekutuan tidak diputuskan dalam kes ini. Itu menjadi satu *contempt of court*. Seharusnya Tuan Pengerusi, Ketua Hakim Negara bukan hukum tetapi mengeluarkan satu saman untuk beliau menghadirkan diri depan Mahkamah Persekutuan untuk tunjuk sebab mengapa harus dia dipenjarakan. Itu dia Tuan Pengerusi satu ajaran dan pengajaran kepada Menteri ini.

Tuan Pengerusi, keris walaupun ada satu simbol tradisi, dalam kes *public prosecutor* lawan Yusof, Mahkamah Tinggi Kelantan ada memutuskan, "*A keris from part of a bedroom's regalia at the bersanding ceremony and it is lawful to possess it at that occasion.*"

Adakah Menteri Pelajaran dalam Perhimpunan Agung UMNO khasnya Pemuda, apabila mengeluarkan keris moyang dia, adakah itu satu teladan yang baik. Ini adalah satu teladan yang tidak baik oleh kerana ekor daripada itu, Tuan Pengerusi, dalam perhimpunan itu seorang *delegate* dari Perlis, namanya Hashim Suboh ada menyatakan ini, saya petik apa yang ada dalam ucapan dia dan dengan izin dalam bahasa Inggeris seperti mana ada dilapor dalam surat khabar, "*Datuk Hisham has unsheathed his keris, kissed his keris. We want to ask Datuk Hisham, when is he going to use it?*"

Adakah perkataan-perkataan itu boleh dipertahankan? Adakah teladan yang baik yang ditunjuk oleh menteri ini? Pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, menteri ini apa yang saya nyatakan tadi harus dituduh kerana menghina Mahkamah Persekutuan. Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya sokong...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, saya gulung, Tuan Pengerusi. Saya dengan sepenuhnya, Tuan Pengerusi, menyokong apa yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang tadi iaitu gaji Menteri Pelajaran ini dipotong. Barangkali bukan dengan RM10 sahaja. Barangkali RM1,000... [Ketawa] Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat Puchong.

3.52 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berdiri untuk membuat satu usul yang telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang. Saya menyatakan di sini, saya bukan sahaja ingin menyokong penuh apa yang telah dibuat atau setakat ini dibuat oleh Menteri Pelajaran kita, tetapi saya juga menganggap beliau adalah seorang yang layak sekali untuk menjawat jawatan menteri berkenaan... [Tepuk]

Sebab apa saya cakap macam ini, Tuan Pengerusi? Saya ini bukan sahaja untuk menyatakan sesuatu yang tidak konkrit atau tidak logik tetapi saya memberi beberapa contoh yang konkrit, contoh yang baik sekali untuk menyatakan dan menyangkal apa dia tuduhan-tuduhan daripada pihak pembangkang mengenai apa yang telah dilakukan oleh Menteri Pelajaran kita.

Sebagai contoh, kawasan Puchong saya adalah kawasan pembangunan yang pesat, satu kawasan di mana permintaan sekolah SJK(C) adalah yang paling tinggi sekali tetapi dengan keprihatinan dan juga *understanding*, dengan izin, daripada Menteri Pelajaran ini, beliau bukan sahaja telah meluluskan pembinaan satu sekolah daripada negeri lain tetapi beliau juga telah menolong rakyat Puchong yang telah meminta sekolah SJK(C) ini, bukan sahaja daripada negeri Selangor tetapi beliau adalah seorang menteri yang berani untuk meluluskan satu permintaan luar daripada negeri Selangor untuk keperluan dan permintaan orang Puchong.

Beliau juga telah bukan sahaja meluluskan sekolah ini tetapi juga menolong rakyat Puchong untuk mendapat tanah sekolah kerajaan. Beliau juga turut menolong bahawa oleh kerana desakan-desakan permintaan yang mendesak ini, beliau juga telah berurusan dengan pemaju-pemaju tertentu untuk membina sekolah itu secara *fast track*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekolah ini telah dimulakan dan ini semua adalah kerja dan juga usaha daripada pemimpin dan juga Ahli-ahli Barisan Nasional. Ini bukanlah daripada parti pembangkang.

Di sini saya hendak menyangkal bahawa apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini adalah tidak benar. Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kalau boleh kita mesti ada satu pemimpin yang boleh menyelesaikan sesuatu secara profesional. Saya setuju tetapi janganlah menimbulkan isu-isu ataupun yang sentiasa mempolitikkan isu-isu pelajaran ini kerana mungkin mendapat makluman yang kurang tepat daripada sumber-sumber tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Hai cepat sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada Ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, selain daripada itu Ahli Yang Berhormat telah menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini seharusnya menumpu perhatian untuk mempertingkatkan dasar pendidikan. Bukankah Yang Berhormat Menteri sekarang telah membuat banyak perubahan? Sebagai contoh, beliau telah memperkasakan sekolah kebangsaan dengan cara untuk memperkasakan lagi profesion perguruan yang sedang dilaksanakan.

Bagaimana dengan kurikulum yang tidak berorientasikan kepada peperiksaan? Ini adalah untuk kebaikan dan juga integrasi nasional. Sekarang ini ramai yang mengatakan bahawa sistem *syllabus* kita adalah *exam-orientated*, dengan izin, tetapi beliau yang sanggup menyatakan ini. Saya berharap Yang Berhormat daripada pihak pembangkang sana janganlah kita hanya satu isu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat Bukit Mertajam selalu ganggu orang bercakap.

Yang Berhormat, duduk diam-diam!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *All right.* Dan saya rasakan ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat Jerai, kadang kala Yang Berhormat Jerai pun samalah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dengan ini saya, Tuan Pengerusi, saya menolak sepenuhnya apa yang telah diusulkan oleh pihak pembangkang dan saya menyokong penuh apa yang kementerian ataupun Menteri Pelajaran buat untuk rakyat tanpa mengira bangsa dan agama. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya memanglah dapat tahu dan lihat ramai hendak berucap tetapi untuk makluman sebelum saya minta menteri jawab, saya hanya benarkan dua Ahli Yang Berhormat berucap. Jadi minta maaf. Selepas ini, bila kita ada di peringkat Jawatankuasa untuk kementerian ini, banyak peluang juga akan diberikan. Jadi saya berikan keutamaan kepada Yang Berhormat Tebrau dan lagi seorang, selepas itu menteri menjawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya bangun dulu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak nampak depan mata saya... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Depan ini macam, Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat bagi Tebrau cakap.

3.57 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Oleh kerana usul ini melibatkan potong gaji empat orang, Menteri, Timbalan dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran termasuk juga Timbalan Menteri MCA, saya ingin menyentuh khususnya tentang soal pendidikan. Kita semua setuju pemimpin-pemimpin politik di negara ini mesti menjaga sensitiviti kaum di antara satu sama lain. Memang kita bersetuju juga masih banyak kerja perlu dibuat untuk menyediakan kemudahan fizikal dan tenaga pengajar untuk memberi pendidikan yang berkualiti tinggi kepada seluruh rakyat pelbagai kaum di setiap sudut tanah air, dan Kerajaan Barisan Nasional telah berulang kali menyatakan dan memberi jaminan bahawa kerajaan bertekad membantu masyarakat berbilang kaum dalam hal pendidikan mengikut keperluan rakyat berlandaskan perpaduan dan kepentingan negara.

Jadi selagi sikap positif ini masih diamalkan, tiada sebab usul hari ini perlu dibincangkan. Saya syak DAP hanya memainkan isu ini sebagai gimik politik untuk menarik perhatian pengundi-pengundi. Jadi selama taktik ini tidak ada pasaran sekurang-kurangnya di negeri Johor. Di negeri Johor tidak ada pasaran...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, beri peluang kepada Yang Berhormat Tebrau berucap.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: ...Untuk memainkan isu pendidikan sebagai mensensasikan isu politik sebagai satu taktik untuk menarik sokongan pengundi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Sebab itu saya tidak menyokong usul untuk memotong gaji ini. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Pengerusi, perkara ini saya ada bangkitkan mengenai di mana Tanjong Karang...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat bagi Bera dan selepas itu Menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Akan tetapi saya dahululah Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Boleh saya... Sedikit sahaja, saya hendak dan...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: MIC bagi *chance* satu, MIC.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada, ada semua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi, tidak bangun.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya bangun tadi, tetapi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, tidak. Saya kata, tetapi Cameron Highlands kata, baik Bera. Baiklah, Yang Berhormat nanti selepas ini boleh berucap lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Selepas Bera?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan, ini selepas menteri jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Astaghfirullah*. Mesti boleh Tuan Pengerusi. Sebab saya ralatlah Tuan Pengerusi...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tambah dua, tiga orang lagi untuk berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang serius ini...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Boleh, ini isu serius ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat, nanti, nanti...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak boleh, Menteri kena jawab...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Isu ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Minta tolong, bolehlah Tuan Pengerusi.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Permintaan daripada Ahli-ahli Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak berikan masa yang cukup untuk Menteri jawab terhadap isu ini dan selepas itu, kita akan bincang semula, baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tuan Pengerusi, oleh kerana DAP bawa ini, kita harus selesaikan *once and for all*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti boleh selesai.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ya, itu dia.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ya, saya *agreed once and for all*, tetapi kenapa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah sebab tidak ada masa.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: *Why?* Sebab itu saya minta Tuan Pengerusi, beri sedikit lebih lagi orang bercakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Kalau DAP sahaja bawa, dia akan bawa lagi hal ini tidak habis-habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, nanti kita boleh selesai.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Jadi kita harus selesaikan, tidak kisah, kita boleh tunggu sampai tengah malam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, saya faham hasrat dan fikiran Yang Berhormat tetapi sebagai speaker saya juga kena jaga masa dan saya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Hoh!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, masa betul. Ini isu kepentingan rakyat.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Boleh Tuan Pengerusi, ini isu kepentingan perpaduan!

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ... Semua Ahli Yang Berhormat yang berucap dan bangun sekarang ini membuang masa. Jadi kalau semua berucap dan Speaker tidak boleh...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya tidak buang masa...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang buang masa DAPlah, Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kena jaga masa... terus, apa itu? Apa Yang Berhormat Sri Gading kata?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang buang masa, DAP.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat ya lah, kalau kita bersetuju jadi semua jangan buang masa, Yang Berhormat Bera berucap dan menteri menjawab.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, kita boleh beri peluang lagi Tuan Pengerusi, sebab ini isu ini dia akan di *politicize*, dengan izin oleh pihak DAP, habis-habisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, tidak apa, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera berucap, kalau tidak mahu berucap, duduk. Saya beri Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak berucap? Sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana telah meluluskan peruntukan pembinaan dua sekolah jenis Tamil, SJK(T) di kawasan saya... [Tepuk] Ini bermakna tidak ada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun hendak ucap terima kasih kepada Menteri Pelajaran kerana luluskan RM200 ribu untuk sebuah sekolah Cina di kawasan saya Tuan Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Wah!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Saya satu sen tidak dapat di kawasan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bera teruskan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini jelas, ini jelas bermakna...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Cakaplah terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini jelas bermakna bahawa tidak ada soal diskriminasi yang timbul. Saya ingin merujuk kepada soal pemotongan gaji, walaupun cuma RM10 tetapi kesannya besar. Kalau kita hendak potong gaji dan sebagainya, kita mesti melihat kepada keseluruhan dasar Kementerian Pelajaran, bukan kita lihat kepada salah satu isu daripada seluruh program yang begitu baik yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Kita mesti lihat apakah Kementerian Pelajaran selama ini gagal di dalam membela rakyat yang miskin di dalam mendapat hak belajar dan sebagainya.

Program-program yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk membela masyarakat di luar bandar misalnya perlu diberi pujian. Tidak ada lagi rakyat kita yang tidak boleh belajar kerana tidak ada wang kerana sekarang ada Rancangan Makanan Tambahan, biasiswa dan sebagainya. Kita mesti lihat kepada soal ini, soal sekolah kebangsaan misalnya, sekolah yang terbuka kepada semua kaum. Sekolah kebangsaan bukan sekolah orang Melayu sahaja tetapi sekolah untuk semua kaum yang terbuka kepada kaum Cina, kaum India dan sebagainya untuk bersekolah dan diberikan dengan peruntukan yang begitu besar dan seluruh bantuan untuk memberikan pelajaran yang selesa kepada semua pihak.

Dalam masa yang sama, tidak ada sekatan untuk kaum-kaum lain untuk membuka sekolah masing-masing dan seperti yang saya beritahu tadi ada peruntukan yang diberi kepada sekolah-sekolah SJK(T), SJK(C) dan sebagainya. Jadi kita mesti lihat kepada skop yang luas, jangan kita jadikan isu kecil tadi untuk mengatakan Menteri Pelajaran gagal. Kalau begitu setiap masalah kecil daripada saya, setiap Kementerian, maka semua pihak pembangkang akan datang untuk memotong gaji dan sebagainya. Ini menghabiskan masa, ini perkara yang remeh sebenarnya, perkara yang terlalu remeh. Daripada seratus isu, seratus kebajikan yang diberi oleh Kementerian Pelajaran kepada rakyat, ada satu masalah SJK(C), maka Menteri Pelajaran dipersalahkan dan diotong gaji. Saya rasa sebenarnya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekian, DAP tidak ada isu.

Beberapa Ahli: Ya, ya...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: DAP hendak menjadi *champion* kepada kaum Cina dan hendak mengatasi MCA, GERAKAN dan sebagainya, itu sahaja. Inilah tujuan dia hendak menjadi *champion* kepada kaum lain, sebab itulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat teruskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: DAP tidak pernah memperjuangkan soal makanan tambahan, soal biasiswa untuk sekolah kebangsaan, kita tidak pernah dengar, kalau DAP. Program susu tambahan dan sebagainya, tidak ada, program pinjaman buku, tidak ada. Yang dia persoalkan dari dahulu sampai sekarang ialah satu isu sahaja iaitu SJK (C).

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baru-baru ini potong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Jadi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Potong yuran peperiksaan punya bayaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading cukup.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yuran peperiksaan, Yang Berhormat Sri Gading. Sekarang tidak ada lagi, ini datang juga daripada Yang Berhormat dari UMNO, daripada Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa, DAP tidak berterima kasihkah?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: DAP satu isu sahaja yang saya lihat, satu sahaja isu semenjak saya berada di Parlimen sampai sekarang iaitu isu sekolah, satu sahaja iaitu SJK(C). Jadi saya rasa bagi pandangan saya, isu yang remeh ini kita tolaklah... [*Tepuk*] Kerana bagi saya Menteri Pelajaran sudah menunjukkan kejayaan yang cemerlang setakat hari ini untuk membela rakyat di luar bandar dan juga di bandar bagi mendapat pelajaran yang terbaik di dalam negara kita. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, kena tambah sedikit banyak lagi minat untuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Hal ini serius, ini Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Melibatkan menteri-menteri daripada MCA, UMNO dan MIC.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, kita kena bahas lagi di bawah Jawatankuasa, di bawah Kementerian Pelajaran juga.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ini satu tohmahan yang besar Tuan Pengerusi, tohmahan yang cukup tinggi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh sentuh masa...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Perlu diperjelaskan!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Yang Berhormat, keputusan telah dibuat tadi. Yang Berhormat boleh sentuh semasa membahaskan di bawah Jawatankuasa. Kementerian sila jawab, cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak boleh lagi Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat, saya minta maaf.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tadi saya minta, saya kata, baik kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa, nanti Yang Berhormat saya beri lulus jawab di bawah Jawatankuasa.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, kita pujuk Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah. Tidak payah pujuklah Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh jawab nanti. Kementerian sila jawab. Yang Berhormat Menteri sila.

4.07 ptg.

Menteri Pelajaran [Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Pengerusi, saya sebenarnya mengucapkan terima kasih yang teramat sangat daripada rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional...

Beberapa Ahli: Yeah!... [Tepuk]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Yang telah pun berhujah untuk menyatakan apa yang sebenarnya berlaku. Selalunya saya ucapkan terima kasih kepada pihak pembangkang di atas pandangan, teguran tetapi hari ini saya tidak tergamak untuk mengucapkan terima kasih... [Tepuk] Ini kerana Yang Berhormat Ipoh Barat tadi sebut bahawa dia tidak mahu tengok pendidikan kita sebagai satu dengan izin, *political football*. Saya setuju, tetapi sebenarnya yang anggapkan pendidikan ini sebagai *political football* bukan kita di Barisan Nasional tetapi pihak pembangkang, oleh Yang Berhormat Ipoh Barat sendiri.... [Tepuk]

Jelas daripada hujah-hujah mereka yang hanya menumpukan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan, saya lihat pemikiran yang begitu sempit. Niat dan visi yang begitu cetek, pendirian yang dilihat keuntungan politik yang pendek dan sementara dan sama sekali tidak berpijak di atas bumi yang nyata... [Tepuk] Yang Berhormat Ipoh Barat telah menyatakan seolah-olah...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Ipoh Timor, Ipoh Timor! Bukan Ipoh Barat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kita... Ipoh Barat? ...Ipoh Timor!... [Ketawa] Lebih kurang sahaja... [Ketawa] ...Menyatakan bahawa kita seolah-olah sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini, kita abaikan, kita tidakkah - tetapi tidak berkisar kepada fakta yang sebenarnya. Apa yang kita lihat, apa yang saya lihat semenjak memikul tanggungjawab sebagai Menteri Pelajaran, jelas bahawa pembangunan pendidikan negara, Kerajaan Barisan Nasional melihat kepada aspek yang menyeluruh. Tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Bukan untuk kepentingan politik sementara, bukan untuk pemikiran dan juga perjuangan yang sempit, bukan dengan niat yang cetek, bukan untuk populariti dan gimik politik.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan juga menumpukan perhatian kepada penyelesaian masalah-masalah asas yang tidak diselesaikan pada Rancangan Malaysia yang sebelum ini. Pada masa yang sama, kerajaan juga perlu realistik dan pragmatik dalam merancang dan melaksanakan program pembangunan pendidikan negara.

Ini kerana agenda membangun modal insan seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak hanya tertumpu kepada satu jenis aliran sekolah tetapi mempunyai agenda yang lebih besar. Agenda kita untuk merapatkan jurang pembangunan dan pencapaian antara bandar dan luar bandar, menyediakan guru yang cukup dan berkualiti, memperbaiki infrastruktur sekolah khususnya sekolah-sekolah di luar bandar, memberikan akses dan juga pendidikan yang berkualiti.

Saya tidak faham kenapa Yang Berhormat Kepong berdiri kerana dialah yang menyatakan perkara ini tadi dalam hujahnya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Bolehkah dia mencelah macam itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong, sila duduk. Yang Berhormat Menteri belum bagi jalan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebab itu bila sebut...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi jalan, sila duduk.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biarkan saya selesaikan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri. Terdapat 8000 sekolah bukan satu perkara yang mudah, tetapi pembangkang yang membangkitkan isu-isu SJK(C) menidakkan angka yang sebenarnya. Ada 1200 sekolah yang dibangkitkan dan dibahaskan setiap kali perkara ini dibangkitkan di Dewan, seolah-olah menidakkan 9000 sekolah yang lain... *[Disampuk]* Sekolah-sekolah yang di luar bandar, sekolah-sekolah yang kurang guru.

Saya hendak cakap tadi, Yang Berhormat Ipoh Timor menyatakan seolah-olah sekolah jenis kebangsaan Cina ini sudah penuh sangat, sudah padat. Saya hendak beritahu bahawa sekolah jenis kebangsaan Cina yang kurang murid, kurang daripada 150 murid, jumlahnya 531...

Beberapa Ahli Pembangkang: Tahu sudah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tahu, tetapi menggunakan hujah seolah-olah SJK(C) kita semua ini sudah penuh, memerlukan sekolah-sekolah baru yang kononnya tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya difahamkan ada sekolah Cina yang kurang sepuluh orang murid.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pun tidak ditutup.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini satu keadilan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Betul, Tuan Pengerusi...
[*Dewan gamat*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat Menteri, janganlah. Ini bukan *UMNO youth* lah!

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: SJK(C), ini hujah Yang Berhormat sendiri. Seolah-olah sekolah yang patut dibina untuk SJK(C) baru kononnya tidak ada sekolah untuk murid-murid mereka tetapi macam yang disebut tadi SJK(C) Central Site di Segamat, jumlah murid dua orang, guru tiga orang; SJK(C) Padang Gajah, Beruas, muridnya dua orang, gurunya dua orang, SJK(C) Ladang Sungai Salak, gurunya dua orang dan muridnya tiga orang. Yang digunakan sebagai contoh ribuan-ribuan sekolah-sekolah yang dinyatakan seolah-olah tidak wujud sekolah-sekolah kurang murid yang perlu kita tangani...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang ada. Pada masa sekarang memang ada banyak tempat yang memerlukan sekolah. Itu memang di kawasan Tebrau, beberapa sekolahnya tidak cukup. Betulkah, betulkah?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Adakah dalam keadaan sebegitu rupa kita terus mahu membela sekolah-sekolah baru dalam keadaan di mana sekolah-sekolah kurang murid ini belum lagi dapat ditangani.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan selektif... [*Dewan gamat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, kita hendak tunjuk bagaimana adilnya Menteri Pelajaran kita... [*Dewan gamat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam, sila duduk.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Kepong bukan kawan-kawan dari Barisan Nasional. Bila disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, isu yang berhubung kait dengan sekolah-sekolah baru SJK(C), hujahnya bahawa sekolah-sekolah SJK(C) tidak mencukupi tetapi dalam keadaan di mana ada sekolah-sekolah SJK(C) yang hanya muridnya dua, tiga, empat, lima. Dalam keadaan sebegitu, sama ada ia munasabah untuk kita bina sekolah-sekolah baru dalam keadaan di mana sekolah yang ada ini pun tidak cukup guru, tidak cukup infrastruktur. Dalam keadaan di mana sekolah kurang murid, agenda yang lebih besar bukan sahaja berkisar kepada SJK(C) dan SJK(T) tetapi kepada SK juga. Itulah merupakan agenda yang lebih besar kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Itulah yang lebih besar dalam konteks jurang sekolah yang berada di luar bandar, di mana kita tidak memilih SJK(C), SJK(T) tetapi kita memilih agenda yang lebih besar. Sesiapa sahaja yang memerlukan pembelaan dalam keadaan mereka berada di luar bandar akan tetap mendapat pembelaan. Rakan-rakan kita yang minta untuk sekolah-sekolah yang tidak selamat untuk SJK(C), saya tidak teragak-agak kita cari, kita korek, kita beri juga peruntukan kepada rakan-rakan kita. Itu hal berhubung kait, bukan sebab aliran, sebab ia berhubung kait dengan perikemanusiaan dan juga kesedaran bahawa ilmu dan akses kepada pendidikan itu diperlukan oleh semua rakyat Malaysia, tidak kira kaum dan tidak kira bangsa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebab itu agenda kita, Yang Berhormat, kalau kita tengok dari segi angka. Saya hendak balik kepada angka kerana Yang Berhormat sendiri yang bangkitkan isu-isu yang berhubung kait popularitinya SJK(C), tidak cukupnya sekolah SJK(C), kenapa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kita tidak sebut sekolah-sekolah yang baru. Saya tidak sebut kerana kita tidak buat janji-janji kosong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat Ipoh Timor.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekejap, sekejap. Saya tidak sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tak bagi Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia akan bagi, dia akan bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk dulu, duduk dulu.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Biar saya selesai jawab kepada perkara yang Yang Berhormat telah bangkitkan sebelum ini. Duduk dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu bagi?

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk dahulu. Saya bagi tetapi bukan sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak mahu bagi? Okey.

Seorang Ahli: Hey, jangan gertaklah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang saya hendak nyatakan tadi bahawa bila kita hendak umumkan sekolah-sekolah baru, sama ada sekolah yang pindah, sama ada ianya sekolah-sekolah kurang murid tadi yang selepas saya bincang dengan rakan-rakan daripada parti komponen. Macam Yang Berhormat Puchong, kalau kita hendak buat retorik perkara yang kita bincang hampir tiga bulan, bincang dengan pihak lembaga sekolah, cari lokasi, cari peruntukan tetapi bukan kerana gimik politik kita hendak umumkan janji dan memberi ekspektasi yang menggunggu, akhirnya janji tidak boleh ditunaikan.

Akan tetapi *alhamdulillah*, bila kita sudah selesaikan asas-asasnya kita telah mengumumkannya, yang menjadi masalah, pihak DAP tidak pernah pun berterima kasih... [Disampuk] Seolah-olah apa yang diberikan itu tidak bermakna kerana itu diperjuangkan oleh rakan kita Yang Berhormat bagi Puchong. Bukan sahaja SJK(C) Ladang Harcroft ini, yang untuk pertama kali dalam sejarah kita pindah daripada sempadan Perak sampai ke Puchong, tetapi SJK(C) Toa Boon, daripada Kluang ke Johor Bahru, SJK(C) Keat Hwa. Kita pindah dalam keadaan di mana semua asas-asas, perkara-perkara pokok dari segi lokasinya, dari segi perjanjian dari pihak lembaganya, daripada mendapat persetujuan daripada ibu bapanya, semua sudah diselesaikan dan pada masa dan ketika itu kita maklumkan kepada orang ramai, tetapi masih lagi dipolitikkan dan dipolemikkan oleh Yang Berhormat Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak mahu ikut merit dengan retorik atau *historical argument* tetapi isu fakta. Kenapa kita perlu ada satu dasar di mana, yang pertama, kekurangan sekolah-sekolah SJK(C) di bandar-bandar, sungguhpun ada *enrolment* yang bertambah perlu dikaitkan dengan masalah sekolah-sekolah yang kurang murid. Kenapa dua-dua perlu dikaitkan? Masalah sekolah-sekolah yang kurang murid, satu masalah ia perlu ditangani tetapi kenapa *one at the expense of the other*.

Yang kedua, kenapa kita perlu satu dasar di mana sekolah-sekolah baru perlu dipindah (*transfer*) dari Perak ke Puchong. Adakah ini malu? Ini malu oleh kerana tempat cukup penduduk perlu didirikan sekolah, kenapa perlu *transfer* sebagai satu hadiah? Ini sikap malu, *begging for...*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Bukan *begging*, kita mengikut peraturan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You are* pembodek besar. Kenapa kita ada satu dasar untuk meminta sedekah?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *You* tidak tahu, cakap tidak tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau satu tempat... [*Dewan gamat*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor hendak minta penjelasan... [*Dewan gamat*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Isu sekolah di Puchong telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong sebelum saya jadi tak ada kena-mengena dengan *begging*.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apa, cemburukah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu tanya kenapa kita perlu *transfer* tempat, dirikan sekolah yang baru? Kenapa boleh pergi cari, pergi *beg*? Pergi cari sama Yang Berhormat Puchong? *The biggest beggar of all*.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Siapa kata bahawa kita tak bincang?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan bincang. Kenapa pergi cari tempat sekolah baru, kenapa mahu pindah? Sebab...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Baru boleh kasi. Lepas itu baru boleh kasi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat sudah selesai cakap? Duduk, kemudian jawab... [*Dewan riu*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat tak benarkan saya bercakap, macam mana saya hendak menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak ada yang bercakap. Ya, yang lain sila duduk. Yang Berhormat Menteri sila teruskan.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, tak ada kena-mengena. Dia tuduh Yang Berhormat Puchong terpaksa mengemis kerana ia tidak dipohon, tidak diperjuangkan oleh DAP.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, itu jagalah, mahu orang seperti MCA sahaja. Rakyat tak mahu jaga.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: DAP yang... *[Dewan riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduklah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Peraturan mesyuarat... *[Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Peraturan mesyuarat... *[Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk. Yang Berhormat Menteri sila teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...Kewajipan mereka.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Sebelum itu Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, peraturan mesyuarat, Petra Jaya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* lah mengamuk. *You* sudah histeria..., apa ini?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Ketua Pembangkang merujuk Yang Berhormat Puchong sebagai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, duduk, duduk. Yang Berhormat bagi Cameron Highlands sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini lawan, ini apa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Pengerusi, ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini dia tak faham, Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tak apa, Yang Berhormat Menteri menjawab Yang Berhormat. Sila duduk, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cameron Highlands sudah banjirlah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Ipoh, Ipoh mana tadi? Ipoh Timor kata seolah-olah sekolah yang kurang murid ini tidak ada kaitan dengan perancangan kita.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Biarlah saya jawab dahulu. Tak ada kaitan dengan perancangan kita untuk sekolah kurang murid tetapi kalau sekolah kurang murid itu masih lagi wujud, bermakna dengan sekolah baru, cukup atau tidak guru-guru yang ingin dibekalkan? Cukup atau tidak perkakas-perkakas yang perlu diagihkan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta maaf...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dengan keadaan di mana guru tidak cukup di SJK(C) yang bangkitkan di Dewan yang mulia ini, pihak DAP juga. Jadi apa yang kita lakukan dalam konsep Barisan Nasional ialah untuk berbincang dengan pucuk pimpinan parti-parti komponen kita, mengenal pasti dan mencari suatu penjelasan yang menyeluruh untuk melihat kepada sekolah-sekolah yang kurang murid tadi, mana yang boleh kita pindah. Mana yang terpaksa ditutup, ada yang sekolah SJK(T) pun ada yang telah ditutup kerana ladang itu sendiri pun telah ditutup. Dalam keadaan sebegini, apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang dalam pendidikan, tidak lain tidak bukan ialah isu politik kaum, aliran sekolah yang menjadi minoriti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Eh! Jangan sebutlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Menyampuk]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Isu pendidikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: DAP baliklah. Apa DAP diamlah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP mahu...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Peraturan Mesyuarat... *[Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat] [Dewan riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP dasar perkauman, gunakan pendidikan sebagai alasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan jadi herolah, hero tua!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...*Gentlemen here?* Hah! MCA, GERAKAN semua pun tahu tetapi *begging* tetapi cakap kuat, setuju.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hah! Patut *you*...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Puchong *begging* kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Menyampuk*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [*Bangun*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Menyampuk*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau Yang Berhormat Ipoh Timor sebenarnya ingin memperjuangkan pendidikan yang sebenarnya, kenapa tak sentuh hubung kait dengan jurang pendidikan di luar bandar?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Memang sudah kata tadi.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Baiklah, saya bagi angka-angka, angka-angka yang berhubung kait dengan prasarana dan taburan sekolah di luar bandar. Pada tahun 2005...

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: [*Bangun*]

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang terhormat Permatang Pauh. Hah! Macam itulah minta jalan. Hendak bagi jalan baru boleh bercakap, Yang Berhormat, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Itu tertib, bukan macam *you*.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Menyentuh dengan sekolah jenis kebangsaan Tamil, saya hendak tanya, apakah ada betulnya dalam satu laporan PRIM yang 70% daripada sekolah jenis kebangsaan Tamil dan 254 sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil tidak dapat bantuan daripada kementerian? Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Permatang Pauh, seperti sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang lain, sekolah SJK(T) pun ada dalam kategori yang sama. Mereka mempunyai statusnya yang tersendiri, mempunyai autonominya sendiri, mempunyai lembaga pengurusnya sendiri dan dalam keadaan sebegini di bawah Akta Pendidikan, ini bukan akta, ini bukan hak hendak pandai-pandai Menteri Pelajaran hendak "*play God*" Yang Berhormat Ipoh Timor dan dalam keadaan di mana sekurang-kurangnya sekolah-sekolah SJK(T) dan SJK(C) pun, keputusan kita tahun lepas di mana tak selamat. Kita mencari juga peruntukan di luar daripada apa yang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Dalam hal-hal tertentu, bukan dari segi status kita tetapi dari segi akta dan juga apa yang telah kita warisi selama ini, mereka mempunyai statusnya tersendiri dan kita sentiasa, seperti kita dengar daripada rakan-rakan kita daripada Barisan Nasional tadi *case-by-case* di mana ada keperluan yang diperjuangkan oleh Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional juga untuk sekolah-sekolah mereka dan di kawasan saya sendiri di Sembrong kita mempunyai sekolah-sekolah SJK(T) dan SJK(C).

Yang Berhormat kata kalau *racist*, kalau betul *racist* dan saya hanya bermain politik, 50% daripada pengundi saya datang dari kaum bukan Melayu dan bumiputera. Kalau betul-betul saya hendak berpolitik, tak guna saya berbuat sesuatu dan akhirnya saya kalah semasa pilihan raya. Saya lakukannya kerana untuk kepentingan ramai ialah untuk memastikan bahawa apa yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional merupakan suatu agenda yang konsisten untuk semua pihak dan semua rakyat Malaysia... [Tepuk]

Berbalik kepada jurang pendidikan luar bandar. Ini realitinya, pada tahun 2005, terdapat 5,077 buah sekolah rendah, 792 buah sekolah menengah yang berada di luar Bandar. Di mana kebanyakannya masih kekurangan infrastruktur. Terdapat 5,951 sekolah rendah, 870 sekolah menengah yang berusia melebihi 30 tahun dan memerlukan penyelenggaraan tinggi. Terdapat 767 buah sekolah rendah, 28 buah sekolah menengah yang masih belum mempunyai bekalan elektrik 24 jam. Kuasa generator tidak mencukupi untuk menampung penggunaan ICT yang dibekalkan ke sekolah, lebih-lebih lagi dalam usaha kita untuk memastikan bahawa ICT dan jurang digital di antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan.

Bekalan air awam 1,517 sekolah rendah dan 68 sekolah menengah tidak mempunyai bekalan air awam. Ini semua melebihi sekolah-sekolah yang...

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...Yang ada di SJK(C).

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dalam hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, bukan kita tidak peka, tidak prihatin tetapi sekurang-kurangnya dengan agenda yang kita ada ini, yang kita hendak mengisytiharkan tahun 2020 sekurang-kurangnya keperluan-keperluan asas ini seperti air, api dan naik taraf sekolah-sekolah yang sudah tidak diselenggarakan selama 30 tahun diberikan keutamaan. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya tentang peruntukan kepada pendidikan rendah ini memandangkan apa Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa keperluan-keperluan asas pun tidak mencukupi. Apakah benar dalam laporan Bank Dunia bahawa peruntukan Malaysia kepada pendidikan rendah adalah lebih rendah peruntukannya daripada negara-negara di Afrika.

Saya minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya belum sempat tengok laporan itu Yang Berhormat, tetapi saya percaya tidak benar bahawa jumlahnya jauh lebih rendah daripada negara-negara Afrika. RM23 bilion yang telah diperuntukkan khususnya untuk agenda-agenda yang lebih besar tadi, saya percaya merupakan suatu peratusan yang begitu besar. Ini bukan kerana hanya saya memikul jawatan sebagai Menteri Pelajaran, ini merupakan penekanan yang telah pun dilakukan oleh pejuang-pejuang dan pemimpin-pemimpin kita semenjak merdeka lagi.

Sebab itulah saya percaya bahawa begitu ramai anak-anak kita telah pun berjaya dapat bersaing di dunia global. Banyak lagi yang perlu kita lakukan. Saya percaya dan saya setuju tetapi tidak mungkin kita dapat membincangkan isu-isu seperti itu kalau sekiranya peruntukan yang sebahagian besarnya kalau tidak salah saya 25% bajet tahunannya, kalau hendak bandingkan dengan negara-negara lain merupakan jumlah peratusannya yang begitu besar.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:
[Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri yang mana satu, Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 24% hingga 25% daripada peruntukan, memang besar tetapi walau bagaimanapun, tadi saya hanya satu-satu, bukan Arau, bukan orang lain yang sebutkan kekurangan infrastruktur. Saya sebutkan dengan terus terang tadi. Di sini kita bangkitkan berkali-kali mengapa bertahun-tahun, berdekad-dekad kita tidak dapat membekalkan air, elektrik dan juga infrastruktur yang mencukupi kepada sekolah-sekolah yang lebih daripada seribu. Saya hendak tahulah bagaimana Yang Berhormat dapat menyelesaikannya.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat bersetuju ataupun sanggup mengkaji sama ada standard-standard di sesetengah lebih daripada 8,000 buah sekolah pelbagai jenis ini sudah turun kalau dibandingkan dengan masa yang lepas.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya tidak sebut bahawa tidak ada air dan api langsung. Yang kita sebut tadi tidak ada air awam di mana bekalannya melalui paip air dan api 24 jam. Generator dibekalkan tetapi dengan perkakas ICT yang ada sekarang ini, generator yang sedia ada tidak mencukupi. Ini sedang kita tingkatkan kepada 30 kilowatt dan saya harap pada pertengahan tahun hadapan itu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Dari segi air pula sama ada melalui dengan izin, *rain harvesting* atau dengan *tube well*, itu merupakan satu perkara yang kita lakukan sebelum ini tetapi sekarang ini kita sedang merintis cara-cara lain supaya pembekalan air ini dapat lebih konsisten. Masalahnya bukanlah apa Yang Berhormat, masalahnya ialah dari segi kawasan-kawasan pedalaman ini merupakan kawasan yang cukup sukar untuk kita dampingi dan kosnya begitu tinggi. Sebuah unit rumah guru di Bario kosnya RM600 ribu kerana kita kena terbangkan barang-barangan untuk membina rumah-rumah guru ini di sana, tetapi kita tetap lakukan supaya tidak ada mereka yang terpinggir, tersisih seperti Yang Berhormat sebut bila kita mengisytiharkan negara kita maju tahun 2020, insya-Allah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi yang mana dulu, Yang Berhormat Ipoh Timor atau Permatang Pauh.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Permatang Pauh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor, sila duduk.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tidak, Yang Berhormat Menteri. Saya mengatakan bahawa peruntukan adalah untuk pendidikan rendah. Saya mohon kalau boleh kementerian Yang Berhormat Menteri menyiasat perkara ini sebab ini adalah laporan Bank Dunia. Sebab kalau tidak ada asas pendidikan awal kita tidak boleh membina. Jadi *skill* bukan peruntukan untuk pendidikan tetapi untuk pendidikan awal. Terima kasih.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau Yang Berhormat boleh panjangkan laporan itu kita akan kaji tetapi di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan satu tumpuan khas akan diberikan untuk pendidikan awal dan juga prasekolah yang saya akui sebelum ini sudah ada kekurangannya tetapi kekurangan ini disebabkan tumpuan kita untuk memastikan akses kepada sekolah-sekolah yang di luar. Insya-Allah dalam masa terdekat ini kalau jurang dapat dikurangkan dengan secepat mungkin, isu-isu yang berhubung kait dengan pendidikan awal, prasekolah, pendidikan khas, banyak lagi aspek yang perlu diberi tumpuan bergantung pada jumlah peruntukan yang sedia ada.

Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan. Dalam ucapan saya, saya pun ada sebut mengenai ketidakadaan bekalan *electricity* hampir 800 buah sekolah dan ketiadaan bekalan air (*pipe water*) untuk lebih daripada 1,500 buah sekolah dan bukankah ini isu-isu yang patut menjadi keutamaan kementerian khususnya untuk menjamin, memastikan kecemerlangan untuk semua sekolah yang kita ada.

Beberapa Ahli: Aaa!!!...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa aaa itu? *A begger*, pengemis!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *Point of order* - menghina.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini patut menjadi keutamaan supaya...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu keutamaan Kementerian Pelajaran, air dan api - belum sampai saja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...Supaya kita boleh menikmati satu taraf pelajaran bertaraf dunia. Sebab itulah kenapa kita tidak perlu untuk memberhentikan apa yang berlaku selama ini mengenai diskriminasi terhadap SJK(C) dan SJK(T).

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah katakan tadi tidak ada diskriminasi dan satu-satunya sebab yang kita beri keutamaan kepada sekolah-sekolah pedalaman ialah kerana sekolah-sekolah itu perlukan kepada pembelaan. Sekolah-sekolah yang tidak ada api dan air jauh lebih baik daripada sekolah yang paling daif di kalangan SJK(C). Sebab itulah kita memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah ini terdahulu.

Saya sudah nyatakan tadi bila jawab kepada Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, insya-Allah, pada pertengahan tahun depan saya harap bahawa kesemua sekolah kita dapat dibekalkan dengan bekalan api dan juga air sebagai keutamaan, menjawab kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sebab itu kita kena balik perbincangan kita kepada perkara dan agenda yang lebih luas iaitu memberikan akses kepada mereka yang perlu kepada pendidikan yang berkualiti dan sebab itulah saya hendak balik kepada angka dan fakta sekolah-sekolah kita yang ada di luar bandar yang perlu kepada pembelaan. Wakil-wakil rakyat yang berada di Sabah dan Sarawak faham sangat sekolah-sekolah yang perlu kita bina semula dan ubahsuai. Kawasan-kawasan di Perak dan di Johor faham sangat bahawa sekolah-sekolah inilah memerlukan kepada guru-guru yang berkualiti dan komited. Sekolah-sekolah inilah yang memerlukan gen-set yang lebih besar. Guru-guru inilah yang perlu kepada pembelaan rumah guru dengan prasarana yang mencukupi.

Sebanyak 1,639 buah sekolah tidak mempunyai bilik sains. Yang Berhormat beritahu berapa buah sekolah SJK(C) yang tidak ada bilik sains? 42 buah masih menumpang di sekolah lain, berapa buah sekolah SJK(C) yang menumpang? Kita tidak mempunyai makmal komputer. Angka-angka ini semua sudah ada pada kita. Kalau sekiranya kita masih lagi dibelenggu dengan isu-isu aliran sekolah, kita masih lagi dibelenggu dengan fikiran dan juga hujah-hujah politik, bila masa kita hendak buat kerja? Bila masa kita dapat tengok mereka yang betul-betul memerlukan kepada pembelaan?

Sebab itu saya tidak akan layan dalam hal yang berhubung-kait dengan hal kementerian saya. Saya tidak akan layan politik-politik polemik seperti ini kerana besar lagi agenda saya dan tugas dan tanggungjawab yang diletakkan di atas bahu saya bukan untuk orang Melayu, bukan sahaja bumiputera tetapi semua rakyat Malaysia dan semua aliran sekolah yang ada di negara Malaysia ini. Sebab kita sedar sekarang ini kita bersaing dengan dunia. Kita bersaing dengan bukan sesama kita tetapi kalau DAP masih lagi memainkan politik polemik sebegini bermakna bahawa anak-anak kita tidak mampu bersaing. Yang penting sekarang ialah untuk kita sama-sama dokong apa agenda yang telah pun termaktub di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Apa salahnya kita memberikan keutamaan kepada agenda luar bandar? Apakah salah kita memberikan keutamaan untuk memartabatkan profesion perguruan? Yang Berhormat yang selalunya mengatakan bahawa guru-guru kita tidak berkualiti, guru-guru kita tidak komited, guru-guru kita tidak mampu, tetapi bila kita letakkan agenda kita untuk memartabatkan profesion guru, Yang Berhormat jugalah yang mempertikai dan memperlekehkannya.

Usaha kita untuk meningkatkan pencapaian sekolah-sekolah kita kepada tahap dunia, sebelum kita hendak mula sudah dipolemik dan dipolitikkan. Dalam keadaan sebegini Yang Berhormat, saya percaya walaupun RM10 bagi pihak timbalan-timbalan saya, bagi pihak-pihak Setiausaha Parlimen saya tidak akan membenarkan *censorship*. Saya bersetuju sangat dengan pendirian Yang Berhormat kerana kita ikhlas dan jujur untuk membela nasib anak-anak bangsa kita... [Tepuk]

Jadi Yang Berhormat, selepas ini pun ada jawatankuasa kita. Saya hendak menekankan sekali lagi bahawa pemimpin-pemimpin Parti Barisan Nasional akan terus berbincang menerusi saluran dalaman Barisan Nasional kita, melalui Kabinet kita, mengenai isu-isu pendidikan yang telah pun kita warisi daripada dahulu lagi. Semangat muafakat Barisan Nasional akan terus menjadi panduan kepada semua bentuk perbincangan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan terus memberi pertimbangan sewajarnya kepada mana-mana cadangan sama ada daripada Yang Berhormat Ipoh Barat atau Yang Berhormat Ipoh Timor, beri cadangan kepada kita dan kita akan beri pertimbangan. Beri saya contoh Yang Berhormat Ipoh Barat di mana saya mendiskriminasikan cadangan-cadangan mereka yang betul-betul berhak. Beritahu kepada saya. Banyak isu yang sama-sama kita telah selesaikan. Saya hendak ingatkan kepada Dewan ini bahawa formula PPSMI untuk SJK(C) yang dibelenggu selama ini telah pun diselesaikan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, penjelasan

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Buku teks... Duduklah dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Ipoh Barat sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau mahu beritahulah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Ipoh Barat... *[Bercakap dalam bahasa Tamil]*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: *You* buat macam ini, lagilah saya tidak akan bagi ruang. Formula PPSMI untuk SJK(C), buku teks PPSMI untuk SJK(C), bayaran gaji GSTT, penyelesaian masalah kekurangan guru, peruntukan untuk sekolah bantuan modal, kelulusan untuk pemindahan sekolah dan lain-lain, semua telah kita lakukan dalam masa dua tahun.

Barisan Nasional dan Kabinet yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah barisan kepimpinan yang sentiasa peka kepada permintaan rakyat.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya nak beritahu. Yang Berhormat Menteri tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kalau ikhlas, tolong berdiri dan jawab soalan ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You cannot stand and see in my face. You cannot stand.* Diskriminasi yang tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penakut, seorang menteri yang penakut. Kalau berani tolong jawablah.

Seorang Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli Yang Berhormat, cukuplah, sudah. Yang Berhormat Ipoh Barat cukuplah. Yang Berhormat nanti boleh cakap kemudian.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat sila duduk. Cukuplah, cukuplah... *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Cukup, cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat, sila duduk.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia sudah habis. Yang Berhormat boleh kemukakan kemudian. Cukuplah... *[Dewan riuh]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Bahawa Perbelanjaan diluluskan dengan syarat mengurangkan sebanyak RM10 daripada Butiran 10000 - Emolumen iaitu dengan memotong gaji menteri Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, Timbalan Menteri Pelajaran I - Yang Berhormat Dato' Hon Choon Kim, Timbalan Menteri Pelajaran II - Dato' Haji Noh bin Haji Omar dan Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran - Yang Berhormat Puan Komala Devi masing-masing sebanyak RM10 di bawah maksud Bekalan B.41 - Butiran 10000 Emolumen.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul tidak disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya dalam persoalan tadi yang telah dibangkitkan oleh pihak DAP, memanglah mereka hendak mempolitikkan keadaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Butiran dulu Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Ya, daripada Butiranlah. Saya akan sebutkan dan juga satu persoalan saja yang akan kita tanya iaitu adakah sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil terdapat di mana negara-negara yang lain daripada Malaysia, ada atau tidak?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Singapura ada.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Mana ada Singapura? Mana ada. *You* sebut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Okey, I show you a few countries.*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tiadalah, *you* duduklah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mauritius ada, Fiji ada.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Itu *private*, tiadalah. Ini saya cakap jenis kebangsaan dan yang di *sponsor* oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi jalan Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan, tidak boleh cakap Yang Berhormat. Cukuplah, Yang Berhormat Sungai Petani teruskan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*][*Dewan riuh*]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya kata ini jenis kebangsaan. Faham atau tidak jenis kebangsaan?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mauritius dan Fiji.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Itu jenis kebangsaankah?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada. India, India, India.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sungai Petani, teruskan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Baik, saya bawa beberapa perkara yang saya rasakan di bawah ini B.41 dan P.41. Semua Butiran-butiran yang saya sebut, saya sentuh satu-persatu dan sedikit sahaja. Iaitu pertama sekali mengenai dengan buku teks yang mana telah diluluskan dalam perancangan ataupun dalam bajet yang telah dikemukakan.

Di sini saya hendak menyeru sekali lagi dan beberapa kali telah dibangkit oleh pihak saya juga mengenai dengan buku teks. Saya pohon sekali lagi buku teks di peringkat sekolah rendah sudah sampai pada masanya untuk kita hapuskan pembayarannya di mana buku-buku ini saya cadangkan supaya diberikan percuma kepada semua murid-murid sekolah kebangsaan tanpa mengenakan apa-apa bayaran terutama sekali buku-buku teks dan buku-buku kerja aktiviti. Katanya yang ini semuanya untuk menepati segala apa yang kita fikirkan perlu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Perkara kedua ialah mengenai dengan kurikulum. Kurikulum dulu telah saya bangkitkan beberapa kali dan tidak dijawab oleh pihak kementerian. Saya perlukan jawapan ini yang terus-menerus yang mana kurikulum tidak hanya terbatas kepada sukatan pelajaran sahaja. Oleh yang demikian, saya menyeru segala apa yang hendak dilakukan oleh pihak kurikulum hendaklah seperti mana yang dibangkitkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam saranannya dalam Perhimpunan Agung UMNO yang lalu menyatakan bahawa hendaklah kurikulum kita itu bertepatan dengan zaman.

Kalau kita lihat hari ini, beberapa perkara seperti sukatan pelajaran hendaklah diberi satu pendekatan yang baru dan bersesuaian dengan abad yang ke-21. Berkali-kali saya sebut, janganlah kita anggap kita masih dalam abad 20-an.

Kita sudah memasuki abad yang ke-21 di mana ia hendaklah merupakan satu sukatan pelajaran yang benar-benar mencerminkan anak-anak seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga mengenai modal insan yang mana kalaulah kita anggap ini bertepatan sekali dan saya percaya pihak kementerian akan terus-menerus mengembangkan lagi peringkat prasekolah dan sekolah rendah terutama sekali yang mana sukatan-sukatan hendaklah bersesuaian.

Kalau kita lihat hari ini, apa yang kita perhatikan iaitu kita lebih menekankan pada soal-soal peperiksaan ataupun prestasi peperiksaan mendapat 5A ataupun di sekolah menengah sampai 10A, 15A dan sebagainya tetapi saya lebih lihat kepada persoalan modal insan yang mana anak-anak yang telah memasuki sekolah hendaklah mendapat seberapa boleh kemahiran yang boleh supaya mereka dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan persekitaran.

Selain daripada itu juga berkaitan dengan kurikulum ini ialah mengenai latihan perguruan yang mana saya rasa sudah sampai pada masanya. Kalau dahulu disarankan maktab-maktab perguruan akan menghasilkan guru-guru yang berijazah dan ini juga kita harus bertepatan dengan zaman sukatan pelajaran bagi latihan perguruan. Ini juga harus diambil kira, yang mana apakah jenis-jenis guru yang kita hendak latihkan, adakah guru-guru yang mahir dalam satu-satu bidang ataupun guru yang pelbagai...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...Latihan ataupun mereka boleh disesuaikan di mana-mana...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Cameron Highlands minta laluan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Cameron Highlands, sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Saya tumpang tanya mengenai kurikulum dan latihan perguruan yang dikatakan tadi. Oleh kerana perubahan dinamik yang begitu pesat sekali dalam dunia *knowledge management* dan juga pertumbuhan *carrier development* yang begitu berbeza-beza akibat daripada perubahan-perubahan baru dan penemuan-penemuan baru.

Maka ada satu pihak yang mengatakan inteligensia pedagogi mengatakan bahawa perubahan ini perlukan sebuah kurikulum perguruan yang dinamika juga, yang perlu diubah selalu berdasarkan kepada perubahan dunia yang begitu serius. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai apa yang sedia ada di kementerian dan apa yang perlu untuk menyahut cabaran masa depan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih. Seperti mana telah saya nyatakan berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini, iaitu latihan perguruan amat penting dan mestilah sukatan pelajaran untuk guru-guru tadi bersesuaian dengan zaman.

Jangan kita hanya latih kemudian mereka ini tidak bersesuaian dengan apa yang mereka hendak lakukan apabila keluar nanti ke sekolah, yang mana saya kata perkara yang terutama sekali ialah pemahaman bakal-bakal menjadi guru ini tentang psikologi anak-anak di peringkat mana.

Kadangkala mereka tidak memahami. Mereka keluar ingat ini adalah satu pekerjaan guru. Kerja guru maksudnya bagi saya iaitu orang yang makan gaji sebab dia kerja guru. Maksud saya di sini ialah profesion dia itu, iaitu orang yang profesional dalam bidang perguruan tadi. Itu yang harus kita kaitkan antara kerja guru dan profesion guru sebab profesion guru seperti *lawyer*. *Lawyer* seorang profesional. *Engineer* juga seorang profesional dan sebagainya.

Jadi dalam hal ini, sukatan pelajaran bagi latihan guru hendaklah ditingkatkan dari semasa ke semasa hasil daripada penyelidikan yang dilakukan oleh pihak kementerian di dalam apa-apa bidang sekalipun. Di sini juga misalnya latihan perguruan macam saya katakan hendaklah seperti mana kata Yang Berhormat tadi iaitu dinamik dan sentiasa boleh kita kata menjadi satu sukatan yang kompetitif. Tidak kita mahu bahawa sukatan pelajaran yang ada mungkin saya katakan lebih mirip kepada sukatan pelajaran abad ke- 20 an. Ini sudah abad ke-21 yang mana kalau kita kata seorang guru bahasa Inggeris misalnya, guru bahasa Inggeris dahulu sudah saya saran jangan hanya kita memikirkan TESL (*Teaching English as a Second Language*) itu sudah bersesuaian kepada guru bahasa Inggeris, tidak. Bagi saya, saya lebih suka seorang guru yang hendak jadi guru bahasa Inggeris benar-benar menjadi guru bahasa Inggeris yang mana dia mesti lalui seperti *English literature, grammar* dan sebagainya tetapi saya lihat antara kita guru bahasa Inggeris hari ini...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Yang Berhormat, tumpang...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: ...Lebih menekankan kepada soal pedagogi daripada soal pemahaman bahasa itu sendiri.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Sedikit sahaja. Ini kerana isu yang begitu menarik sekali. Yang Berhormat saya tanya zaman dahulu kita menggunakan *phonetic learning process* dalam bahasa. Contohnya 'BA-CA' - baca, tetapi keadaan itu sudah berubah. Sekarang dia gunakan konsep *word learning* seperti, "*This is Peter, this is Jane*", dia gunakan kata itu sendiri. Konsep ini masih belum diamalkan di peringkat sekolah rendah dan ini telah menyebabkan ramai pelajar yang masih buta huruf sehingga darjah enam. Apakah kaedah ini boleh berubah kerana benda yang lama masih ada. Minta pandangan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Saya rasa itu adalah segala *detail*. Biarlah pihak kementerian memikirkan bahawa kita dalam Parlimen ini membahaskan peruntukan yang harus diberikan kepada ini. Saya bersetuju dengan *grammar*. Macam juga saya katakan guru yang hendak mengajar bahasa Arab janganlah kita hanya tunjuk kepada guru agama Islam mengajar bahasa Arab. Tak sesuai. Guru bahasa Arab mesti dilatih orang yang mahir dalam bahasa Arab. Jangan ambil kerana dia itu ustaz ataupun guru agama Islam terus dia dikehendaki bahasa Arab. Itu tak sesuai. Apa-apa bahasa sekalipun mesti dia dilatih dalam bahasa itu sama ada bahasa Tamilkah, bahasa Cinakah, bahasa apa sekalipun mestilah bersesuaian dengan kehendak subjek itu. Itu maksud saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat gulung Yang Berhormat. Kena gulung Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Selain daripada itu, saya hendak bangkitkan juga mengenai pengkomputeran. Saya minta dalam kementerian ini supaya sekolah-sekolah meningkatkan lagi pemberian komputer. Begitu juga saranan saya supaya guru-guru tadi mendapat pinjaman mudah bagi membeli *laptop* dan sebagainya. Ini harus dilakukan sebab guru-guru hari ini dia bukan lagi macam dahulu tulis *notebook* tapi dia pakai *laptop*. Jadi di sinilah saya pohon kepada pihak kementerian supaya mencari jalan mudah bagaimana guru-guru ini boleh dibekalkan dengan *laptop* dan sebagainya.

Seperkara lagi yang saya hendak bangkitkan juga ialah mengenai dengan berkali-kali saya bangkitkan kita hendak menggalakkan murid-murid dalam bidang sains, tetapi *science lab* ataupun makmal sains tadi kalau kita lihat masih makmal sains abad ke-19, masih kekal di sekolah-sekolah bukan abad ke-20 pun lagi. Jadi inilah saya minta sekali lagi kementerian tambahkan sedikit kalau boleh peruntukan membaiki, menaik taraf *science lab* dan sebagainya.

Akhir sekali yang saya hendak bangkitkan juga ialah mengenai dengan guru-guru tadi, kesesuaian daripada latihan berkala yang mana boleh dilakukan sama ada di peringkat daerah, negeri dan pusat kerana misalnya saya ambil tadi iaitu kursus-kursus dalam masa cuti dan sebagainya kita mesti *update* guru-guru itu dengan bahan-bahan yang terkini sekali.

Akhir sekali, saya pohon supaya beberapa peruntukan-peruntukan yang lain dapat ditingkatkan lagi. Dengan itu saya menyokong apa yang hendak dilakukan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Serdang.

4.58 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 020000 - Pendidikan Rendah dan Menengah. Tuan Pengerusi, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Kongres Pendidikan Melayu, badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan pendidikan, pakar-pakar dan penasihat-penasihat pendidikan telah mengadakan pelbagai perbincangan melalui forum, ceramah, sesi dialog, kajian dan penerbitan, laporan dan hujah-hujah yang menggesa kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris sebagai kaedah pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains di sekolah rendah sedangkan UMNO Johor juga berpendapat sedemikian.

Sejak pelaksanaan dasar pendidikan ini, ia telah menjadi satu isu pendidikan yang disoalkan, dibincangkan dan dipertikaikan oleh lapisan masyarakat tentang kesan-kesan dasar ini. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga memberi ulasan tentang isu pendidikan ini yang kemungkinan akan mengkaji dan menilai semula terhadap isu pendidikan ini. Dengan demikian, pihak Kementerian Pelajaran perlu memberi penjelasan dan pendirian terhadap isu pendidikan yang penuh dengan pertikaian ini untuk segenap masyarakat memahaminya.

Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sama ada pihak kementerian telah menubuhkan dan melantik anggota Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan di bawah Akta Pendidikan 1996, seksyen 10 dan berilah senarainya. Saya bertanya bahawa sama ada pihak menteri telah mewujudkan isu pendidikan mengenai kesan pelaksanaan Dasar Pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris kepada Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan untuk mendapat nasihatnya di bawah Fasal 11 Akta Pendidikan 1996.

Tuan Pengerusi, masyarakat Tionghua mengambil berat terhadap isu SJK(C) Damansara asal kerana masih terdapat murid-murid sedang mendapat pendidikan di sebelah bangunan sekolah asal dan pihak pengurusan sekolah itu terus menyediakan muridnya bagi pemeriksaan yang ditetapkan di bawah Akta Pendidikan Fasal 19. Inilah dijadikan isu dan pertikaian pendidikan ekoran perpindahan sekolah asal dahulu. Masyarakat setempat sedang meminta pihak kementerian membenarkan menggunakan bangunan sekolah asal yang kosong pada kini dijadikan tempat pendidikan kepada murid-murid tempatan tetapi masih belum ada rumusan atau formula penyelesaiannya. Malahan Fasal 16, Fasal 27, Fasal 28 dan Fasal 29 di bawah Akta Pendidikan 1996 adanya ruang untuk menyelesaikan isu pendidikan ini dengan saksama daripada pihak kementerian.

Saya telah menerima senarai projek sekolah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di kawasan Parlimen Serdang. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah melancarkan projek-projek pendidikan pada 22 Julai 2006 semasa dalam Majlis Pecah Tanah Sekolah Kebangsaan Bandar Sri Putra Bangi sebagai tanda bermula pelaksanaan projek pendidikan ini. Senarai yang dicadangkan dan diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah termasuk Sekolah Kebangsaan Baru di Taman Tun Perak, Cheras dan Taman Impian Ehsan, Balakong. Sekolah menengah dicadangkan di Desa Serdang dan Kampung Sungai Ramal Luar. Saya mintalah senarai diluluskan untuk membina sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di kawasan-kawasan ini dapat dilaksanakan dengan teraturnya kerana kawasan ini mendesak dan kritikal.

Yang Berhormat Menteri juga dalam Dewan yang mulia ini pada 6 September 2004 telah meng*commit*kan bahawa Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk menggantikan bangunan yang tidak selamat di SK(C) Serdang Baru (1) Seri Kembangan dan projek ini dijangka akan dibina pada tahun 2006 dan bermulanya Rancangan Malaysia Kesembilan dan boleh digunakan pada awal tahun 2008. Komitmen ini telah disuarakan dalam Dewan ini dan juga dalam senarai Rancangan Malaysia Kesembilan pihak sekolah tersebut telah dipanggil untuk diberi taklimat berkaitan dengan projek ini. Saya mintalah projek ini boleh dilaksanakan sebagaimana yang dicommitkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini.

Akhirnya Tuan Pengerusi, dalam senarai Rancangan Malaysia Kesembilan di kawasan saya ini termasuklah pembinaan gantian bangunan atau bangunan tambahan di SJK(C) Balakong dan juga lapan sekolah kebangsaan dan sekolah menengah di kawasan saya. Kita haraplah tambahan bangunan di dalam sekolah-sekolah yang telah disenaraikan itu dapat diteruskan supaya untuk mengatasi kekurangan bilik darjah yang pada kini dan saya harap juga sekolah SJK(T) di Bangi Lama dan juga di Seksyen 5 Bangi perlu juga dapat peruntukkan untuk menaik taraf sekolah SJK(T) dan kedua-dua SJK(T).

Ini kerana sekolah-sekolah ini walaupun di bawah sebagai bantuan modal tetapi juga melalui apa yang telah diperuntukkan bantuan modal boleh digunakan supaya kedua-dua sekolah Tamil ini dapat tindakan demi kepentingan dan beri kemudahan kepada murid-murid sekolah tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Mambong.

5.06 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin menyentuh Butiran B0202 dan P00100 Pendidikan Prasekolah. Saya ingin bertanya kenapa pendidikan prasekolah ini dihadkan hanya kepada 25 orang sahaja murid di dalam setiap sekolah kebangsaan. Saya tidak tahu di Semenanjung tetapi di Sarawak di kawasan Parlimen Mambong memang begitu. Jadi saya ingin tahu kenapa dihadkan bilangan murid kepada 25? Ini adalah satu masalah besar kerana yang lainnya daripada kampung-kampung yang berdekatan dengan sekolah di manakah mereka boleh pergi?

Yang kedua, saya ingin menyentuh Butiran 020300 - Pendidikan Rendah. Di kawasan Parlimen Mambong terdapat 49 buah SK ataupun sekolah kebangsaan dan daripada bilangan itu terdapat juga sembilan buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Tidak ada SJK(T). Daripada bilangan itu juga terdapat 24 sekolah rendah mubaligh. Yang saya ingin sentuh di sini ialah tentang keciciran murid. 37% murid-murid di sekolah rendah di kawasan saya tidak dapat meneruskan pelajaran mereka hingga ke tingkatan lima. Kenapa boleh jadi begini? Adakah mereka ini kurang faham apa yang diajarkan di sekolah oleh guru-guru? Daripada berita yang saya baca di surat khabar tempatan walaupun bilangan yang tinggi murid-murid yang hadir ke sekolah sampai 98.49% ada di dalam sekolah, namun dari segi minda mereka, *mentally they are not there*. Ini bermakna mereka tidak tahu apa yang di ajar di dalam sekolah. Mungkin mereka *daydreaming* ataupun tertidur.

Ini adalah satu masalah dan kita memang ingin tahu kenapa ini berlaku. Adakah mereka ini kurang faham dari segi pengantar bahasa lebih-lebih lagi di kawasan saya memang majoritinya berbangsa Bidayuh. Jadi ini adalah satu masalah. Saya juga ingin menyentuh tentang *compulsory primary school schooling* dimestikan. Saya khuatir dengan kaum Penan di Sarawak kerana mereka ini tidak mengambil pendidikan dengan begitu serius.

Oleh yang demikian, ibu bapa-ibu bapa kaum Penan ini sudah pasti ramai dari kalangan mereka akan tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Kalaulah perundangan seperti jika mereka tidak menghantar anak ke sekolah dan seterusnya itu dihukum atau pun dipenjarakan, apakah yang akan terjadi kepada mereka ini? Bukan sahaja kaum Penan, kaum-kaum etnik yang lain di Sarawak yang jauh di pedalaman, sekolah pun jauh daripada kampung-kampung mereka. Ini adalah satu masalah yang harus dilihat oleh pihak kementerian.

Perkara seterusnya di bawah Pendidikan Rendah ialah tentang sekolah di kawasan Parlimen Mambong yang tiada bekalan elektrik 24 jam. Ini memang ada satu kesulitan bagi murid-murid untuk belajar komputer, belajar waktu malam jika mereka di asrama dan sebagainya. Enam buah sekolah lagi yang tak ada elektrik 24 jam. Bahkan sebuah sekolah yang 40km daripada Bandar Raya Kuching, 40km tidak ada bekalan elektrik 24 jam. Kenapa?

Ini saya mahu tahu kenapa sekolah ini dinamakan '**Saint Gail's Kampung Hit**'. **40km dari Bandar Raya Kuching**. Saya juga mohon penjelasan bilakah bekalan elektrik 24 jam boleh dihantar di sana.

Perkara seterusnya adalah yang berkaitan dengan Butiran B020400 - Pendidikan Menengah. Saya juga terbaca di dalam surat khabar bahawa kerajaan akan mengenal satu sistem baru iaitu *system assessment* yang baru di mana pelajar-pelajar akan diuji daripada segi *character building* dan ianya juga akan dilaksanakan pada permulaannya di 300 buah sekolah di *clusters of excellence*. Di manakah *clusters of excellence* ini? Saya pun ingin tahu dan adakah *clusters of excellence* ini termasuk sekolah-sekolah di Sarawak. Ini tentang *assessment* baru sekolah menengah, pendidikan menengah. Berkaitan dengan pendidikan menengah juga, saya dapat tahu bahawa 80% pelajar-pelajar di peringkat menengah tidak lagi mahu belajar dan keluar mencari pekerjaan.

Disebabkan oleh keputusan akademik mereka tidak baik dan juga mereka memang tidak mahu belajar lagi, bagaimanakah kita mahu menangani perkara ini? Kerajaan haruslah menangani perkara ini kerana ini adalah satu masalah besar. Jika umur yang muda seperti 15, 16 tahun selepas PMR untuk mencari kerja, mereka ini mudah terdedah kepada gejala sosial. Jika terlalu ramai begini, maka masalah sosial semakin bertambah di negara kita. Ini haruslah ditangani oleh pihak kerajaan, pihak kementerian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan jawapan Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat. Habiskan ucapan.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Oh, habiskan ucapan. Okey seterusnya yang terakhir, yang terakhir adalah Butiran 01100 - Bantuan Modal. Bantuan Modal ini saya difahamkan diberi kepada SJK(C) dan SJK(T) dan juga di sekolah rendah mubaligh. Saya ingin tahu bagaimanakah, kenapa bantuan modal ini masih wujud lagi sedangkan kerajaan ingin melihat semua sekolah dibangunkan daripada segi prasarana, fizikal dan sebagainya. Kenapa ianya masih begini dan satu buah sekolah di kawasan saya iaitu 'Saint Dunstent Kampung Ma'a'. Ini pada tahun 2004, pegawai daripada Kementerian Pelajaran datang ke sekolah itu dan melihat sekolah itu dengan sendirinya, lepas itu mereka komen bahawa sekolah itu adalah seperti reban ayam.

Setakat ini tak ada apa yang dibuat. Adalah sedikit peruntukan diberi dan kontraktor yang membaik pulih sekolah itu hanya membuat dinding sahaja. Mereka mengatakan bahawa bumbung itu tidaklah tanggungjawab mereka. Kenapa ianya ada pertindihan begini? Jadi, ini adalah satu perkara yang saya ingin tahu dan saya mahukan pihak kementerian cubalah memajukan sekolah tersebut. Saya telah pun menulis kepada Menteri sendiri dan Setiausaha Sulit telah pun memberi jawapan mengatakan ianya akan dibuat dengan secepat mungkin. Saya harap ianya akan dibuat dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

5.17 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya ingin tarik perhatian kepada Butiran 020000 iaitu Pendidikan Rendah dan Menengah dan juga berhubung dengan 020700 - Pendidikan Guru. Yang pertamanya ialah tentang perkembangan dan isu semasa yang sedang hangat dibicarakan iaitu tentang PPMSI iaitu Pengajaran Pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris.

Sesuatu yang memberangsangkan adalah daripada satu petunjuk yang dibuat daripada satu kajian TIMMS iaitu *Trends in International Mathematics and Science Studies* yang telah mengeluarkan laporannya pada penghujung tahun 2004 yang menunjukkan bahawa kesediaan Malaysia untuk berdepan dengan zaman sains dan teknologi berada pada *ranking* 10 daripada 50 buah negara yang telah dihitung, yang telah dikaji dengan cara saintifik dan secara teliti oleh peringkat antarabangsa. Ini menunjukkan kepada kita ada impak-impak yang baik daripada pengenalan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Seinggakan di peringkat antarabangsa mengakuinya kedudukan nombor sepuluh itu adalah baik kerana ada lagi negara-negara yang berada di bawah kita yang merupakan negara yang lebih maju daripada kedudukan kita sendiri.

Meskipun begitu, saya ingin menarik perhatian beberapa perkara yang merupakan rungutan semasa dan ini saya harap Kementerian Pendidikan Pelajaran perlu memberi perhatian. Yang pertamanya ialah gesaan di sana sini daripada banyak pihak termasuk ibu bapa supaya dasar PPMSI ini dikatakan daripada Johor baru-baru ini mengatakan bahawa diberhentikan dan diajar pula dalam bahasa ibunda. Kurang yakin ini pula saya rasa perlu diteliti betul-betul kenapa timbulnya kurang keyakinan ini. Pihak-pihak tertentu juga kurang yakin tentang dasar bahawa PPMSI ini akan berjaya.

Ini merupakan satu konflik yang terdapat dalam masyarakat kita. Kementerian harus pergi ke akar umbi untuk menyasat, untuk mengkajinya prestasi bahasa Inggeris, Sains dan Matematik pelajar-pelajar luar bandar adalah terlalu rendah dan ini dikatakan boleh memudaratkan prestasi anak-anak di luar bandar. Seterusnya masalah kekurangan guru. Iaitu Kementerian Pelajaran harus sedar bahawa guru-guru...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Lipis bangun. Ya, Yang Berhormat Lipis, sila.

Tuan Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, Sains dan Matematik ini sekarang menjadi polemik kerana mata pelajaran itu telah diajar dalam bahasa Inggeris. Bagi penduduk-penduduk luar bandar, inilah perkara yang amat merisaukan mereka yang ada anak yang akan berdepan dengan mata pelajaran bahasa Inggeris kerana didapati ramai guru yang mengajar Sains dan Matematik sendiri tidak boleh berbahasa Inggeris bukan sahaja baik tapi malah di peringkat sederhana.

Jadi, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, sama ada, ada atau tidak apa-apa teori setakat ini yang menunjukkan atau mengatakan bahawa jika kita gagal, lemah dalam bahasa Inggeris, kita kena mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris barulah bahasa Inggeris kita boleh jadi kuat. Ada tak apa-apa teori pengajaran dan pembelajaran begitu? Pohon penjelasan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ini juga berkaitan dengan guru-guru yang mengajar dalam mata pelajaran Matematik dan Sains ini. Sesetengah daripada mereka itu mengajar mata pelajaran ini tidak mengikut opsyen di mana mereka belajar, di maktab ataupun universiti. Jadi, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kuala Lipis tadi adalah berkaitan yakni bahawa guru-guru kita yang pertamanya harus diberi persiapan yang terbaik tetapi sesetengah kajian juga menunjukkan bahawa masalah murid tidak timbul sangat kerana murid-murid itu mereka boleh menerima dan menyerap pengetahuan dalam apa sahaja bahasa pun.

Contohnya baru-baru ini di Terengganu, anak-anak kita yang berusia enam tahun, lima tahun sudah dapat menguasai bahasa Arab yakni melalui proses Program Khatam Quran. Ini adalah kerana anak-anak itu dalam bentuk pemikiran mereka itu mereka lebih terbuka dan dengan ada guru yang baik, mengasuh melatih mereka. Mereka telah menunjukkan prestasi yang baik juga. Tetapi, dalam keadaan ini kita lihat dalam satu skala yang cukup besar. Maka masalahnya besar juga dan guru-guru kita sebenarnya tidak ada latihan yang spesifik...

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ayer Hitam bangun.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: ...Dalam bahasa Inggeris ini. Saya kira ini adalah merupakan satu *problem* (masalah) yang sedang dihadapi oleh guru-guru kita. Sesetengah guru... sekejap ya, saya bagi peluang sebentar lagi. Sesetengah guru sekarang ini yang mengajar bercampur-aduk bahasanya. Saya tertarik pada dua hari lepas saya terbaca dalam surat khabar iaitu kes melibat satu simulasi di mana pelajar menghantar satu memorandum kepada kementerian dengan menggunakan bahasa rojak, bahasa yang bercampur aduk. Ini adalah kerana suntikan dan juga guru itu sendiri mengajar dengan menggunakan bahasa pasar ataupun bahasa bercampur gaul di antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Silakan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebagai bekas Pengarah Pendidikan, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat apa pandangan Yang Berhormat, kalau kita hendak meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, bukankah lebih terus-menerus kalau kita mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dalam bahasa Inggeris itu sendiri daripada menggunakan bahasa Inggeris mengajar Sains dan Matematik. Kerana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lipis itu memang relevan.

Di kampung-kampung di kawasan saya mereka tidak faham, ibu bapa pun tidak reti bahasa Inggeris. Jadi, dalam konteks ini bukankah lebih baik menggunakan bahasa yang mudah mereka faham, gunakan bahasa ibunda masing-masing baik di luar bandar mungkin bahasa Melayu, mungkin lebih mudah difahami dan saya rasa penguasaan dalam Sains dan Matematik perlu difahami dari segi basisnya. Begitu juga dengan bahasa lain bahasa Cina untuk SJK(C) atau bahasa Tamil untuk SJK(T). Apa pandangan sebagai seorang profesional, seorang pakar dalam pendidikan, bukankah itu lebih baik?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya bersetuju sebab pandangan ahli-ahli kognitif bahasa ataupun pakar linguistik kognitif juga berpendapat daripada kajian-kajian mereka buat bahawa kanak-kanak itu lebih mudah dan lebih cepat mempelajari ataupun memahami satu konsep ilmu menerusi bahasa ibunda mereka.

Saya akur dengan pandangan itu dan sebab itulah saya sebut tadi Kementerian Pelajaran harus meneliti betul-betul daripada kajian-kajian yang saintifik daripada pakar linguistik kognitif ini seperti mana yang telah saya pergi. Di sini juga saya ingin menyebut terdapat juga sekolah-sekolah tertentu, terutamanya sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan pengajaran dalam pengajian Matematik dan Sains itu dalam bahasa ibunda mereka. Barangkali mereka ini realistik tentang keadaan kesulitan yang dihadapi oleh murid-murid itu.

Maka, itulah berlakunya keadaan di mana terdapat juga sekolah-sekolah tertentu yang di peringkat akar umbi itu mengajar Matematik dalam bahasa Inggeris dan ini adalah merupakan mengingkari sebenarnya dasar yang hendak diajukan oleh pihak kementerian, tetapi guru itu sendiri kerana pada diri mereka merasakan bahawa cara menguasai Matematik dan Sains melalui bahasa ibunda itu lebih mudah bagi mereka. Maka, mereka mengorbankan satu dasar yang baik dan memberi keutamaan kepada murid-murid. Ini merupakan satu pandangan kita supaya Kementerian Pelajaran mengambil perhatian yang serius berhubung dengan ini. Satu perkara juga rungutan daripada akar umbi...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sekejap ya. Tentang bayaran insentif yang diberi bagus. Sebenarnya bayaran insentif ini kepada guru-guru yang selama ini mengajar Matematik dan Sains dan bahasa Inggeris, tetapi telah menimbulkan pula rasa tidak berpuas hati di kalangan-kalangan guru-guru yang mengajar dalam subjek lain seolah-olah berlaku peminggiran kepada guru-guru yang mengajar bahasa Melayu misal kata sebab bahasa-bahasa lain ataupun mata pelajaran lain juga sama pentingnya dengan bahasa Inggeris. Hanya guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris, Sains dan Matematik dibekalkan dengan laptop. Satu lagi isu sekarang ini, sedangkan guru-guru lain juga memerlukan kemudahan-kemudahan sebagai pemudah cara ataupun memudahkan lagi proses pengajaran. Ya, silakan.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih, Yang Berhormat saya ada satu cadangan, saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat Lipis dan juga Yang Berhormat Ayer Hitam tentang keberkesanan penggunaan bahasa Inggeris sebagai satu bahasa pengantar dalam pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik. Saya sendiri berlatabelakangan pendidikan sekolah Cina dan saya rasa apabila kita melanjutkan pelajaran aliran Sains ke peringkat negeri, peringkat *tertiary* atau peringkat universiti, kita banyak menggunakan bahasa Inggeris.

Bolehkah kita cadangkan kepada kerajaan, kita mula pengajaran bahasa Inggeris di peringkat Tingkatan 4 dan Tingkatan 5, *upper secondary* di mana mereka lebih bersedia untuk mempelajari *terminology* dalam bahasa Inggeris. Kita mungkin adakan satu masa untuk mereka mempelajari istilah Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris pada Tingkatan 4 dan 5 sahaja, bagaimana pendapat Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Lipis.

Tuan Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, kita bertukar kepada bahasa Inggeris, Matematik dan Sains kerana kita dapati pelajar-pelajar kita lemah dalam bahasa Inggeris dan oleh kerana itu bolehlah kita andaikan bahawa guru-guru bahasa Inggeris yang ada di sekolah kita telah gagal dalam proses pengajaran dan pembelajarannya tetapi yang menghairankan saya, mereka yang gagal ini pula dibagi insentif, dibagi elaun tambahan 5% daripada gaji dan sebagainya. Sedangkan guru-guru yang berjaya mengajar dengan baik, keputusan yang baik tidak dapat insentif apa-apa, bagaimana penjelasan pandangan Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu, tolong gulung Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Saya tidak bercakap lagi ini?... [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah lima belas minit bercakap, tidak bercakap lagi?

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang terhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Sudah gulung. Sebenarnya saya ada beberapa isu lain. Saya kira sebahagian daripada ucapan sayalah, kita petik daripada dua orang Yang Berhormat yang telah sebut itu. Saya ada dua isu lagi. Boleh saya mohon dan saya akan gulung di sini, iaitu tentang masalah keciciran. Ini adalah merupakan satu masalah yang besar. Saya kira laporan daripada apa yang dibuat itu *blue print* modal insan menunjukkan bahawa 3.8% daripada anak-anak kita gagal untuk naik daripada Tingkatan 1 ke Tingkatan 5. Ini adalah jumlah yang besar, 3.8% daripada 6.3 juta, maksud angkanya adalah 242,195 orang. Ini tidak diambil kira lagi iaitu kegagalan daripada Tingkatan 5 ke IPTA.

Kecicirannya adalah pada 28% yang melibatkan 122,000. Dengan angka yang besar ini, saya kira dia akan menggawatkan lagi masalah-masalah ekonomi, masalah-masalah sosial. Maka dalam konteks ini, saya berharap sangat kepada Kementerian Pelajaran untuk benar-benar memberi perhatian yang serius kepada kadar keciciran ini. Kita tidak mengambil kira lagi dalam bentuk lokasi bandar, luar bandar, kemudian satu juga insiden yang cukup serius adalah kegagalan keciciran anak-anak Orang Asli yakni, mereka ini sudahlah terpinggir dari segi lokasinya dan menghadapi masalah untuk tidak dapat melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebut di sini ialah tentang IPG (Institut Pendidikan Guru). Sekarang ini maktab-maktab pendidikan guru, maktab-maktab perguruan ataupun Institut Pendidikan Guru sudah pun mengendalikan Program Sarjana Pendidikan Muda Pendidikan. Sedangkan mereka tidak mempunyai kelayakan untuk menawarkan ijazah sarjana itu, kerana dahulunya di bawah Akta Pendidikan 1996, maktab-maktab perguruan hanya layak untuk menawarkan sijil dan juga diploma.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Di sini saya mencadangkan supaya disemak segera supaya hak itu diberi kepada pihak IPG untuk mengendalikan dan menawarkan sarjana kepada guru-guru ini dan ini adalah merupakan satu lonjakan yang penting kalau sekiranya berhasil dalam usaha kita memartabatkan guru-guru kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

5.30 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan isu yang berkaitan dengan pendidikan. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh menyambung esok.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi esok.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.